

# LEMBAGA PEMBANGUNAN LANGKAWI



LAPORAN TAHUNAN 2021

DEDIKASI MELAKAR ASPIRASI

# LADA LAPORAN TAHUNAN 2021



# Kandungan

---

## 01 RINGKASAN EKSEKUTIF 4

- ✦ Bidang Keberhasilan Utama
- ✦ Petunjuk Prestasi Kewangan
- ✦ Pengiktirafan Pelancongan
- ✦ Jejak Masa

## 02 PROFIL KORPORAT 10

- ✦ Maklumat Korporat
- ✦ Visi, Misi dan Dasar Kualiti
- ✦ Slogan
- ✦ Nilai Bersama (Shared Value) - BIP
- ✦ Jemaah Pengarah

## 03 PERUTUSAN 16

- ✦ Perutusan Pengerusi Bersama
  - Yang Amat Berhormat Menteri Besar Kedah
  - Yang Berbahagia Dato' Haji Mohd Suhaimi bin Abdullah
- ✦ Perutusan Ketua Pegawai Eksekutif

## 04 TADBIR URUS KORPORAT 26

- ✦ Pengurusan Jawatankuasa di Bawah Jemaah Pengarah
- ✦ Jawatankuasa di Bawah Jemaah Pengarah
- ✦ Pengurusan Anak Syarikat

## 05 PENGURUSAN OPERASI DAN KHIDMAT PENGURUSAN 34

- ✦ Bahagian Sumber Manusia dan Khidmat Pengurusan
- ✦ Audit dan Kawalan Dalaman
- ✦ Pengurusan Kewangan
- ✦ Bahagian Teknologi Maklumat
- ✦ Integriti Korporat
- ✦ Pengendalian Kerja-Kerja Perundangan

## 06 PENGURUSAN KORPORAT DAN KOMUNITI 68

- ✦ Komunikasi Strategik dan Terancang Perkasa Imej Jabatan
- ✦ Pengurusan Perhubungan Awam dan Khidmat Pelanggan
- ✦ Tanggungjawab Sosial Korporat (CSR)
- ✦ Pembangunan Komuniti yang Progresif dan Dinamik

## 07 PENGURUSAN SEKTOR PELANCONGAN 86

- ✦ Situasi Semasa Industri Pelancongan Langkawi
- ✦ Aktiviti Promosi
- ✦ Program Promosi - MICE 2021
- ✦ Kursus dan Latihan
- ✦ Pengurusan Geopark dan Kelestarian

## 08 PENGURUSAN PROJEK 108

- ✦ Pelaksanaan Projek Pembangunan
- ✦ Pengurusan Projek Pembangunan
- ✦ Prestasi Projek
- ✦ Ringkasan Projek Siap

## 09 PENGURUSAN PEMBANGUNAN DAN PELABURAN 116

- ✦ Kawalan Projek Pembangunan
- ✦ Pengurusan Tanah
- ✦ Prestasi Pelaburan
- ✦ Pembangunan Usahawan

## 10 PENYATA KEWANGAN 130

# 01

## Ringkasan Eksekutif

- Bidang Keberhasilan Utama
- Petunjuk Prestasi Kewangan
- Pengiktirafan Pelancongan
- Jejak Masa



## Bidang Keberhasilan Utama

✓ Statistik Ketibaan Pelancong  
**1,093,937**  
pelancong

✓ Pendapatan Pelancong  
**RM1.22Billion**

✓ Penyaluran Sumbangan  
Tanggungjawab Sosial  
Korporat (CSR)  
**RM158,199.00**

✓ Penyaluran Sumbangan  
Pembangunan Komuniti  
**RM463,359.00**

✓ Penyaluran Bantuan  
Projek Ekonomi Baru  
(PEB)  
**RM400,000.00**

✓ Pelaksanaan Program,  
Acara Dan Projek

- Acara Pelancongan – 10 acara
- Program Pembangunan Komuniti – 14 program
- Projek Komuniti – 16 program

## Petunjuk Prestasi Kewangan

✓ Kutipan Hasil  
**RM16,269,698.94**

✓ Perbelanjaan  
**RM49,993,467.00**

✓ Nilai Pelaburan  
**RM1.207Billion**

Pengeluaran Pesanan Kerajaan &  
Baucar Bayaran

- Pesanan Kerajaan – 645 unit
- Baucar Bayaran – 4,021 unit

## Pengiktirafan Pelancongan



# JELAJAH MASA



**9 – 10 Januari**

Go Langkawi 6 Hours Endurance Race 2021

**15 Mac**

Run Langkawi Vitural 2021

**22 Ogos**

Webinar Sustainable Project

**15 September**

Naturally Langkawi In Memories Contest



**16 September**

Sambutan Penerbangan Pertama Bagi Pembukaan Semula Langkawi (MH1432)

**20 Oktober**

Take Me to Langkawi (Short Video Contest)

**15 Mac**

Sambutan Ulang Tahun LADA yang ke-32



**10 Ogos**

Naturally Langkawi Throwback Contest

**11 September**

Pembersihan Awam : Cuci-cuci Langkawi



**16 September**

Langkawi Domestic Travel Bubble

**16 September**

Program My Safe Langkawi Campaign

**30 Oktober**

Langkawi Cup 2021



**11 November**

KL Fashion Weekend 2021

**15 November**

Langkawi International Travel Bubble

**24 November**

Kejohanan Nadias Invitational Golf



**27 November**

Hari Mahsuri

**9 Disember**

PATA Gold Awards 2021 (Kategori Heritage)

Special Awards on Travel Bubble Initiatives – Lembaga Pembangunan Langkawi (LADA)



**11 – 12 Disember**

Langkawi Swimming Festival

**11 November**

Langkawi Coral Voluntourism

**21 – 27 November**

Lawn Bowls Mahsuri Cup Open Tripels 2021



**25 November**

Journey Back In Time (Langkawi Geopark Contest)

**1 - 2 Disember**

Forum Kelestarian dengan tema Pemerkasaan Komuniti Ke Arah Kemakmuran Bersama

**10 – 18 Disember**

31st Raja Muda Selangor International Regatta (RMSIR)Pembangunan Langkawi (LADA)

**31 Disember**

Kejohanan Bowling Padang Piala Geopark 2021

# 02

## Profil Korporat

- Maklumat Korporat
- Visi, Misi dan Dasar Kualiti
- Slogan
- Nilai Bersama (Shared Value) - BIP
- Jemaah Pengarah



 Kompleks LADA



## Maklumat Korporat

Lembaga Pembangunan Langkawi (LADA) diperbadankan di bawah Akta Lembaga Pembangunan Langkawi (Akta 432) pada 15 Mac 1990 sebagai sebuah agensi di bawah Kementerian Kewangan Malaysia bagi membangunkan Pulau Langkawi serta memajukannya sebagai destinasi pelancongan utama dunia.

LADA mendapat sokongan Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri Kedah melalui kepimpinan YAB Menteri Besar Kedah dan seorang lagi Pengerusi Bersama (Iantikan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri) untuk menerajui Jemaah Pengarah LADA.

Teras LADA mengutamakan pembangunan bersepadu melalui amalan pengurusan terbaik, perancangan strategik dan kolaborasi bersama agensi kerajaan, Pihak Berkuasa Tempatan, industri dan kepimpinan masyarakat.

## Slogan

### DEDIKASI MELAKAR ASPIRASI

#### RASIONAL SLOGAN

Menggambarkan pengorbanan dan usaha keluarga LADA dalam membangun dan memacu pembangunan pelancongan Langkawi sehingga mencetuskan keinginan untuk terus bersinar sebagai permata kedah dan melakar kegemilangan demi mencipta sebuah legasi yang unggul.

## Visi, Misi dan Dasar Kualiti

### Visi

Menjadi agensi peneraju untuk pembangunan Langkawi sebagai destinasi pelancongan bertaraf dunia.

### Misi

Menyelaras dan melaksanakan pelbagai inisiatif pembangunan melalui amalan pengurusan dan sistem penyampaian yang berkesan.

### Dasar Kualiti

Menyediakan sistem penyampaian dan tadbir urus yang cekap dan berkesan. Kepuasan pelanggan akan sentiasa ditingkatkan melalui pematuhan kepada keperluan-keperluan dan penambahbaikan Sistem Pengurusan Kualiti.

## Nilai Bersama (Shared Value) - BIP

### BERPASUKAN

Bekerja sebagai satu pasukan yang mantap secara kolektif dan saling membantu bagi melahirkan suasana kerja yang seronok dan harmoni.

### INTEGRITI

Melaksanakan tugas serta tanggungjawab mengikut agama, undang-undang dan peraturan tanpa mengambil kesempatan untuk faedah dan kepentingan diri.

### PROFESIONAL

Sentiasa meningkatkan ilmu dan kemahiran agar lebih kreatif, inovatif, bermotivasi dan berdaya saing untuk menghasilkan kualiti perkhidmatan yang cekap, cepat, tepat dan berkesan.



# Jemaah Pengarah

Jemaah Pengarah merupakan badan tertinggi di dalam struktur organisasi LADA. Keanggotaanya terdiri daripada dua (2) orang Pengerusi Bersama dan tiga (3) orang ahli. Pengerusi Bersama terdiri daripada Yang Amat Berhormat Menteri Besar Kedah dan seorang wakil yang dilantik oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri bagi menzahirkan komitmen Kerajaan Malaysia dalam memacu Pulau Langkawi sebagai destinasi pelancongan utama negara dan dunia.

Akta Lembaga Pembangunan Langkawi (Akta 423) menetapkan pelantikan Ahli Jemaah Pengarah LADA oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri selepas berunding dengan Yang Amat Berhormat Menteri Besar Kedah. Pengurus Besar (Ketua Pegawai Eksekutif) LADA pula menjadi ahli ex-officio dalam Jemaah Pengarah LADA.

# Keahlian Jemaah Pengarah LADA

## PENGERUSI BERSAMA

**Yang Amat Berhormat  
Dato' Seri Muhammad Sanusi  
bin Md Nor**  
Menteri Besar Kedah

**Yang Berbahagia  
Dato' Haji Mohd. Suhaimi  
bin Haji Abdullah**  
Pengerusi Bersama LADA

## AHLI JEMAAH PENGARAH

**Yang Berbahagia Dato' Suhara  
binti Salleh**  
Timbalan Pengarah  
Belanjawan Negara  
Kementerian Kewangan  
Malaysia

**Yang Berhormat  
Dato' Paduka Ammar  
bin Dato' Shaikh  
Mahmood Naim**  
Setiausaha Kerajaan  
Negeri Kedah

**Yang Berbahagia  
Datuk Mohammad bin Ismail**  
Timbalan Ketua Setiausaha  
(Pengurusan)  
Jabatan Perdana Menteri

## AHLI EX-OFFICIO

**Yang Berusaha  
Tuan Haji Nasaruddin  
bin Abdul Muttalib**  
Ketua Pegawai Eksekutif  
LADA



 **Tasik Dayang Bunting**

# 03

## Perutusan

- Perutusan Pengerusi Bersama
  - Yang Amat Berhormat Menteri Besar Kedah
  - Yang Berbahagia Dato' Haji Mohd Suhaimi Bin Abdullah
- Perutusan Ketua Pegawai Eksekutif



 Dataran Lang



# Perutusan Pengerusi Bersama

Yang Amat Berhormat  
Dato' Seri Haji Muhammad Sanusi  
bin Md. Nor, SPMK., AMK.  
Menteri Besar Kedah

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

dan

Salam "Kedah Sejahtera - Nikmat Untuk Semua".

Marilah kita bersama memanjatkan setinggi-tinggi kesyukuran kehadiran Allah SWT kerana dengan izin dan limpah rahmat-Nya LADA telah berjaya melakar pelbagai kejayaan pada tahun 2021. Ini adalah selaras dengan fungsi dan peranannya selaku agensi yang bertanggungjawab terhadap pembangunan pelancongan Langkawi.

Tahun ini merupakan tahun yang amat mencabar kerana LADA memikul amanah untuk memacu semula pembangunan sektor pelancongan di Pulau Langkawi terutamanya ketika negara masih dalam pemulihan daripada pandemik COVID-19.



LADA bersama pelbagai organisasi, syarikat dan pertubuhan bukan kerajaan (NGO) telah memainkan peranan penting dalam memberikan bantuan dan memulihkan industri pelancongan Langkawi. Penglibatan aktif pihak pengurusan dan keluarga LADA dalam menggembeng tenaga dan buah fikiran telah berjaya memastikan strategi serta inisiatif yang dirangka melalui Langkawi Tourism Recovery Plan (T-Rec) dapat dilaksanakan dengan berkesan bagi memacu semula sosioekonomi pulau pelancongan ini. Ini termasuklah kejayaan pembukaan semula pulau ini melalui Gelembung Pelancongan Domestik dan Antarabangsa Langkawi masing-masing telah berlangsung pada 16 September 2021 dan 15 November 2021.

Berdasarkan rekod statistik kedatangan pelancong ke pulau ini, Langkawi telah mencatatkan kemasukan pelancong seramai 743,685 orang selepas inisiatif ini dilancarkan. Peningkatan ini sedikit sebanyak membantu memulihkan ekonomi Langkawi dan mengembalikan keyakinan pelancong untuk melancong ke pulau ini.

Namun begitu, prestasi pelaburan bagi tahun 2021 didapati mengalami sedikit penguncupan yang mana nilai pelaburan yang direkodkan di Langkawi ialah sebanyak 1.27 bilion. Secara kasarnya, hampir 42% nilai pelaburan pada tahun ini tertumpu kepada sektor perhotelan. Walaupun nilai pelaburan ini rendah berbanding tahun-tahun sebelumnya, ia masih menunjukkan pertumbuhan prestasi pelaburan yang positif sejajar dengan pemulihan sektor pelancongan Langkawi dan turut menyumbang kepada KDNK di negeri Kedah.

LADA juga telah menzahirkan komitmen dengan menyokong agenda dan hasrat kerajaan melalui bidang kuasa yang telah diperuntukkan di bawah Akta 423 terutamanya dalam membela golongan yang terkesan dengan penutupan sektor pelancongan di pulau legenda ini.

Saya sebagai Menteri Besar Kedah amat bersyukur dan menghargai usaha yang dilaksanakan serta keikhlasan keluarga LADA dalam membela dan memulihkan sektor pelancongan di Langkawi tanpa mengenal waktu dan penat lelah. Saya berharap keluarga LADA akan terus komited, berintegriti dan bermotivasi tinggi serta kreatif dan inovatif dalam menzahirkan idea-idea baharu dalam melaksanakan tugas dan tanggungjawab yang diberikan.

Akhir kata, setinggi-tinggi penghargaan ditujukan kepada semua pihak yang terlibat dalam menerbitkan Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan LADA Tahun 2021. Semoga penerbitan ini menjadi wadah untuk meningkatkan kualiti perkhidmatan sekali gus meletakkan LADA sebagai agensi yang kekal relevan dan disegani.

# Perutusan Pengerusi Bersama

Yang Berbahagia  
Dato' Haji Mohd Suhaimi bin Abdullah

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ  
السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

Alhamdulillah, syukur ke hadrat Illahi atas penerbitan Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan LADA Tahun 2021 yang merupakan dokumentasi penting dalam memaparkan pencapaian dan aktiviti-aktiviti yang telah dilaksanakan sepanjang tahun oleh warga LADA. Saya mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan tahniah dan syabas kepada warga LADA kerana telah menonjolkan daya usaha, prestasi dan kreativiti yang tinggi dalam melaksanakan tugas sepanjang tahun 2021. Sesungguhnya tahun 2021 merupakan tahun yang amat mencabar bagi semua tidak terkecuali warga LADA dalam mendepani pandemik COVID-19. Budaya dan amalan kerja turut berubah mengikut norma baharu bagi memastikan output atau penghasilan kerja tidak terjejas.



Saya amat berbangga dengan penglibatan warga LADA dalam memulihkan sosioekonomi di Langkawi yang terkesan secara langsung akibat penutupan sektor pelancongan kesan daripada penularan pandemik COVID-19. Penutupan pintu sempadan negeri dan negara pada suku tahun pertama dan kedua, terus menghantui masyarakat Langkawi yang bergantung sepenuhnya kepada industri pelancongan sebagai sumber ekonomi mereka. LADA selaku tulang belakang Langkawi bertindak merencana dan menyusun atur gerak kerja bagi memastikan sektor pelancongan di Langkawi tidak terkubur begitu sahaja.

Tindakan mempromosi Langkawi sebagai destinasi selamat merupakan inisiatif penting dalam mengembalikan keyakinan pelancong terhadap Langkawi setelah pandemik COVID-19. Kerjasama antara semua agensi kerajaan dan pihak NGO yang terlibat dapat mengukuhkan ikatan dan seterusnya dapat merealisasikan inisiatif ini dengan masa yang singkat. Usaha membudaya norma baharu di kalangan komuniti Langkawi juga merupakan usaha yang penting bagi memastikan kesinambungan sektor pelancongan di pulau ini.

LADA tidak terkecuali memainkan peranan ini dengan melaksanakan program pembudayaan norma baharu kepada komuniti setempat dengan kerjasama pelbagai agensi. Ini semestinya bertujuan untuk mempersiapkan komuniti Langkawi serta pemain industri bagi menerima kedatangan pelancong tanpa membelakangkan pematuan tatacara pematuan piawai (SOP) untuk keselamatan semua pihak.

Selain itu, LADA turut memperkenalkan inisiatif Pembukaan Peluang Ekonomi Baru (PEB) di bawah Pelan Hala Tuju Ekonomi Langkawi

(HELANG) bagi membantu komuniti untuk memulihkan sosioekonomi mereka. Ini juga merupakan usaha yang baik dalam membantu penduduk Langkawi mengharungi kehidupan semasa pandemik melanda dunia. Dalam pada itu, LADA meneruskan komitmen bersama komuniti Langkawi dengan membelanjakan sebanyak RM400,000.00 bagi membantu komuniti dalam pelbagai bidang.

Walaupun tahun 2021 tahun yang paling mencabar dalam melaksanakan projek yang telah dirancang, LADA telah berjaya membelanjakan sebanyak RM37.6 juta bagi melaksanakan 68 projek di bawah Rancangan Malaysia Ke-11 (RMKe11) dan juga projek khas di bawah belanja mengurus. Pelaksanaan projek ini merangkumi pembinaan kemudahan awam seperti jalan raya, menyelenggara dan membina jeti dan infrastruktur asas lain bagi kemudahan dan keselesaan penduduk Langkawi.

Saya menyeru agar semua warga LADA terus memberikan komitmen dan menyemarakkan usaha-usaha murni untuk melaksanakan tugas dan tanggungjawab sebagai agensi peneraju sektor pelancongan di Langkawi. Sebetulnya, tugas memperkasa semula industri pelancongan pulau ini masih belum selesai dan perlu di perhebatkan semula.

Akhir kata, saya mengambil kesempatan merakamkan ucapan terima kasih dan tahniah kepada warga LADA atas penglibatan dan khidmat bakti yang telah ditunjukkan sepanjang tahun 2021. Saya berharap momentum kecemerlangan ini dapat dipertingkatkan pada masa akan datang agar LADA terus unggul dan dinamik.

# Perutusan Ketua Pegawai Eksekutif

Yang Berusaha  
Tuan Nasaruddin bin Abdul Muttalib

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

dan

salam Langkawi UNESCO Global Geopark,

Pertamanya, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada kedua-dua Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri, serta semua rakan strategik kami atas sokongan berterusan terhadap LADA, terutamanya bagi merealisasikan inisiatif pemulihan industri pelancongan sepanjang tahun 2021.

Perjalanan LADA pada tahun 2021 tertumpu kepada pengejalan momentum menyejahterakan komuniti serta memulihkan sektor pelancongan di Langkawi. Tahun 2020, menyaksikan pengurangan kehadiran pelancong akibat penularan pandemik COVID-19. Pada suku tahun pertama dan kedua 2021, kehadiran pelancong terus merosot akibat pelanjutan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) bagi mengekang penularan COVID-19 yang melumpuhkan sebahagian besar ekonomi negara terutama sektor pelancongan.



Namun begitu, tahun 2021 menyaksikan pelbagai usaha dan program yang telah dirancang pada tahun sebelumnya diteruskan melalui inisiatif di bawah Pelan Hala Tuju Ekonomi Langkawi (HELANG) bagi membantu kumpulan sasar yang terkesan akibat pandemik COVID-19. Sebanyak RM42,000.00 telah dibelanjakan bagi menganjurkan kursus peningkatan kemahiran keusahawanan dan ia berjaya dimanfaatkan oleh 330 orang usahawan di Langkawi. Manakala RM300,000.00 telah disalurkan kepada komuniti Langkawi bagi membantu 200 orang usahawan kecil dan sederhana (PKS) memulakan perniagaan dan mendepani cabaran untuk meneruskan kelangsungan hidup setelah berhadapan dengan krisis penularan COVID-19 yang berpanjangan. Antaranya ialah projek penternakan Lobster Air Tawar (LAT), projek tanaman Cendawan Tiram Putih serta bantuan peralatan seperti mesin semi *blower* dan peralatan tangkapan hasil laut.

Selain itu, penyaluran bantuan bekalan makanan dan keperluan juga turut dilaksanakan bagi meringankan beban komuniti di Langkawi. Melalui program Tanggungjawab Sosial dan Korporat (CSR), LADA telah menyalurkan sumbangan sebanyak RM158,199.00 yang melibatkan 35 permohonan CSR kepada pelbagai pihak.

LADA telah merangka pelbagai strategi dan inisiatif untuk terus memacu pembangunan komuniti dalam pelbagai aspek. Hal ini selaras dengan matlamat dan pembangunan transformasi negara berlandaskan Pelan Strategik Pembangunan Komuniti LADA. Fokus utama program komuniti ini adalah dalam sosial, modal insan, ekonomi kecil dan infrastruktur kecil. Berdasarkan rekod, sebanyak 14 program

dan 16 projek kecil yang melibatkan peruntukan berjumlah RM463,358.00 telah disempurnakan pada tahun ini dan ia dilaksanakan dengan mematuhi SOP yang berkuat kuasa.

Bagi sektor pelancongan pula, LADA telah merangka dan melaksanakan pelbagai inisiatif di bawah Tourism Recovery Plan atau lebih dikenali sebagai T-Rec. Pelan ini merupakan strategi pemulihan jangka pendek industri pelancongan di Langkawi. Melalui pelan ini tiga fokus utama ialah mengembalikan keyakinan pelancongan terhadap Langkawi sebagai destinasi yang selamat, meningkatkan aktiviti promosi Langkawi melalui pelbagai medium dan platform serta merancakkan semula sektor ekonomi Langkawi. Pelaksanaan pelan ini akan memberi manfaat kepada lebih 94,800 ribu orang penduduk Langkawi.

Sepanjang tahun 2021, sebanyak 10 acara pelancongan telah berjaya dilaksanakan. Acara ini dianjurkan bertujuan untuk menarik minat pelancong berkunjung ke pulau ini dan ia merupakan satu langkah mempromosikan Langkawi sebagai destinasi selamat untuk dikunjungi. Semua acara yang dianjurkan memenuhi syarat serta mematuhi tatacara pematuhan piawaian (SOP) yang dikeluarkan oleh Majlis Keselamatan Negara (MKN) bagi mengekang penularan COVID-19. Antara acara yang menjadi tumpuan ialah Langkawi Swimming Festival, Mahsuri Cup Kali Ke-22 Open Triples dan Go Langkawi 6 Hours Endurance Race.

Pada 31 Disember 2021, Langkawi mencatatkan jumlah kehadiran pelancong sebanyak 1.09 juta orang pelancong dengan pendapatan pelancongan berjumlah RM1.22 bilion. Walaupun, jumlah kedatangan pelancong pada tahun ini tidaklah sehebat tahun sebelum penularan wabak COVID-19, setidak-tidaknya pembukaan sektor pelancongan Langkawi dapat membantu komuniti tempatan menjana pendapatan semula. Jika diteliti, kemasukan pelancong ke Langkawi dapat dilihat meningkat pada empat (4) bulan terakhir apabila sempadan negeri dibuka bagi tujuan pelancongan pada 16 September 2021 di bawah inisiatif Gelembung Pelancongan Domestik Langkawi yang diperkenalkan oleh Kerajaan dan disusuli oleh Gelembung Pelancongan Antarabangsa Langkawi yang mula dibuka pada 15 November 2021. Alhamdulillah, atas kejayaan pelaksanaan inisiatif ini LADA telah merangkul Special Awards on Travel Bubble Initiatives oleh Malaysia Tourism Council pada 9 Disember 2021.

Walaupun jumlah kedatangan pelancong pada tahun ini adalah kurang berbanding tahun sebelumnya setidak-tidaknya pemulihan ekonomi dapat berlangsung secara berterusan dan membantu komuniti setempat untuk menjana pendapatan dan memulihkan semula industri pelancongan Langkawi dalam jangka masa panjang.

Sebelum mengakhiri wadah tulus ini, setinggi penghargaan ditujukan khas buat keluarga LADA yang tidak putus-putus menyajikan perkhidmatan yang cemerlang demi kesejahteraan bumi Mahsuri ini. Ribuan terima kasih jua kepada semua pihak yang telah menyumbang kepada perkembangan positif dalam usaha memperkasa komuniti dan memulihkan semula sosioekonomi Pulau Langkawi. Melangkah ke hadapan, marilah kita terus berganding bahu dan bekerjasama dengan lebih erat untuk menjadikan Langkawi sebagai pulau pelancongan terkemuka di dunia.

# 04

## Tadbir Urus Korporat

- Pengurusan Jawatankuasa di Bawah Jemaah Pengarah
- Jawatankuasa di Bawah Jemaah Pengarah
- Pengurusan Anak Syarikat

KILIM GEOFOREST PARK



## Pengurusan Jawatankuasa di Bawah Jemaah Pengarah

Kegiatan Jemaah Pengarah LADA ditentukan oleh kuasa, kewajipan dan tanggungjawab yang diberikan oleh pihak berkuasa iaitu Kerajaan Persekutuan. Kuasa ini telah diperuntukan di dalam Akta LADA iaitu Akta 423. Jemaah Pengarah merupakan jawatankuasa tertinggi yang meluluskan perkara-perkara dasar dan strategik berkaitan pelancongan, pelaburan, perancangan dan pembangunan, tadbir urus serta pengurusan LADA.

Pada tahun 2021, Mesyuarat Jemaah Pengarah LADA telah berjaya dilaksanakan sebanyak tiga (3) kali secara suku tahunan pada tarikh seperti jadual di bawah:

Bil.	Butiran Mesyuarat	Jumlah Pembentangan Kertas		
		Kelulusan	Perakuan	Pemakluman
1	Mesyuarat Jemaah Pengarah LADA Bilangan 1/2021 Tarikh : 18 Februari 2021	11		2
2	Mesyuarat Jemaah Pengarah LADA Bilangan 2/2021 Tarikh : 12 Julai 2021	11		4
3	Mesyuarat Jemaah Pengarah LADA Bilangan 3/2021 Tarikh : 30 Ogos 2021	3		0
4	Mesyuarat Jemaah Pengarah LADA Bilangan 3/2021 Tarikh : 20 Disember 2021	11		5
<b>Jumlah</b>		<b>36</b>		<b>13</b>

Jadual 1 : Kekerapan mesyuarat dan jumlah pembentangan kertas kerja

## Jawatankuasa di Bawah Jemaah Pengarah

### Jawatankuasa Perkhidmatan

#### PENGERUSI

YB Dato' Paduka Ammar bin Dato' Shaikh Mahmood Naim

Jemaah Pengarah LADA

#### KEAHLIAN

I. YBrs. Tuan Nasaruddin bin Abdul Muttalib  
Ketua Pegawai Eksekutif LADA

II. YBrs. Tuan Wan Kamarul Faisal bin Wan Kamardin  
Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif  
(Perancang & Pembangunan) LADA

III. YBrs. Tuan Haji Ahmad Fuad bin Che Ani @ Abd Ghani  
Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif  
(Pengurusan) LADA

IV. Encik Yusman Hambali bin Ahmad  
Pengurus Bahagian Sumber Manusia dan  
Khidmat Pengurusan LADA

#### BIDANG TUGAS

- i. Menimbang, memperakukan dan meluluskan semua urusan sumber manusia meliputi pengurusan modal insan, prestasi dan perkhidmatan, bakat serta pemberian kemudahan, ganjaran atau elaun; dan
- ii. Bertindak dalam bidang kuasa Pihak Berkuasa Melantik.

Takwim mesyuarat bagi tahun 2021

Bil.	Butiran Mesyuarat	Kelulusan	Pemakluman
1	Mesyuarat Jawatankuasa Perkhidmatan LADA Bilangan 1/2021 Tarikh : 8 April 2021	5	1
2	Mesyuarat Jawatankuasa Perkhidmatan LADA Bilangan 1/2021 Tarikh : 5 Ogos 2021	5	1
<b>Jumlah</b>		<b>15 Kertas</b>	<b>3 kertas</b>

Jadual 2 : Kekerapan mesyuarat dan jumlah pembentangan kertas kerja



## Jawatankuasa Kewangan

### PENGERUSI

**YBhg. Datuk Mohammad bin Ismail**  
Jemaah Pengarah LADA

### KEAHLIAN

**I. YBhg. Dato' Suhara binti Salleh**  
Jemaah Pengarah LADA

**II. YBrs. Tuan Abdul Majid bin Salleh**

**III. YBrs. Tuan Nasaruddin bin Abdul Muttalib**  
Ketua Pegawai Eksekutif LADA

**IV. YBrs. Tuan Haji Ahmad Fuad bin Che Ani @ Abd Ghani**  
Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif (Pengurusan) LADA

### BIDANG TUGAS

- Meluluskan agihan bajet tahunan;
- Memantau prestasi kewangan;
- Meluluskan penetapan kadar sewaan terhadap aset yang merangkumi premis kediaman, ruang pejabat, ruang perniagaan, tanah dan aset-aset lain;
- Memperakukan mana-mana pekeliling berkuat kuasa bagi tujuan pindaan dan peraturan baru yang tiada dalam mana-mana arahan, pekeliling atau surat pekeliling;
- Menilai dan memperakukan permohonan pajakan bagi pelaburan baru di atas tanah milik LADA;
- Meluluskan perbelanjaan sumber dalaman sehingga RM200,000 bagi setiap permohonan menggunakan sumber dalaman dan tidak melebihi RM800,000 setahun;
- Meluluskan kos rawatan perubatan lanjut pegawai dan keluarga di hospital atau pusat pakar berjumlah melebihi RM20,000 menggunakan Peruntukan Mengurus; dan
- Meluluskan kos rawatan lanjut kakitangan dan keluarga di Institut Jantung Negara (IJN).

Takwim mesyuarat bagi tahun 2021

Bil.	Butiran Mesyuarat	Jumlah Pembentangan Kertas		
		Kelulusan	Perakuan	Pemakluman
1	Mesyuarat Jawatankuasa Kewangan LADA Bil.1/2021 Tarikh : 22 Mac 2021	4 kertas	6 kertas	2 kertas
2	Mesyuarat Jawatankuasa Kewangan LADA Bil.2/2021 Tarikh : 28 Jun 2021	-	6 kertas	2 kertas
3	Mesyuarat Jawatankuasa Kewangan LADA Bil.3/2021 Tarikh : 17 September 2021	8 kertas	1 kertas	2 kertas
4	Mesyuarat Jawatankuasa Kewangan LADA Bil.4/2021 Tarikh : 3 Disember 2021	2 kertas	3 kertas	3 kertas
<b>Jumlah</b>		<b>14 kertas</b>	<b>16 kertas</b>	<b>9 kertas</b>

Jadual 3 : Kekerapan mesyuarat dan jumlah pembentangan kertas kerja

## Jawatankuasa Audit

### PENGERUSI

**YBhg. Dato' Suhara binti Salleh**  
Jemaah Pengarah LADA

### KEAHLIAN

**I. YBhg. Datuk Mohammad bin Ismail**  
Jemaah Pengarah LADA

**II. YB Dato' Ammar bin Dato' Shaikh Mahmood Naim**  
Jemaah Pengarah LADA

### BIDANG TUGAS

- Mengkaji keperluan Unit Audit Dalam termasuk piagamnya;
- Mengkaji keberkesanan dan keutuhan sistem kawalan dalaman;
- Mengkaji dan meluluskan Rancangan Audit Tahunan;
- Mengkaji laporan daripada Unit Audit Dalam dan audit luar dan memperakukan tindakan susulan kepada Lembaga Pengarah;

- Mengkaji dan menasihati Lembaga Pengarah berhubung Penyata Kewangan dan lain-lain laporan kewangan yang dikeluarkan;
- Mengkaji dan menasihati Lembaga Pengarah berhubung maklumat prestasi aktiviti yang diaudit;
- Mengesan ketidakpatuhan peraturan serta tata kelakuan pegawai/kakitangan dan menjiyasat sebarang pertikaian dalam organisasi;
- Memastikan LADA mengubahsuai pelaksanaan kerja selaras dengan perubahan iktisad yang berlaku dalam bidang perakaunan;
- Melaporkan sebarang penyelewengan/fraud untuk tindakan yang bersesuaian;
- Memastikan tidak terdapat sekatan atau batasan yang tidak wajar yang boleh menjejaskan pelaksanaan pengauditan dan Unit Audit Dalam diberikan akses yang sesuai pada maklumat dalam pelaksanaan tugasnya;
- Memastikan Unit Audit Dalam mempunyai sumber yang mencukupi dan kakitangan yang kompeten bagi membolehkan ia berfungsi dengan berkesan dan;
- Melaksanakan lain-lain fungsi yang ditetapkan oleh Lembaga Pengarah dari semasa ke semasa.

Takwim mesyuarat bagi tahun 2021

Bil.	Butiran Mesyuarat	Jumlah Pembentangan Kertas		
		Kelulusan	Perakuan	Pemakluman
1	Mesyuarat Jawatankuasa Audit LADA Bil.1 Tahun 2021 Tarikh : 16 Ogos 2021	-	1 kertas	3 kertas
2	Mesyuarat Jawatankuasa Audit LADA Bil.2 Tahun 2021 Tarikh : 16 Ogos 2021	-	-	2 kertas
3	Mesyuarat Jawatankuasa Audit LADA Bil.3 Tahun 2021 Tarikh : 11 November 2021	1 kertas	-	1 kertas
<b>Jumlah</b>		<b>1 kertas</b>	<b>1 kertas</b>	<b>6 kertas</b>

Jadual 4 : Kekerapan mesyuarat dan jumlah pembentangan kertas kerja

## Pengurusan Anak Syarikat

LADA melaksanakan fungsinya dengan menubuhkan syarikat milikan penuh, syarikat bersekutu dan syarikat pelaburan. Fungsi utama syarikat-syarikat ini adalah untuk menguruskan aset-aset strategik dan komersial milik LADA. Berikut merupakan senarai syarikat subsidiari, syarikat bersekutu dan juga syarikat pelaburan yang dilantik bagi menguruskan aset-aset LADA:

Bil.	Nama Syarikat	Kategori	Perkhidmatan Teras
1	Panorama Langkawi Sdn. Bhd. (PLSB)	Milik Penuh	Pelancongan dan Perkhidmatan
2	Langsura Geopark Sdn. Bhd. (LGSB)	Milik Penuh	Pelancongan dan Hospitaliti
3	International Eagle Resources Sdn. Bhd. (IERSB)	Milik Penuh	Perkhidmatan Pembangunan Perladangan dan Hartanah
4	Integrated Nautical Resort Sdn. Bhd. (INRSB)	Syarikat Bersekutu Milik Syarikat Subsidiari	Reka Bentuk, Pembangunan, Pembinaan dan Operasi Hotel Mewah
5	Garuda Suci Sdn. Bhd. (GSSB)	Syarikat Bersekutu Milik Syarikat Subsidiari	Reka Bentuk, Pembangunan, Pembinaan dan Operasi Hotel Mewah
6	Royal Langkawi Yatch Club (RLYC)	Syarikat Pelaburan	Industri Bot
7	Telaga Harbour Sdn. Bhd. (THSB)	Pengurusan Aset LADA	Pengurusan dan Operator Pelabuhan
8	Elegant Services Sdn. Bhd. (ESSB)	Syarikat Pelaburan	Pengurusan Kompleks Jeti
9	Langkawi Port Sdn. Bhd. (LPSB)	Syarikat Bersekutu	Pengurusan dan Operator Pelabuhan

Jadual 5 : Senarai syarikat-syarikat LADA berkepentingan bagi tahun 2021

Berikut adalah gerak kerja yang telah dilaksanakan bagi memantau pengurusan syarikat-syarikat tersebut:

- Mesyuarat Jawatankuasa Bersama (JCM) LADA dan syarikat subsidiari, syarikat bersekutu dan syarikat yang menguruskan aset LADA;
- Pelaporan prestasi syarikat subsidiari, syarikat bersekutu dan syarikat yang menguruskan aset LADA;
- Pelaporan Ahli Lembaga Pengarah syarikat subsidiari, syarikat bersekutu dan syarikat yang menguruskan aset LADA;
- Lawatan penanda aras pengurusan produk pelancongan; dan
- Kursus kewangan melibatkan syarikat subsidiari dan syarikat bersekutu.

Syarikat-syarikat berkenaan secara keseluruhannya menunjukkan prestasi yang baik dan menghasilkan pulangan kepada LADA serta kerajaan. Penubuhan syarikat-syarikat ini juga telah mewujudkan peluang pekerjaan kepada komuniti tempatan. Selain itu, bantuan juga disalurkan kepada komuniti melalui program Tanggungjawab Sosial Korporat (CSR). Agihan keuntungan oleh syarikat-syarikat ini telah digunakan dalam pelaksanaan pelbagai program dan projek komuniti tanpa mengabaikan pembangunan sektor pelancongan di Langkawi.



# 05

## Pengurusan Operasi dan Khidmat Pengurusan

- Bahagian Sumber Manusia dan Khidmat Pengurusan
- Audit dan Kawalan Dalaman
- Pengurusan Kewangan
- Bahagian Teknologi Maklumat
- Integriti Korporat
- Pengendalian Kerja-Kerja Perundangan



# Bahagian Sumber Manusia dan Khidmat Pengurusan

## Pengurusan Sumber Manusia

### PERJAWATAN

LADA mempunyai 315 watan perjawatan yang diluluskan. Sehingga 31 Disember 2021, sebanyak 297 pengisian perjawatan telah dibuat oleh LADA. Atas keperluan pelaksanaan fungsi dan pengoperasian, LADA turut melaksanakan pengisian jawatan melalui kaedah kontrak dan sambilan. Sebanyak 51 pengisian telah dibuat

mengguna pakai kaedah kontrak dengan pecahan satu (1) jawatan Kontrak Perkhidmatan (Contract of Service) dan 50 jawatan kontrak pembelian perkhidmatan (Contract for Service). Manakala dua (2) jawatan diisi menggunakan kaedah sambilan.

Maklumat perjawatan sehingga 31 Disember 2021 adalah seperti berikut:

- a. Tetap, Pinjaman, dan Kontrak Perkhidmatan (*Contract Of Service*)

Bil.	Kumpulan Perkhidmatan	Perjawatan	Isi	Kosong
1	Pengurusan Tertinggi	3	3	0
2	Pengurusan dan Profesional	63	51	12
3	Kumpulan Pelaksana 1 (Gred 19-40)	167	163	4
4	Kumpulan Pelaksana 2 (Gred 1-14)	80	79	1
5	Perkhidmatan Am (Jawatan Kumpulan)	2	1	1
<b>Jumlah</b>		<b>315</b>	<b>297</b>	<b>18</b>

Jadual 6 : Ringkasan Maklumat Perjawatan Tahun 2021

- b. Pengisian Secara Kontrak Pembelian Perkhidmatan (*Contract for Service*)

Bil.	Kumpulan Perkhidmatan	Bil. Kakitangan
1	Pengurusan dan Profesional	3
2	Kumpulan Pelaksana 1 (Gred 19-40)	23
3	Kumpulan Pelaksana 2 (Gred 1-14)	24
<b>Jumlah</b>		<b>50</b>

Jadual 7 : Ringkasan Pengisian Secara Kontrak Pembelian Perkhidmatan (*Contract For Service*) Tahun 2021

Fungsi LADA sepertimana Akta 423 memberi keutamaan kepada sektor sosioekonomi dalam usaha memakmurkan Langkawi dan menyejahterakan komuniti setempat. Untuk makluman, komuniti Langkawi turut mendapat manfaat dan merupakan komposisi terbesar pengisian jawatan di LADA pada ketika ini. Pecahan perjawatan bagi pegawai dan kakitangan LADA adalah seperti berikut:

Bil.	Kategori	Pecahan Jawatan			
		Tetap	Kontrak	Sambilan	Jumlah
1	Pegawai/Kakitangan Kelahiran Daerah Langkawi	123	33	2	158
2	Pegawai/Kakitangan Kelahiran Negeri Kedah	101	6	-	107
3	Pegawai/Kakitangan Kelahiran Negeri-negeri Lain	73	11	-	84
<b>Jumlah</b>		<b>297</b>	<b>50</b>	<b>2</b>	<b>349</b>

Jadual 8 : Ringkasan Bilangan Perjawatan Berdasarkan Negeri Kelahiran Tahun 2021

### PENGURUSAN PRESTASI DAN PEMBANGUNAN MODAL INSAN

#### Pembangunan Modal Insan

Kecemerlangan sesebuah organisasi terletak pada aset utamanya iaitu modal insan. Modal insan mesti sentiasa berilmu, memiliki kemahiran dan berfikiran strategik supaya sentiasa relevan dengan peredaran masa dan perubahan persekitaran. Tahap penyampaian perkhidmatan merupakan kayu ukur bagi tahap kekompetenan warga LADA. Justeru, bagi memantapkan kemahiran warga LADA seiring dengan norma baharu, pelbagai usaha dilaksanakan bagi memastikan LADA terus unggul di bumi Langkawi dengan mencipta kelainan, mewujudkan dan menambah nilai warganya.


atau era pendigitalan dalam penyampaian perkhidmatan. Kekangan dan halangan semasa pandemik sememangnya telah menjadi cabaran dalam merealisasikan perancangan program pembangunan kompetensi secara bersemuka. Namun, ia tidak menjadi isu bagi melahirkan warga kerja yang kompeten walaupun hakikatnya ia memerlukan masa dalam membiasakan norma baharu dalam pekerjaan dan kehidupan. Pada tahun 2021 juga, banyak program pembangunan kompetensi secara bersemuka tidak dapat dilaksanakan sepenuhnya.

Pengurusan kompetensi norma baharu amat memerlukan warga LADA untuk mempunyai kemahiran dan pengetahuan asas dalam bidang teknologi maklumat agar terus bergerak selari dengan perkembangan teknologi baharu

Dalam memastikan warga LADA terus menguasai kemahiran yang diperlukan bagi memantapkan keprofesionalan mereka, BSMKP terus melaksanakan program-program kompetensi secara dalam talian. Warga LADA perlu merangsang minda, pengalaman dan


memantapkan kemahiran agar dapat melaksanakan tugas dengan lebih baik. Hakikatnya, tidak boleh dinafikan, pandemik hari ini terjadi memberi sejuta erti yang perlu dilihat oleh semua warga LADA untuk mensyukuri peluang yang diberikan dan terus bangkit dalam memberi perkhidmatan yang lebih baik dan cemerlang kepada organisasi.

Sepanjang tahun 2021, Bahagian Sumber Manusia dan Khidmat Pengurusan (BSMKP) telah mengatur dan menganjurkan sebanyak 133 program pembangunan kompetensi kepada warga LADA. Pecahan kursus dalaman dan luaran adalah seperti berikut:




Rajah 1 : Ringkasan Program Pembangunan Kompetensi Dalaman dan Luaran Tahun 2021

### BIL. KURSUS DALAMAN DAN LUARAN



Rajah 2 : Perincian Program Pembangunan Kompetensi Dalaman dan Luaran Tahun 2021 Secara Bulanan

Berdasarkan rekod kehadiran berkursus tahun 2021, jumlah keseluruhan warga LADA adalah seramai 347 orang. Rajah 3 menerangkan statistik kehadiran berkursus warga LADA bagi tahun 2021. Secara umumnya pencapaian kehadiran berkursus adalah 76% kerana tahun ini masih didalam tempoh pasca pandemik. Selain itu, berlaku pengurangan penawaran kursus oleh agensi penyedia perkhidmatan sepanjang tempoh tersebut. Statistik kehadiran berkursus pegawai dan kakitangan bagi tahun 2021 adalah seperti berikut:



Rajah 3 : Statistik Kehadiran Berkursus Pegawai dan Kakitangan LADA Tahun 2021

Seterusnya, selain program pembangunan kompetensi teknikal dan generik, BSMKP juga terus menggalakkan budaya perkongsian ilmu di kalangan warga LADA. Ini termasuklah melaksanakan Program Knowledge Sharing serta Lawatan Penanda Aras ke agensi/ jabatan lain bagi bertukar idea dan meneroka ilmu yang dimiliki oleh agensi terbabit. Selain itu, menerusi program sebegini, ia akan dapat mengukuhkan jaringan hubungan antara agensi yang akhirnya memberikan peluang yang baik dalam memperkasa serta boleh memudahkan penyampaian perkhidmatan dilakukan secara tepat, cepat dan berkualiti.

Pada tahun 2021 juga, BSMKP turut melaksanakan Program Training Week bagi mendapatkan maklum balas warga LADA mengenai program kompetensi yang diperlukan selain memberikan

informasi bagi melaksanakan pembelajaran secara sendiri dan dalam talian. Program ini akan dilaksanakan secara tahunan untuk memastikan pelaksanaan program-program kompetensi yang dianjurkan kelak bertepatan dan selari dengan kehendak pelanggan yang akhirnya akan mewujudkan keharmonian dan meningkatkan kehadiran warga LADA ke semua program kompetensi yang ditetapkan.

Walaupun LADA merupakan agensi tertutup, namun pemantapan semula kemahiran ialah mandatori kerana kaedah penyampaian perkhidmatan hari ini telah banyak berubah dan perlu diingat pembangunan modal insan ialah kunci utama kepada penilaian prestasi dan kualiti kerja.

### MAJLIS ANUGERAH PERKHIDMATAN CEMERLANG LADA TAHUN 2020

Majlis Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC) LADA Tahun 2020 telah diadakan pada 14 November 2021 bertempat di Hotel Bayview Langkawi. Majlis APC pada tahun ini bertemakan "Tribute to Frontliners" yang melambangkan pengorbanan barisan hadapan yang memberi komitmen daripada segi tenaga dan masa dalam menghadapi COVID-19. Majlis ini diadakan sebagai penghargaan kepada 27 orang penerima APC. Penerima terdiri daripada lima (5) orang pegawai dari Kumpulan Pengurusan dan Profesional, dan juga 22 orang dari Kumpulan Pelaksana.



Semoga majlis anugerah ini memberi inspirasi kepada semua warga LADA mencipta perkhidmatan cemerlang kepada Langkawi.

Penerima APC menerima insentif seperti berikut:

- Sijil Perkhidmatan Cemerlang; dan
- Sijil Simpanan Premium bernilai RM1,000.00.

## PEMBUDAYAAN HRMIS

### Aplikasi myHRMIS Mobile

LADA telah membudayakan aplikasi myHRMIS mobile di kalangan warganya. Antaranya adalah myHRMIS Cuti, myHRMIS Profil dan myHRMIS eGL. Segala urusan dilihat lebih mudah menggunakan aplikasi ini yang boleh dicapai di mana-mana sahaja.



E-Poster Kursus Webinar HRMIS anjuran JPA

LADA turut membuat hebahan melalui Program HRMIS4U di mana setiap peserta perlu memuat turun aplikasi myHRMIS mobile bagi melayakkan mereka menyertai semua aktiviti yang dilaksanakan. Selain itu, pasukan HRMIS LADA turut menyertai kursus webinar anjuran JPA bagi memantapkan lagi pengurusan HRMIS di jabatan.

## SISTEM H.E.A.T (SISTEM PENGGUNAAN KOS RAWATAN PERUBATAN)

LADA telah mewujudkan sistem H.E.A.T sejak tahun 2015 untuk Bahagian Sumber Manusia dan Khidmat Pengurusan merekodkan penggunaan kos rawatan perubatan di 10 Klinik Panel dan dua (2) Hospital Pakar yang diluluskan oleh Pengurusan LADA seperti berikut:

Bil.	Klinik Panel dan Hospital Pakar	Bil.	Klinik Panel dan Hospital Pakar
1	Kedah Medical Centre (KMC)	7	Klinik Lisa & Zaidy Consultation
2	Putra Medical Centre (PMC)	8	Klinik Pergigian Rosila
3	Chenang Clinic Medical and Surgery	9	Klinik Ummi
4	Dr. Boo Clinic & Surgery	10	Poliklinik Perdana Langkawi
5	Klinik Dr Naga	11	Klinik Pergigian Chew
6	Klinik ICare	12	Klinik Pergigian Chong

Jadual 9 : Senarai Hospital Pakar dan Klinik Panel

LADA telah memperuntukkan RM3,500.00 setahun bagi setiap warga LADA lantikan tetap termasuk suami/isteri, anak-anak, ibu bapa serta RM1,200.00 setahun bagi lantikan kontrak bagi kakitangan sahaja.

## Khidmat Pengurusan

### SISTEM PENGURUSAN KUALITI MS ISO 9001:2015

LADA telah memperoleh pensijilan semula MS ISO 9001:2015 bagi tempoh tiga (3) tahun bermula 5 September 2020 sehingga 4 September 2023. Pensijilan ini meliputi enam (6) skop perkhidmatan iaitu Pengurusan Acara Pelancongan, Pengurusan Promosi Pelancongan, Pengurusan Pembangunan Projek Fizikal, Pengurusan Pelaburan Komersial, Pengurusan Sewa dan Pengurusan Pensijilan Semula. Melalui audit pemantauan yang telah dilaksanakan oleh SIRIM QAS Sdn. Bhd. pada 4 & 5 Oktober 2021, LADA berjaya memperoleh keputusan yang cemerlang iaitu tanpa sebarang laporan ketakakuran (NCR) dalam pelaksanaan proses kerja. Audit Pemantauan yang dilaksanakan adalah untuk memastikan pematuhan kepada proses kerja dan prosedur yang telah berkuat kuasa. Langkawi UNESCO Global Geopark.

### SISTEM PENGURUSAN REKOD SECARA DIGITAL

Penularan wabak COVID-19 yang melanda negara pada awal tahun 2020 telah memberikan cabaran dalam aspek pengurusan rekod jabatan. Seiring dengan perkembangan teknologi serta aspirasi Kerajaan untuk memperkasakan pendigitalan dalam Sektor Awam melalui Pelan Strategik Pendigitalan Sektor Awam 2021-2025, LADA telah mula melaksanakan penggunaan Digital Document Management System (DDMS 2.0) pada 6 Januari 2021 dengan kerjasama Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU). Penggunaan DDMS 2.0 adalah penting bagi memastikan pengurusan rekod jabatan dilaksanakan secara sistematik dan mematuhi garis panduan yang ditetapkan.

Bagi meningkatkan pemahaman dan kemahiran warga kerja LADA berkenaan pelaksanaan DDMS 2.0, sesi latihan berkenaan penggunaan DDMS 2.0 telah dilaksanakan pada 4 & 5 Januari 2022. Di samping itu, sesi libat urus berkenaan pelaksanaan DDMS 2.0 LADA bersama MAMPU juga telah diadakan pada 21 November 2021 sebagai salah satu strategik inisiatif untuk mentransformasikan tadbir urus di peringkat jabatan.

## PENGURUSAN PEROLEHAN

LADA menguruskan perolehan berdasarkan amalan tadbir urus baik dengan berpandukan kepada prinsip-prinsip perolehan seperti akauntabiliti awam, diuruskan secara telus, nilai faedah yang terbaik, saingan terbuka serta adil dan saksama. Proses perolehan adalah merujuk kepada peraturan Pekeliling Perbendaharaan (PP) dan Arahan Ketua Pegawai Eksekutif (AKPE) LADA dari masa ke masa. Jumlah perolehan bagi tahun 2021 adalah sebanyak RM 24,433,416.71 mengikut perincian perolehan yang dilaksanakan seperti berikut:

Kaedah Perolehan	Bilangan Perolehan	Nilai (RM)
Tender	1	2,989,028.28
Sebut harga	73	10,842,096.30
Rundingan Terus (PK7)	83	2,496,434.14
Pelantikan Perunding	11	4,422,387.15
Kerja Requisition (Undian)	4	202,836.20
Pembelian Terus	461	3,039,592.54
Lantikan Terus (Penggiliran)	36	366,582.10
Kontrak Pusat/Sistem Panel	5	74,460.00

Jadual 10 : Kaedah Perolehan Tahun 2021

## KESELAMATAN DAN PENGURUSAN LOGISTIK JABATAN

LADA mempunyai 55 orang anggota Polis Bantuan di Unit Keselamatan yang membuat kawalan keselamatan ke atas aset-aset seperti rumah sewa, gerai, taman rekreasi, kenderaan rasmi dan tanah-tanah milik agensi di enam (6) lokasi yang digabungkan seperti berikut:

Bil.	Lokasi
1	Kompleks LADA
2	Kompleks Sukan Langkawi
3	Taman Legenda/Dataran Lang/Jeti Pelancongan
4	Mahsuri International Exhibition Centre (MIEC)/Laman Padi
5	Taman Nilam/Geopark Discovery Centre (GDC)
6	Taman Medan Berjaya

Jadual 11 : Lokasi Post Kawalan Polis Bantuan LADA Tahun 2021

Unit Logistik merupakan unit yang menguruskan 41 buah kenderaan rasmi LADA termasuk lori dan motosikal. Seramai 12 orang pemandu dan enam (6) orang Pembantu Laut ditugaskan untuk mengendalikan pengurusan kenderaan rasmi LADA. Kenderaan-kenderaan ini digunakan untuk membawa pegawai bagi melaksanakan tugas rasmi seperti menghadiri mesyuarat dan lawatan tapak projek serta untuk penggunaan dalam acara-acara anjuran LADA.

Selain itu, LADA juga mendapat permohonan penggunaan kenderaan dari agensi-agensi luar bagi menghadiri program di Langkawi dengan mengguna pakai AKPE Bilangan 4 Tahun 2019 – Penggunaan Kenderaan Rasmi Lembaga Pembangunan Langkawi Oleh Agensi Luar.

## Audit dan Kawalan Dalaman

### Kawalan dan Pengurusan Audit Dalaman

Kerangka utama pelaksanaan aktiviti audit serta kawalan dalaman oleh Unit Audit Dalam (UAD) diterjemahkan melalui Rancangan Audit Tahunan. Bagi tahun 2021, Rancangan Audit Tahunan ini telah disediakan menggunakan pendekatan berasaskan risiko (risk based) terutamanya risiko kewangan dan undang-undang. Pelbagai aktiviti/program audit dirancang pada tahun ini dengan mengambil kira usaha penambahbaikan dan nilai tambah bagi memantapkan pengurusan kewangan dan prestasi pengurusan program/aktiviti di LADA.



Selaras dengan Rancangan Audit Tahun 2021 ini, UAD telah menyelesaikan sejumlah enam (6) aktiviti/program audit termasuk dua (2) pelaporan bagi pengauditan khas/siasatan. Selain itu, sebanyak 21 pelaporan ringkas bagi aktiviti khidmat nasihat telah dikeluarkan berkenaan isu-isu berbangkit secara ad-hoc di LADA yang memerlukan penyelesaian dengan segera bagi tahun ini.

Rancangan Audit Tahun 2021 telah diluluskan di dalam Mesyuarat JKAD Bil. 3/2020 yang bersidang pada 18 Disember 2020.

Pelan pelaksanaan bagi setiap program/aktiviti dibentangkan secara menyeluruh meliputi objektif, skop serta risiko pengauditan yang akan dilaksanakan oleh UAD pada tahun 2021.

## Pelaksanaan Perancangan Aktiviti/Program Audit

Aktiviti/program pengauditan dijalankan berdasarkan dua (2) jenis pengauditan iaitu pengauditan Pengurusan Prestasi dan pengauditan Kawalan Dalaman dan Pematuhan meliputi tiga (3) daripada enam (6) teras utama aktiviti audit.



Tanjung Lembung



Auditan Tanah



Audit Penghutang



Semakan Tunggakan

Selain daripada melaksanakan pengauditan secara dalaman, UAD turut membantu serta menyelaras keperluan maklumat pengauditan daripada pihak audit luar, seperti Jabatan Audit Negara (JAN), Audit Dalam Perbendaharaan (ADP) dan Audit Dalam Jabatan Perdana Menteri, mengikut keperluan.



Audit Dalam Perbendaharaan (ADP)



Aktiviti lawatan pemantauan projek dilaksanakan oleh pasukan UAD bertujuan untuk memantau prestasi semasa projek, membuat pemerhatian terhadap isu-isu berbangkit di tapak serta mendapatkan maklumat-maklumat terkini ketika pengauditan dijalankan.



Langkawi UNESCO Global Geopark Discovery Centre (GDC)



Kuala Sungai Melaka



Pulau Tepor



Tasik Dayang Bunting

Pelaksanaan aktiviti pemeriksaan mengejut oleh UAD ditetapkan pada kadar dua (2) kali setahun. Pemeriksaan yang dijalankan secara mengejut ini bertujuan untuk menilai sama ada tatacara kutipan dan penyimpanan hasil telah dibuat dengan teratur di kaunter kutipan hasil yang terpilih. Selain itu, pemeriksaan/semakan secara mengejut yang dibuat terhadap kontrak penyelenggaraan juga membolehkan penilaian sebenar dibuat terhadap kontrak kerja yang sedang berkuat kuasa dan seterusnya mencadangkan tindakan selanjutnya hasil daripada pemerhatian tersebut.



Taman Lagenda



KSL



Aktiviti khidmat nasihat yang dijalankan oleh UAD juga tidak terhad kepada kehadiran pegawai dan kakitangan audit dalam mesyuarat di peringkat pengurusan. Pelbagai medium digunakan dalam memastikan amalan terbaik sentiasa diamalkan oleh LADA seperti sesi perbincangan bersama auditi, kehadiran juruaudit ke bengkel-bengkel pembangunan/hala tuju, penerbitan laporan ringkas bagi menjawab kuir /isu-isu berbangkit dari bahagian/unit lain serta mengutarakan pandangan dan pendapat berlandaskan peraturan yang berkuat kuasa.



SRIKANDI



Penyelesaian Isu Hotel St. Regis, Langkawi

Laporan audit dikeluarkan merangkumi pemerhatian dan penemuan audit, syor dan cadangan berserta maklum balas pengurusan yang seterusnya akan dikemukakan kepada Jawatankuasa Audit (JKAD) untuk perbincangan dan menentukan hala tuju serta tindakan selanjutnya. UAD juga melaksanakan susulan audit untuk menentukan kecukupan dan keberkesanan terhadap tindakan yang diambil oleh pihak pengurusan dalam memperbaiki setiap penemuan audit terdahulu dan seterusnya memaklumkan maklumat terkini kepada JKAD.



Jawatankuasa Audit (JKAD)



## Pengurusan Kewangan

Bahagian Kewangan merupakan nadi yang menentukan perjalanan dan pentadbiran kewangan LADA. Bahagian ini juga berperanan sepenuhnya dalam memastikan setiap transaksi yang terlibat mematuhi peraturan dan dasar kewangan yang berkuat kuasa dari semasa ke semasa.

### Analisis Pencapaian Keseluruhan

#### PENGELUARAN PESANAN KERAJAAN DAN PENYEDIAAN BAUCAR BAYARAN

Pada tahun 2021, terdapat penurunan bagi jumlah pengeluaran Pesanan Kerajaan iaitu sebanyak 9.9% berbanding tahun 2020. Manakala bagi Penyediaan Baucar Bayaran di LADA berlakunya pengurangan sebanyak 15.72% berbanding tahun 2020. Butiran perincian perbezaan bagi perkara tersebut untuk tahun 2020 dan 2021 adalah seperti berikut:

**2020** Pesanan Kerajaan – 716 unit  
Baucar Bayaran – 4,771 unit

Pesanan Kerajaan – 645 unit  
Baucar Bayaran – 4,021 unit **2021**

Rajah 4 : Ringkasan Pengeluaran Pesanan Kerajaan dan Baucar Bayaran bagi Tahun 2021

#### PEMROSESAN BIL DAN TUNTUTAN

Bahagian Kewangan telah berjaya menyelesaikan 100% proses tersebut dalam tempoh 14 hari. Berikut merupakan Perincian laporan setiap bulan bagi tahun 2021:

Bulan	Tahun 2021		Jumlah Bil	%
	Bil. (1-7 Hari)	Bil. (8-14 Hari)		
Jan	210	0	210	100
Feb	235	0	235	100
Mac	345	1	346	100
Apr	397	0	397	100
May	320	0	320	100
Jun	216	0	216	100
Jul	284	0	284	100
Aug	325	2	327	100
Sep	351	0	351	100
Oct	310	1	311	100
Nov	412	1	413	100
Dec	895	0	895	100
<b>Jumlah</b>	<b>4300</b>	<b>5</b>	<b>4305</b>	<b>100</b>

Jadual 12 : Laporan Prestasi Bil Januari - Disember 2021



#### Keterangan Gambar

Aktiviti berkumpul bagi menyelesaikan isu/permasalahan berkaitan prosedur pengurusan kewangan.

## Pemantapan Pengurusan Kewangan

Bahagian Kewangan telah berjaya melaksanakan Refresher Course (Pengurusan Kewangan, Perakaunan, Perolehan, Pengauditan dan Integriti) kepada pegawai dan kakitangan LADA bagi tahun 2021. Program tersebut telah dilaksanakan pada 8 Disember 2021 bertempat di Hotel Pelangi Beach Resort & SPA, Langkawi.

Kursus ini melibatkan seramai 35 orang pegawai daripada setiap bahagian/unit yang terlibat secara langsung dengan pengurusan kewangan di LADA. Penganjuran kursus ini adalah bertujuan untuk memberi pendedahan dan meningkatkan pemahaman kepada pegawai mengenai pengurusan kewangan termasuklah prosedur teguran-teguran audit yang perlu diperbaiki pada masa hadapan.

Konsep penganjuran pada kali ini turut menampilkan sedikit perbezaan yang mana peserta diberikan tugas menyelesaikan masalah dalam menangani isu pengurusan kewangan.



#### Keterangan Gambar

Persembahan/pembentangan daripada setiap kumpulan mengikut isu/permasalahan yang diberi



#### Keterangan Gambar

Semakan bil-bil tertunggak di Kaunter Bergerak, Taman Nilam

## Kaunter Bergerak di Taman Nilam, Langkawi

Pada tahun 2021, Bahagian Kewangan telah melaksanakan Program Kaunter Bergerak sebanyak dua (2) kali iaitu pada bulan November dan Disember 2021 bertempat di kawasan perumahan milik LADA bagi mengutip hasil sewa beli rumah Taman Nilam.


Jumlah kutipan yang diperolehi daripada dua (2) kali program tersebut adalah sebanyak RM32,410.00. Kutipan hasil ini berjaya menarik seramai 57 orang individu membuat bayaran.

## Lelongan Awam di Taman Nilam, Langkawi

Selain itu, dua sesi lelongan awam melalui penguatkuasaan penghakiman menerusi Lelongan Awam ke atas penghutang premis Gerai Taman Nilam telah berjaya diadakan pada tahun 2021. Lelongan awam ini telah melibatkan tiga (3) premis milik LADA iaitu Gerai Taman Nilam nombor 1, nombor 2 dan nombor 3. Jumlah kutipan keseluruhan daripada lelongan awam tersebut ialah RM7,560.00.

Tarikh	Amaun
1 Disember 2021	7,510.00
7 Disember 2021	50.00
6 Disember 2021	1,955.00
22 Disember 2021	720.00
<b>Jumlah Keseluruhan</b>	<b>10,235.00</b>

Jadual 13 : Tarikh Pelaksanaan Lelongan dan Jumlah Kutipan bagi Tahun 2021.



#### Keterangan Gambar

Gambar proses lelongan berlangsung

## Pematuhan Tempoh Bayaran Bil

Pada tahun 2021, LADA berjaya melaksanakan 100% proses tuntutan bil dalam tempoh 14 hari sekali gus berjaya mencapai KPI yang ditetapkan dalam Pengurusan Kewangan.

## Bahagian Teknologi Maklumat

Bahagian Teknologi Maklumat (BTM) LADA berperanan dalam menyediakan perkhidmatan sokongan ICT kepada warga LADA dan bertanggungjawab terhadap perkembangan dan penyetarasan ICT di LADA. ICT dijadikan sebagai pemangkin di dalam menjadikan LADA sebagai sebuah organisasi yang unggul. Seiring dengan hasrat pendigitalan sektor awam kerajaan, BTM sentiasa berusaha dalam mengoptimumkan penggunaan ICT dalam pengoperasian LADA bagi membantu LADA menyampaikan perkhidmatan yang lebih berkesan.

## Pencapaian dan Aktiviti Bahagian

Beberapa projek utama telah dilaksanakan sepanjang tahun 2021 untuk menggerakkan pembangunan ICT LADA di landasannya secara berterusan seperti berikut :

### POLISI ICT LADA

Bahagian Teknologi Maklumat (BTM) LADA bertanggungjawab dalam menyediakan perkhidmatan, infrastruktur dan sumber ICT yang dapat memberi sumbangan ke arah kecekapan pentadbiran dan pengoperasian LADA. Secara asasnya, skop perkhidmatan ICT di LADA adalah melibatkan fungsi dan tugas seperti berikut :

- |  |                                       |
|--|---------------------------------------|
| a. Pengurusan Perolehan ICT;                           | e. Pengurusan Pinjaman Peralatan ICT; |
| b. Pengurusan Rangkaian;                               | f. Pengurusan Laman Web;              |
| c. Pengurusan Pembangunan Sistem dan Aplikasi Dalaman; | g. Pengurusan Penyelenggaraan ICT;    |
| d. Pengurusan Emel;                                    | h. Pengurusan Multimedia; dan         |
|  | i. Pengurusan Bilik Server.           |

Sebahagian fungsi dan tugas ini mempunyai dasar atau polisi yang perlu dipatuhi berdasarkan rujukan kepada Pekeliling dan Garis Panduan ICT Kerajaan. Walau bagaimanapun, dasar ini tidak didokumenkan di LADA untuk dijadikan panduan kepada pengoperasian ICT agensi. Justeru BTM telah membangunkan Polisi Teknologi Maklumat dan Komunikasi LADA (Polisi ICT LADA) yang bertujuan untuk memastikan sumber dan penggunaan ICT LADA dapat dikawal selia dan

diuruskan dengan cara yang terbaik, memastikan isu-isu kerahsiaan, keselamatan, bidang kuasa dan etika pengguna ICT dilindungi dan diuruskan melalui saluran yang betul. Di samping itu, polisi ini juga menyediakan rangka-kerja dan sumber rujukan yang lengkap mengenai hal ehwal Teknologi Maklumat di LADA. Polisi ini telah dilulus penggunaannya pada 6 April 2021 dan boleh diakses melalui laman web LADA.

### SISTEM E-MEL LADA

Sistem e-mel merupakan media komunikasi utama yang digunakan dalam sesebuah organisasi. Bermula daripada penggunaan e-mel secara sumber luar (outsourcing), BTM secara berperingkat telah mula melaksanakan pengurusan e-mel dalaman. Sistem e-mel LADA menggunakan perisian Zimbra versi 8.0 sejak 10 tahun yang lalu. Pada Jun 2021, BTM telah mula menaik taraf perisian ini ke versi yang terkini iaitu versi 9.0 sejajar dengan keperluan semasa terutama daripada aspek keselamatan pengurusan e-mel yang lebih baik dan tambahan fungsi berbanding versi lama. Proses naik taraf mengambil masa hampir dua (2) bulan yang melibatkan sebanyak 300 akaun pengguna e-mel LADA. Melalui versi baru ini, pengguna dapat merasai *look & feel* yang berbeza dengan antara muka yang lebih moden berbanding versi terdahulu.

### NAIK TARAF JARINGAN RANGKAIAN

Selain Kompleks LADA, operasi LADA juga turut dilaksanakan di produk-produk utama LADA seperti Kompleks Sukan Langkawi (KSL) dan Laman Padi. Infrastruktur ICT di kedua-dua lokasi ini telah pun usang dan berada dalam keadaan yang sangat kurang kondusif. Jaringan rangkaian sedia ada juga tidak dikonfigurasi dengan baik. Justeru, BTM telah melaksanakan kerja naik taraf jaringan rangkaian di kedua-dua lokasi ini dengan

melaksanakan penggantian peralatan rangkaian dan memasang sistem kabel yang lebih tersusun. Selain itu, Laman Padi juga turut dipasang dengan peranti security appliance yang mempunyai ciri-ciri Virtual Private Network (VPN), Identity Awareness, Intrusion Prevention System dan Application Control yang membolehkan capaian secara terus ke rangkaian LADA.

## PERTAMBAHAN FASILITI SIDANG VIDEO LADA

Sepanjang musim pandemik ini, keperluan untuk mengadakan mesyuarat dalam talian dan webinar amat mendesak dan memerlukan BTM untuk menyediakan fasiliti sidang video yang bersesuaian. Pada tahun 2021, BTM telah memasang tiga (3) unit peralatan sidang video tambahan untuk melengkapkan fasiliti bilik mesyuarat di Bahagian Perancangan, Bahagian Sumber Manusia dan Khidmat Pengurusan serta di Bilik Mesyuarat Ketua Pegawai Eksekutif. Selain itu, unit mobil peralatan sidang video juga disediakan untuk kegunaan webinar dan mesyuarat-mesyuarat yang dianjurkan di luar Kompleks LADA.

## PEMASANGAN DOMAIN CONTROLLER LADA

LADA tidak mempunyai fasiliti untuk menguruskan sumber ICT dalam rangkaian LADA. Sebelum ini, LADA mempunyai 300 orang pengguna dan pelbagai peralatan ICT di dalam satu rangkaian tetapi pengurusan bagi setiap sumber ICT tersebut diuruskan secara manual. Justeru, BTM telah memasang perisian domain controller yang berfungsi untuk menguruskan sumber-sumber ICT LADA secara berpusat. Antara fungsi domain controller ini ialah merekodkan semua sumber ICT di dalam rangkaian LADA, melaksanakan polisi keselamatan ICT, mengautomatiskan pengurusan update/patches yang terkini untuk mengesan vulnerabilities, mengautomatiskan proses instalasi dan memadam perisian aplikasi ke setiap komputer dan laptop dalam rangkaian LADA dan menjimatkan masa penyelenggaraan kerana sebahagian besar proses penyelenggaraan dapat dilaksanakan dalam skala besar.

## SISTEM STATISTIK LADA

Sistem ini dibangunkan untuk membantu penjaanaan laporan statistik kedatangan pelancong ke Langkawi secara sepusat yang melibatkan pelbagai maklumat dari pelbagai agensi. Antara data yang direkodkan adalah seperti berikut :


- Kedatangan pelancong melalui Pintu Masuk Jeti, Lapangan Terbang, Cruise, Yatch dan Langkawi Port;
- Kedatangan pelancong antarabangsa dan domestik;
- Statistik penginap hotel; dan
- Statistik pengunjung produk pelancongan.

Sistem ini memaparkan maklumat dalam format carta graf dan jadual yang mana semua maklumat ini telah disahkan oleh Jawatankuasa Pengesahan Data.

Pembangunan sistem ini merangkumi tiga (3) Fasa :-

- Fasa 1 - Menyediakan antara muka paparan yang lebih tersusun dan mudah difahami untuk data kedatangan pelancong melalui pintu masuk ke Langkawi yang disimpan dalam pangkalan data.
- Fasa 2 - Membangunkan modul untuk kegunaan pengguna memasukkan data yang dikumpulkan secara bulanan. Pengguna sistem awam perlu berdaftar untuk capaian data sistem ini.
- Fasa 3 - Membangunkan modul data penginap hotel (hotel guests) dan data pengunjung produk yang disimpan dalam pangkalan data berserta dengan kemasukan data oleh pengguna.

Pembangunan sistem ini mengambil masa setahun kerana data-data perlu dianalisis dan dipaparkan dalam bentuk yang boleh difahami oleh orang awam. Pembangunan dan naik taraf sistem ini masih dilaksanakan dari semasa ke semasa dengan kerjasama Bahagian Pelancongan LADA.



Sepanjang tahun 2021, teknologi ICT terus diperkemas dan dinaik taraf sejajar dengan keperluan semasa. Selain itu, pembangunan sistem juga turut diberi penekanan agar pengoperasian LADA tidak terjejas, justeru memastikan agensi ini dapat terus membantu Langkawi menghadapi fasa pemulihan pandemik COVID-19.

# Integriti Korporat

Unit Integriti (UI) ditubuhkan sebagai kawalan dalaman untuk menguruskan integriti dalam organisasi LADA. UI bertanggungjawab untuk melaksanakan enam (6) fungsi teras iaitu memastikan tadbir urus yang terbaik dilaksanakan, pengukuhan integriti melalui program pemantapan dan pembudayaan integriti di kalangan warga kerja LADA, mengesan dan mengesahkan aduan salah laku, menerima dan mengambil tindakan ke atas semua aduan, memastikan pematuhan undang-undang dan peraturan yang berkuat kuasa dan melaksanakan fungsi keurusetiaan tata tertib dan surcaj.

## Tadbir Urus

Dalam usaha LADA membudayakan amalan tadbir urus yang berintegriti sebagai nadi utama dalam pengurusan kerja setiap warga kerja LADA, elemen tadbir urus telah dilaksanakan seperti berikut:

### ARAHAN KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF (AKPE)

Sepanjang tahun 2021, UI telah berjaya menerbitkan tiga (3) Arahan Ketua Pegawai Eksekutif (AKPE) LADA seperti berikut:

- a. AKPE Bilangan 3 Tahun 2021: Polisi Pengurusan Percanggahan Kepentingan;
- b. AKPE Bilangan 4 Tahun 2021: Polisi Pengurusan Pengaruh Luar Dan Surat Sokongan; dan
- c. AKPE Bilangan 11 Tahun 2021: Garis Panduan Penetapan Format Penulisan Arahan Ketua Pegawai Eksekutif Lembaga Pembangunan Langkawi.

### PELAN ANTIRASUAH ORGANISASI (PARLADA 2020-2024)


Pelan Antirasuah Organisasi Lembaga Pembangunan Langkawi atau dikenali sebagai PARLADA 2020-2024 telah dilancarkan pada 21 Disember 2020. Pelan ini dibangunkan sebagai bukti komitmen dan rujukan kepada seluruh warga LADA dalam mencegah rasuah dan meningkatkan integriti organisasi.

PARLADA 2020-2024 diwujudkan berteraskan tiga (3) bidang keutamaan iaitu pentadbiran sektor awam, tadbir urus dan perolehan awam.

#### RINGKASAN PARLADA 2020-2024



Sehingga Disember 2021, status pelaksanaan inisiatif PARLADA 2020-2024 adalah seperti jadual di bawah:



#### STATUS PELAKSANAAN INISIATIF PARLADA (SEHINGGA DISEMBER 2021)

Rajah 5 : Status Pelaksanaan Inisiatif PARLADA 2020-2024 Sehingga Disember 2021

Objektif Strategi	Jumlah Inisiatif	Selesai	Dalam Pelaksanaan	Belum Dilaksanakan
Merekayasa Perkhidmatan Awam ke Arah Tadbir Urus yang Baik	13	8	4	1
Memperluaskan Pelaksanaan Program Kesedaran Integriti dan Nilai-Nilai Murni	7	3	4	-
Meningkatkan Ketelusan Perolehan Awam dan Pengurangan Risiko Rasuah	20	6	14	-
Memastikan Pengamalan Ketelusan di LADA	16	7	7	2
Memastikan Daya Tahan Terhadap Ancaman Rasuah di LADA	10	6	4	-
<b>Jumlah Keseluruhan</b>	<b>66</b>	<b>30</b>	<b>33</b>	<b>3</b>

Jadual 14 : Ringkasan Pelaporan PARLADA sehingga Disember 2021

## KOD ETIKA LADA

Bagi memastikan penerapan budaya dan nilai-nilai murni secara berterusan di kalangan warga kerja LADA, Naskah Integriti LADA Siri 1/2021 telah diterbitkan. Selain input berkaitan maklumat integriti dan rasuah, naskah ini turut menghimpunkan infografik Integrity Today mulai Bilangan 1 Tahun 2020 hingga Bilangan 4 Tahun 2020 yang juga telah dihebahkan kepada warga kerja LADA melalui e-mel dan laman web LADA.

Contoh Muka Hadapan Naskah integriti LADA Siri 1/2021



Berikut adalah contoh infografik Integrity Today di dalam Naskah Integriti LADA Siri 1/2021:

**INTEGRITY TODAY**  
**PEMATUHAN WAKTU BEKERJA PENJAWAT AWAM**

Kegagalan Mematuhi Waktu Bekerja Bertentangan Dengan Perintah Am 5, Perintah Am Bab 6 Waktu Bekerja Dan Lebih Masa 1974 Dan Peraturan 24, Peraturan Pegawai Awam (Keteluaan Dan Tatatertib) 1993

**PENGURUS BAHAGIAN/KETUA UNIT**  
Perlu memastikan pergerakan pegawai dengan **MEMASTIKAN** pegawai di bawah seliaan mendapat **KEBENARAN** sebelum meninggalkan pejabat dalam waktu bekerja

**PATUHI**  
Waktu Bekerja Fiksiti  
8.00 pagi - 5.00 petang  
8.30 pagi - 5.30 petang  
9.00 pagi - 6.00 petang  
Waktu Rehat  
1.00 petang - 2.00 petang

**"BIASAKAN YANG BETUL, BETULKAN YANG BIASA"**

Unit Integriti Lembaga Pembangunan Langkawi  
Aras 2, Kompleks LADA, Jalan Persiaran Putra, 07000 Langkawi  
Telefon : 04-9600 770/771 / 786/784  
Emel : integrity@lada.gov.my

**INTEGRITY TODAY**  
**WASPADA SALAH LAKU PENGGUNAAN KAD PERAKAM WAKTU SATU KESALAHAN**

Setiap warga kerja perlu mengetik Kad Perakam Waktu (KPW) masuk dan keluar pejabat selaras dengan waktu bekerja yang telah ditetapkan. Warga kerja juga adalah dilarang sama sekali untuk mengetik KPW orang lain

**PEGAWAI YANG DIDAPATI BERSALAH BOLEH DIKENAKAN TINDAKAN TATATERTIB DI BAWAH PERATURAN 3, BAHAGIAN II, PERATURAN-PERATURAN TATATERTIB BADAN-BADAN BERKANUN, AKTA BADAN-BADAN BERKANUN (TATATERTIB DAN SURCAJ) 2000 [AKTA 605]**

**"BIASAKAN YANG BETUL, BETULKAN YANG BIASA"**

Unit Integriti  
Lembaga Pembangunan Langkawi  
Aras 2, Kompleks LADA, Jalan Persiaran Putra,  
07000 Langkawi  
Telefon : 04-9600 770/771/786/784

**INTEGRITY TODAY**  
**MELAKUKAN PEKERJAAN LUAR TANPA KEBENARAN ADALAH SATU KESALAHAN**

Pekerjaan luar tidak boleh dilakukan melainkan dengan **KEBENARAN KETUA JABATAN** dengan syarat :

1. Tidak boleh dilakukan dalam waktu pejabat dan semasa dikehendaki menjalankan tugas rasmi
2. Tidak dibenarkan menggunakan harta benda LADA untuk tujuan tersebut
3. Tidak menjejaskan kebergunaan sebagai penjawat awam
4. Tidak bercanggah dengan kepentingan perkhidmatan Badan Berkanun

**PEGAWAI PENYELIA**  
adalah bertanggungjawab untuk menjalankan pengawasan tatatertib ke atas pegawai di bawah seliaannya dan sekiranya gagal,  
**Pegawai Penyelia boleh dikenakan tindakan tatatertib** kerana **TELAH CUAJ** dalam melaksanakan tugasnya di bawah Peraturan 21, Bahagian II (Akta 605)

Unit Integriti Lembaga Pembangunan Langkawi  
Aras 2, Kompleks LADA, Jalan Persiaran Putra, 07000 Langkawi  
Telefon : 04-9600 770/771/786/784, Emel : integrity@lada.gov.my

**"BIASAKAN YANG BETUL, BETULKAN YANG BIASA"**

**INTEGRITY TODAY**  
**BIJAKLAH MENGURUSKAN HUTANG-HUTANG ANDA**

SUPAYA ANDA TIDAK TERGOLONG DALAM **KETERHUTANGAN KEWANGAN YANG SERIUS**

Pegawai Yang Tidak Melaporkan Atau Lengah Melaporkan Keterhutangan Kewangannya Yang Serious Atau Yang Melaporkan Keterhutangan Kewangannya Yang Serious Tetapi Tidak Mendedahkan Takat Keterhutangannya Itu Dengan Sepenuhnya Atau Memberikan Keterangan Yang Palsu Atau Yang Mengelirukan Mengenai Keterhutangannya Adalah Suatu Pelanggaran Tatatertib. Pegawai Boleh Dikenakan Tindakan Tatatertib Di Bawah Peraturan 3(2)(d) Akta Badan-Badan Berkanun (Tatatertib Dan Surcaj) 2000 (Akta 605)

Unit Integriti Lembaga Pembangunan Langkawi  
Aras 2, Kompleks LADA, Jalan Persiaran Putra, 07000 Langkawi  
Telefon : 04-9600 770/771/786/784, Emel : integrity@lada.gov.my

**"BIASAKAN YANG BETUL, BETULKAN YANG BIASA"**

## Urus Setia Jawatankuasa Peringkat Jabatan

Sepanjang tahun 2021, UI telah menjadi urus setia kepada empat (4) jawatankuasa utama. Fungsi bagi empat (4) jawatankuasa adalah seperti berikut:

Bil.	Jawatankuasa	Fungsi
1	Jawatankuasa Tatatertib LADA	<ul style="list-style-type: none"> <li>Melaksanakan keurusetiaan bagi Jawatankuasa Tatatertib dan Jawatankuasa Rayuan Tatatertib LADA.</li> </ul>
2	Lembaga Surcaj LADA	<ul style="list-style-type: none"> <li>Melaksanakan keurusetiaan bagi Lembaga Surcaj LADA.</li> </ul>
3	Jawatankuasa Antirasuah LADA	<ul style="list-style-type: none"> <li>Mengenal pasti isu, masalah dan langkah-langkah penambahbaikan berdasarkan empat (4) terma rujukan yang telah ditetapkan;</li> <li>Mencadangkan langkah-langkah penyelesaian dan cadangan penambahbaikan kepada JAR Peringkat Kebangsaan; dan</li> <li>Memperakukan mana-mana pekeling yang berkuat kuasa bagi tujuan pengesahan terhadap laporan pelaksanaan enam (6) fungsi teras utama Unit Integriti.</li> </ul>
4	Jawatankuasa Menilai Maklumat LADA	<ul style="list-style-type: none"> <li>Menilai dan memutuskan tindakan terhadap maklumat atau aduan berkaitan pelanggaran integriti Pegawai yang diadakan.</li> </ul>

Jadual 15 : Fungsi Mesyuarat Utama Berkaitan Integriti LADA Tahun 2021

UI telah berjaya melaksanakan dan menyelaras tujuh (7) mesyuarat utama bagi tadbir urus integriti seperti berikut:

Mesyuarat	Tarikh
Jawatankuasa Tatatertib LADA	Bilangan 1 Tahun 2021 15 Disember 2021
Jawatankuasa Lembaga Surcaj LADA	Bilangan 1 Tahun 2021 20 Disember 2021
	Bilangan 1 Tahun 2021 20 Januari 2021
Jawatankuasa Antirasuah LADA	Bilangan 2 Tahun 2021 23 Mei 2021
	Bilangan 3 Tahun 2021 29 September 2021
Jawatankuasa Menilai Maklumat LADA	Bilangan 1 Tahun 2021 2 Februari 2021
	Bilangan 2 Tahun 2021 26 Oktober 2021

Jadual 16 : Mesyuarat Utama Berkaitan Integriti LADA Tahun 2021

## Pengukuhan Integriti

Bagi meningkatkan sistem penyampaian perkhidmatan dan penerapan budaya yang berintegriti tinggi dalam kalangan warga LADA, UI telah melaksanakan program seperti berikut:

### i – Talk : PROGRAM KEWANGAN RINGGIT SENTAP KASI MANTAP


Program ini telah diadakan pada 8 April 2021 di Hotel Goldsands dan disampaikan oleh Puan Hartini Binti Hussin dan Encik Tan Chee Hong dari Agensi Kaunseling Dan Pengurusan Kredit (AKPK) Negeri Kedah. Sesi ini bertujuan memberi pendedahan berkenaan pengurusan kewangan dan menguruskan hutang dengan bijak. Program ini telah dihadiri oleh 70 orang pegawai daripada Kumpulan Pengurusan & Profesional dan Pelaksana di LADA.

Program ini telah dihadiri oleh

# 70 orang

pegawai daripada Kumpulan Pengurusan & Profesional dan Pelaksana di LADA






### PROGRAM KEMPEN GERAKAN MEMERANGI PEMBERI RASUAH (GEMPARK)

Program ini ialah kolaborasi di antara LADA bersama pihak Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) Negeri Kedah dengan penglibatan penyertaan warga kerja dan anak syarikat LADA. Objektif bagi pelaksanaan program ini adalah memberi penekanan kepada perkara-perkara seperti integriti di kalangan penjawat awam, kesalahan-kesalahan rasuah, pengiktirafan kepada penjawat awam, hukuman rasuah serta saluran untuk melaporkan rasuah. Selain itu, ia turut memberi peringatan kepada penjawat awam agar menolak rasuah dan melaporkan perbuatan tersebut kepada pihak SPRM.

Pada masa yang sama, mendidik orang ramai agar tidak sesekali menawarkan rasuah kepada penjawat awam dan membersihkan perkhidmatan awam daripada jenayah rasuah dan salah guna kuasa, malah pelengkap kepada Kempen 3J (Jangan Hulur, Jangan Kawtim, Jangan Settle) yang dilancarkan oleh pihak SPRM sebelum ini.

Bil.	Tempat	Tarikh	Peserta
1	Secara Dalam Talian	17 Ogos 2021	90 Orang (Siri 1)
2	Secara Dalam Talian	1 September 2021	90 Orang (Siri 2)

Jadual 17 : Program Kempen Gerakan Memerangi Pemberi Rasuah (GEMPARK)



### IKRAR BEBAS RASUAH (IBR)

Majlis Ikrar Bebas Rasuah (IBR) Tahun 2021 di LADA telah diadakan bertempat di Dewan Besar, Kompleks LADA pada 30 November 2021. Majlis ini merupakan *smart - partnership* LADA bersama SPRM Negeri Kedah. Lafaz ikrar bebas rasuah LADA telah diketuai oleh YBrs. Tuan Nasaruddin Bin Abdul Muttalib, Ketua Pegawai Eksekutif LADA dan disaksikan oleh YBhg. Dato' Haji Shaharom Nizam Bin Abdul Manap, Pengarah SPRM Negeri Kedah.



Objektif pelaksanaan majlis ini adalah bertujuan memberi penekanan kepada ikrar dan janji yang dibuat oleh barisan kepimpinan tertinggi dan warga kerja LADA. Ikrar dan janji ini dilakukan secara sukarela atas kapasiti sebagai warga kerja LADA yang komited dalam memastikan tugas dilaksanakan dengan amanah serta menjauhi perlakuan rasuah selama memegang jawatan yang diamanahkan. Seramai 28 orang pegawai dan kakitangan LADA telah mengangkat lafaz dan menandatangani Ikrar Bebas Rasuah (IBR) pada tahun ini.







### PROGRAM LATIHAN “DO THE RIGHT THING”

Bagi mewujudkan budaya kerja beretika dan berintegriti yang berterusan dalam kalangan warga kerja LADA, program latihan “Do the Right Thing”, kendalian Institut Integriti Malaysia (IIM) diteruskan dan telah diadakan pada 22 Disember 2021 di Hotel Aloft, Pantai Chenang, Langkawi kepada 30 orang warga LADA Kumpulan Pelaksana. Program ini memfokuskan kepada pemahaman berhubung konsep kuasa, tanggungjawab dan amanah dalam pelaksanaan tugas sebagai penjawat awam.



### PROGRAM LATIHAN ETIKA DAN INTEGRITI

Program latihan ini diadakan pada 23 Disember 2021 di Hotel Dash, Pantai Chenang, Langkawi secara bersemuka kepada 30 orang warga kerja LADA Kumpulan Pengurusan & Profesional. Program ini dianjurkan bagi meningkatkan pemahaman dan menerangkan kepentingan etika dan integriti dalam jabatan terutamanya kepada penjawat awam. Selain itu, menambahkan kesedaran pentingnya etika dan integriti dalam melaksanakan tugas-tugas seharian, komitmen dan kerjasama pelbagai sektor dalam usaha peningkatan integriti supaya ia menjadi budaya masyarakat dan diamalkan dalam semua bidang.



## Aktiviti Pematuhan

Sepanjang tahun 2021, terdapat 191 aktiviti pematuhan yang telah dilaksanakan bagi memastikan pematuhan terhadap undang-undang dan peraturan yang berkuat kuasa berbanding yang direkodkan pada tahun 2020 iaitu sebanyak 95 aktiviti.

Secara ringkas, peningkatan aktiviti pematuhan bagi pemantauan pekerjaan luar berbanding tahun 2020 ialah berikutan hebahan yang giat dilaksanakan oleh Unit Integriti serta kesedaran warga kerja LADA bagi pematuhan kepada peraturan yang berkuat kuasa.

Manakala, pengurangan aktiviti pematuhan bagi pemantauan Kad Perakam Waktu pula ialah disebabkan peralihan fungsi dan tanggungjawab kepada Bahagian Sumber Manusia dan Khidmat Pengurusan (BSMKP) mulai bulan Ogos 2021.

Pelaksanaan pematuhan adalah seperti jadual di bawah:

Bil.	Aktiviti Pematuhan	Jumlah
1	Pemantauan Borang Keluar Pejabat	3
2	Pemantauan Pekerjaan Luar	106
3	Pemantauan Penerimaan Hadiah	6
4	Pemantauan Kelulusan Pinjaman Kenderaan	4
5	Pemantauan Kelulusan Pinjaman Komputer/Telefon	20
6	Pemantauan Kelulusan Pinjaman Peribadi	30
7	Hot Spot Checking (Pemeriksaan Mengejut)	1
8	Pemantauan Kelulusan Tugas Rasmi Ke Luar Negara	3
9	Pemantauan Kad Perakam Waktu	7
10	Pemantauan Keterhutangan Yang Serius	11
<b>Jumlah Pemantauan Pematuhan</b>		<b>191</b>

Jadual 18 : Rekod Aktiviti Pematuhan Unit Integriti Tahun 2021

Unit Integriti kekal bersemangat dan tetap memberikan komitmen dalam melaksanakan amanah yang dipertanggungjawabkan sepanjang tahun 2021 walaupun berhadapan dengan kekangan dan cabaran kemelut wabak pandemik COVID-19.

## Pengendalian Kerja-Kerja Perundangan

Sepanjang tahun 2021, LADA aktif di dalam pelbagai tindakan perundangan melibatkan pelaksanaan lebih daripada 75 perjanjian. Hak-hak LADA turut dipertahankan melalui pelbagai tindakan di pelbagai peringkat Mahkamah Sivil melibatkan kes-kes pengambilan balik tanah, kontrak binaan, kutipan hutang pelbagai, pengurusan produk dan pindahmilik hartanah. Berikut adalah core business Unit Undang-undang dalam melaksanakan kerja-kerja perundangan di LADA:

### Program Latihan Perundangan

#### CONTINUOUS LEGAL EDUCATION PROGRAMME 2021

Selain daripada kerja-kerja perundangan yang dilaksanakan dari semasa ke semasa, Unit Undang-undang juga aktif dalam melaksanakan program Latihan perundangan bagi meningkatkan kefahaman para pegawai dan kakitangan dalam melaksanakan urusan kerja bagi meminimalkan risiko perundangan kepada LADA.

Untuk tujuan itu, Unit Undang-undang dengan kolaborasi Anak-anak Syarikat LADA iaitu Panorama Langkawi Sdn. Bhd. dan Langsura Geopark Sdn. Bhd. telah menganjurkan Bengkel Pemahaman Undang-undang Pembinaan (Construction) dan Pekerjaan (Sumber Manusia) pada 28 November 2021 di Hotel Westin, Langkawi.

Jemputan panel penceramah adalah daripada panel peguam LADA iaitu Tetuan Hasanuddin, Shafarin & Ghazali yang mempunyai kepakaran di dalam perundangan pembinaan (construction) dan hak ehwal pekerjaan (Sumber Manusia).



Secara ringkasnya, berikut adalah beberapa objektif penganjuran bengkel tersebut:

- a. Mendedahkan kakitangan LADA dan anak-anak syarikat mengenai pertikaian-pertikaian di dalam projek pembinaan yang biasa dihadapi;
- b. Memberi pendedahan kepada kakitangan mengenai pengurusan kontrak, pelaksanaan kontrak, menangani isu-isu pemecahan kontrak dan kaedah-kaedah dan tindakan-tindakan pencegahan/kawalan untuk mengurangkan risiko kerugian/ perundangan yang mungkin ditanggung oleh LADA dan anak-anak syarikat;
- c. Pemahaman mengenai elemen-elemen yang penting di dalam pengurusan sumber manusia dari sudut pelantikan pekerja, penyediaan ikatan kontrak, penamatan kontrak, remedy pelanggaran kontrak serta penguatkuasaan dan kesan perundangan; dan
- d. Sebagai medium perkongsian ilmu mengenai undang-undang semasa yang terpakai kepada LADA dan anak-anak syarikat.

Dalam memastikan mutu perkhidmatan perundangan adalah berkualiti dan reliable, Unit Undang-undang sentiasa memantau perkhidmatan panel peguam LADA yang telah dilantik berdasarkan kepada Seksyen 25, Akta 423 LADA. Antara aktiviti yang dilaksanakan melibatkan panel peguam adalah seperti berikut:

### **PROGRAM SEHARI BERSAMA PANEL PEGUAM LADA**

Program Sehari Bersama Panel Peguam LADA telah dianjurkan pada 8 Disember 2022 oleh Unit Undang-undang LADA. Program ini telah dihadiri oleh 50 orang peserta yang terdiri daripada panel peguam LADA dan Pengurus Bahagian/ Ketua Unit serta kakitangan LADA. Program tahunan ini, merupakan sebahagian usaha untuk mengeratkan lagi kerjasama di antara barisan panel peguam dan semua kakitangan LADA yang telah sedia terjalin.

Objektif utama program ini adalah untuk membincangkan isu-isu terkini dan kerja-kerja perundangan bersama panel peguam LADA. Selain itu, ia juga merupakan platform penyaluran kefahaman kepada panel-panel peguam mengenai fungsi dan aktiviti semasa LADA dalam melaksanakan pembangunan di Langkawi agar perkhidmatan perundangan yang diberikan selari dengan objektif dan fungsi LADA menurut Akta 423 seterusnya hak dan kepentingan LADA terpelihara.



Menerusi program ini, ia mewujudkan peluang medan diskusi antara pengurusan LADA dan panel peguam untuk bertukar-tukar fikiran dan pendapat dalam memastikan semua tindakan perundangan adalah selaras dengan kehendak LADA dan pada masa yang sama tidak bertentangan dengan undang-undang berkuat kuasa. Program pada kali ini diatur dengan pengisian yang memfokuskan kepada pembangunan di pulau-pulau yang berpotensi untuk dibangunkan oleh pelabur.

Penganjuran program Sehari Bersama Panel Peguam pada kali ini turut dihadiri oleh YBhg. Dato' Suhara binti Salleh Timbalan Pengarah Belanjawan Negara Kementerian Kewangan Ahli Lembaga Pengarah LADA.

### **Penilaian Panel Peguam LADA**

Pelaksanaan penilaian panel peguam LADA 1976 serta kerja-kerja perundangan yang telah melalui kaedah naziran ke atas semua panel peguam LADA telah dijalankan pada bulan Oktober dan November 2021. Tujuan naziran ini diadakan adalah untuk menilai prestasi firma-firma guaman menerusi semakan ke atas latar belakang firma, keupayaan firma, kelayakan profesion di bawah Akta Profesion Guaman

dilaksanakan bagi tahun 2021. Laporan hasil naziran dan penilaian bagi tujuan penyambungan atau penamatan perkhidmatan panel peguam untuk tahun 2021 telah dibentangkan dan diluluskan pada Mesyuarat Jemaah Pengarah LADA Bil. 4/2021.

# 06

## Pengurusan Korporat dan Komuniti

- Komunikasi Strategik dan Terancang Perkasa Imej Jabatan
- Pengurusan Perhubungan Awam dan Khidmat Pelanggan
- Tanggungjawab Sosial Korporat (CSR)
- Pembangunan Komuniti yang Progresif dan Dinamik

Pengurusan korporat dan komuniti merupakan salah satu komponen utama dalam sistem pengurusan organisasi. Secara asasnya ia meliputi pengurusan imej, perhubungan awam, penyampaian perkhidmatan kepada pelanggan serta pengurusan komunikasi strategik. Ia merupakan satu usaha membantu LADA ke arah pentadbiran yang lebih sistematik dan meningkatkan imej positif bagi mengimbangi keperluan hubungan antara pihak LADA dan pemegang taruh.

## Komunikasi Strategik dan Terancang Perkasa Imej Jabatan

Dalam era yang dikenali sebagai zaman bermaklumat (information age), komunikasi dan penyebaran maklumat menjadi aktiviti yang sangat penting. Dalam memastikan setiap penyaluran maklumat adalah berjaya, maka komunikasi strategik yang berkesan dijadikan sebahagian daripada 'enabler' dalam pembangunan organisasi jabatan.

Menyentuh tentang aspek komunikasi, pelbagai medium telah digunakan selari dengan peredaran masa. UKK memvariasikan medium komunikasi bagi memastikan idea atau mesej yang ingin disampaikan diterima oleh individu atau kumpulan sasaran. Antara medium atau saluran yang menjadi fokus ialah media cetak, media elektronik, media baharu mahupun konvensional.

### Pengurusan Media dan Publisiti

LADA juga menyedari bahawa media telah membuktikan peranannya sebagai wahana yang berupaya membekalkan maklumat dan pengetahuan, membantu dalam menghidupkan suasana ilmu, membawa berita, memberi pendidikan, berkongsi kebudayaan, mendorong, mencorakkan pemikiran dan meningkatkan kesedaran komuniti setempat.


Demi kelangsungan industri pelancongan Langkawi, LADA memperluaskan hubungan bersama media dan merencanakan perhubungan media dalam komunikasi yang proaktif melalui pendekatan berikut:



#### PENGURUSAN MEDIA MAINSTREAM

Selain itu, pemantauan pelaporan media berkaitan LADA dan Langkawi turut dipantau bagi mengenal pasti isu dan juga trend berita yang dilaporkan dalam akhbar utama. Sebanyak 285 liputan berita telah dilaporkan berkaitan Langkawi dalam akhbar utama dan daripada jumlah tersebut sebanyak 16% (46) adalah berkaitan LADA. Hasil pemerhatian mendapati pelaporan berita adalah berkisar impak dan kesan penularan pandemik COVID-19 ke atas industri pelancongan di Langkawi.

Sebanyak **285 liputan** berita telah dilaporkan berkaitan Langkawi dalam akhbar utama



Rajah 6 : Statistik Pemantauan Media

## PUBLISITI

LADA turut melaksanakan pelbagai bentuk publisiti bagi pelbagai program jabatan dan juga acara pelancongan. LADA telah menubuhkan Pasukan Pengurusan Sosial Media bagi memastikan publisiti secara berterusan dan konsisten terhadap hebahan dapat disempurnakan. Selain itu, pasukan ini juga berperanan sebagai pemantau bagi isu-isu yang dibangkitkan oleh awam yang mempunyai kaitan secara langsung atau tidak dengan LADA. Hasil pemantauan akan dianalisis bagi menentukan kaedah maklum balas yang bersesuaian untuk disalurkan.

Sepanjang tahun 2021 sebanyak 460 hebahan berkaitan acara, program rasmi serta ucapan telah dilaksanakan. Aktiviti hebahan ini dilaksanakan secara berfokus dengan menggunakan platform media baharu seperti Facebook, Instagram, Tweeter dan YouTube. Tahun 2021, LADA telah berjaya mencapai sasaran bagi meningkatkan pengikut sosial media pada kadar 10 peratus.

Pecahan hebahan dan statistik pengikut (follower) sosial media adalah seperti di rajah berikut:


Jumlah Hebahan Di Socmed LADA Bagi Tahun 2021						
Bulan	Facebook	Instagram	Twitter	YouTube	Tiktok	Total
1	33	33	33	2	0	101
2	29	28	28	0	0	85
3	19	18	18	1	0	56
4	21	21	21	0	0	63
5	20	21	20	1	0	62
6	54	52	53	4	0	163
7	44	40	39	10	0	133
8	54	52	51	9	0	166
9	60	52	56	14	0	182
10	54	52	58	6	0	170
11	45	45	48	1	0	139
12	27	27	27	0	0	81
<b>Jumlah Keseluruhan</b>	<b>460</b>	<b>441</b>	<b>452</b>	<b>48</b>	<b>0</b>	<b>1,401</b>

Jadual 19 : Statistik Hebahan Di Sosial Media LADA

**1,401**  
JUMLAH HEBAHAN  
MEDSOS  
RASMI  
LADA  
BAGI TAHUN 2021

- 460**  
FACEBOOK  
[www.facebook.com/ukkLADA/](http://www.facebook.com/ukkLADA/)
- 441**  
INSTAGRAM  
[www.instagram.com/langkawi\\_lada](http://www.instagram.com/langkawi_lada)
- 452**  
TWITTER  
[www.twitter.com/LangkawiDevelo1](http://www.twitter.com/LangkawiDevelo1)
- 48**  
YOU TUBE  
[www.youtube.com/c/LADATVLGK](http://www.youtube.com/c/LADATVLGK)

## LAPORAN STATISTIK MEDIA SOSIAL RASMI LADA 2020 vs 2021



Rajah 7: Statistik Jumlah Pengikut (followers) Sosial Media LADA

## Penerbitan Informasi

Tidak mahu ketinggalan dalam penulisan kreatif, LADA meneruskan komunikasi massa melalui penyediaan informasi melalui media cetak. Berikut ialah komponen hasil penulisan kreatif yang berjaya dihasilkan oleh LADA pada tahun 2021.

### PENERBITAN E-BULETIN

E-buletin telah dijadikan sebagai inspirasi wadah kepada warga LADA dalam melaksanakan tugas dan tanggungjawab yang diamanahkan. Sebanyak empat (4) E-buletin telah berjaya diterbitkan dan ia memaparkan berita/aktiviti LADA secara suku tahun. E-buletin ini boleh didapati melalui laman sesawang LADA di [www.lada.gov.my](http://www.lada.gov.my)



Rajah 8 : E-Buletin LADA

### PENERBITAN VIDEO

Berbekalkan matlamat untuk meningkatkan keberkesanan publisiti Langkawi dan LADA di mata dunia, penghasilan video pendek turut diterokai oleh krew komunikasi LADA. Sepanjang tahun 2021, sebanyak 26 buah video telah dihasilkan secara 'in house' dan rata-ratanya berdurasi 60 – 90 saat. Video ini boleh didapati di dalam semua platform sosial media LADA.



1 Video Promosi MORAC Adventure Park Langkawi



2 Video Ucapan Selamat Hari Raya



3 Video Kejayaan Peserta Projek Rintis PLSB-LADA Farm Di Langkawi




4 Video Trilobite




5 Video Ucapan Hari Kemerdekaan



6 Video Promosi Kompleks Kraf Langkawi



7 LADA Dalam Arus Pembangunan Langkawi



8 Langkawi UNESCO Global Geopark Discovery Centre, Langkawi



9 Ucapan KPE LADA kepada Pelajar SPM

### PENERBITAN E-POSTER

E-poster antara hebahan utama yang diusahakan oleh krew komunikasi LADA. Sehingga Disember 2021, sebanyak 181 e-poster telah diterbitkan untuk hebahan umum.




Rajah 9 : E-poster yang telah diterbitkan

## Pengurusan Perhubungan Awam dan Khidmat Pelanggan

Pengurusan perhubungan pelanggan diperkenalkan bagi meningkatkan jalinan hubungan organisasi dan pelanggan bagi memastikan perkhidmatan yang disampaikan dapat memenuhi kehendak dan ekspektasi pelanggan. Pengurusan perhubungan pelanggan ialah satu pendekatan holistik untuk menawarkan perkhidmatan melalui pengurusan interaksi yang cekap antara organisasi dan pelanggan. Pelbagai saluran diperkenalkan pada tahun 2021 bagi memastikan keperluan pelanggan dapat dipenuhi dengan berkualiti.

### SISTEM PENGURUSAN ADUAN AWAM (SISPAA)

Antara inisiatif yang dilaksanakan ialah memperkenalkan Sistem Pengurusan Aduan Awam (SISPAA) bagi menggantikan kaedah tradisional (secara bertulis dan menggunakan borang) dalam menguruskan aduan awam. Sistem ini telah diperkenalkan pada 1 Oktober 2021 bagi memudahkan pengurusan aduan dan menjadikannya lebih sistematik dan mesra pengguna. Sebanyak 13 aduan/bukan aduan telah diterima melalui pelbagai saluran rasmi dan saluran tidak rasmi sepanjang tahun 2021. Kesemua aduan tersebut telah berjaya diselesaikan sama ada melalui tindakan LADA atau dipanjangkan kepada pihak ketiga.



Jadual 20 : Saluran Aduan

Rajah 10 : Kategori Aduan




### KAJIAN KEPUASAN PELANGGAN TAHUN 2021

Maklum balas daripada pelanggan amat penting dalam menambah baik mutu perkhidmatan yang diberikan. Menyedari hakikat ini LADA telah melaksanakan Program Kajian Kepuasan Pelanggan berdasarkan skop perkhidmatan yang telah dipersetujui oleh Pengurusan Tertinggi. Bagi tahun 2021 skop kajian yang dilaksanakan ialah penggunaan sistem atas talian dan aplikasi yang dibangunkan dan diguna pakai oleh LADA. Tempoh kajian bermula dari 1 Oktober hingga 30 November 2021 dengan penglibatan seramai 260 orang responden. Kajian ini meliputi keberkesanan penyampaian perkhidmatan LADA melalui platform media sosial rasmi jabatan, laman sesawang utama, dan sistem kewangan LADA.

Kajian dilaksanakan dengan menggunakan aplikasi Google Form dan borang kajian secara manual. Keseluruhan skor yang diperolehi bagi kajian ini adalah sebanyak 90% iaitu pada tahap yang memuaskan dalam kategori perkhidmatan dan memenuhi KPI yang ditetapkan di dalam pengurusan ISO Kajian Kepuasan Pelanggan. Hasil dapatan kajian akan dijadikan sebagai panduan bagi tujuan penambahbaikan kepada keberkesanan sistem penyampaian LADA pada masa akan datang.


### PENGUKURAN TERHADAP KUALITI SISTEM / APLIKASI



Rajah 11: Analisis Hasil Kajian Terhadap kualiti Sistem / Aplikasi

## PENGURUSAN LAWATAN RASMI

Pengurusan lawatan rasmi yang berkesan akan memberi impak yang besar terhadap LADA khususnya dalam menonjolkan imej dan komitmen agensi terhadap aktiviti jaringan bersama Jabatan/Agensi/Institusi dalam negara mahupun luar negara. Umumnya terdapat dua (2) kategori lawatan rasmi yang diuruskan iaitu Lawatan Rasmi Dalam Negara dan Lawatan Rasmi Delegasi Luar Negara.



Rajah 12: Kategori Lawatan Rasmi Bagi Tahun 2021

Sehingga Disember 2021, LADA telah menerima 11 lawatan rasmi yang melibatkan seramai 247 orang pelawat dari jabatan/agensi kerajaan, institusi pengajian tinggi dan kunjungan hormat konsulat luar negara. Tiga (3) daripada lawatan tersebut merupakan lawatan daripada delegasi luar negara iaitu dari Thailand, Indonesia dan Ukraine. Lawatan penanda aras ini bertujuan untuk mendapatkan perkongsian pengalaman tentang amalan terbaik dalam tadbir urus LADA, pembangunan sektor pelancongan, dan usaha-usaha untuk memperkasakan Langkawi UNESCO Global Geopark.

Bil.	Jabatan/agensi	Tarikh
1	Lawatan Kerja PLANMalaysia@Melaka	11 Januari 2021
2	Lembaga Perbadanan Labuan	18 Januari 2021
3	Majlis Perbandaran Subang Jaya	27 Januari 2021
4	Kunjungan Hormat Konsulat Ukraine	29 Mac 2021
5	Lawatan Kerja Penyelidik Universiti Malaysia Sabah	11 Oktober 2021
6	Kunjungan Hormat Jenderal Republik Indonesia	14 Oktober 2021
7	Lawatan Kerja Pejabat SUK Negeri Perak	14 Oktober 2021
8	Lawatan Sambil Belajar Majlis Perbandaran Ampang Jaya	20 Oktober 2021
9	Kunjungan Hormat Konsulat Diraja Thailand	28 Oktober 2021
10	Lawatan Kerja Majlis Perbandaran Kuala Selangor	21 November 2021
11	Lawatan Kerja Lembaga Pembangunan Tioman	26 November 2021

Jadual 21: Lawatan Rasmi Bagi Tahun 2021

## Tanggungjawab Sosial Korporat (CSR)


Tanggungjawab sosial korporat (CSR) merupakan salah satu komponen utama dalam mengetengahkan perkhidmatan sosial kepada masyarakat. Pelaksanaan CSR LADA ini telah membantu LADA menjalinkan hubungan yang lebih utuh bersama komuniti setempat dan pemegang taruh LADA di samping dapat meningkatkan kepercayaan, rasa hormat di antara kedua belah pihak. Inisiatif melaksanakan CSR ini telah berjaya membantu menyejahterakan masyarakat Langkawi dan ia merupakan salah satu medium yang digunakan oleh LADA untuk menyampaikan bantuan dan sumbangan kepada komuniti Langkawi. Secara keseluruhannya, hampir semua bantuan CSR ini disampaikan secara langsung kepada pemohon sama ada melalui jalinan kerjasama program atau penyaluran bantuan kepada agensi kerajaan, badan bukan kerajaan (NGO), pertubuhan, yayasan dan sekolah.

Hal ini adalah selaras dengan fungsi LADA yang sinonim sebagai agensi persekutuan yang bukan hanya bertanggungjawab terhadap pembangunan fizikal semata-mata. Malah, ia juga berperanan sebagai pemangkin kestabilan sosioekonomi komuniti Langkawi. Berikutan penularan pandemik COVID-19, LADA turut menambah baik Polisi CSR LADA yang mengutamakan penyaluran bantuan dan sumbangan kepada komuniti setempat melalui empat (4) teras utama iaitu Kecemasan/ Kemalangan/ Bencana, Penghargaan, Kebajikan dan Perpaduan, serta Hebahan dan Publisiti.

Dana sebanyak RM158,199.00 yang melibatkan 35 permohonan CSR telah disalurkan oleh LADA berdasarkan permohonan daripada pelbagai pihak. Jumlah permohonan ini telah menurun berbanding tahun 2020 iaitu sebanyak 110 program dengan sumbangan sebanyak RM185,130.00 ekoran pelaksanaan PKP yang diumumkan oleh pihak kerajaan bagi membendung penularan wabak COVID-19.

Bil.	Teras	Program / Aktiviti
1	Kebajikan Dan Perpaduan	Sukan
		Keagamaan
		Sosial
2	Hebahan Dan Publisiti	Kempen Kesedaran
		Pembaikan Kecil Surau
3	Kecemasan Dan Bencana	Buku Cenderamata
		Bantuan Projek / Peralatan / Tunai / Bakul Makanan

Jadual 22: Teras Sumbangan CSR




Rajah 13 : Sumbangan CSR Bagi Tahun 2021

## Pembangunan Komuniti yang Progresif dan Dinamik

Pembangunan komuniti merupakan salah satu teras utama LADA dalam menyampaikan perkhidmatan kepada komuniti setempat. Kepentingan untuk memastikan komuniti Langkawi berada dalam keadaan sejahtera amat dititik beratkan. Selaras dengan matlamat Pembangunan Transformasi Negara, empat (4) fokus telah digariskan dalam melahirkan komuniti yang progresif dan dinamik.

### PEMBANGUNAN KOMUNITI DEMI LANGKAWI




Rajah 14 : Teras Pembangunan Komuniti

Fokus LADA dan agensi-agensinya dalam agenda pembangunan komuniti Langkawi termasuklah mendapatkan penglibatan, meningkatkan pendapatan serta kualiti hidup selaras dengan arus pembangunan semasa dengan konsep 'no one left behind'. Ini bertujuan

supaya komuniti Langkawi dapat menikmati pembangunan yang berlaku dan turut berkongsi manfaat daripada limpahan ekonomi hasil pembangunan yang dijalankan di Pulau Langkawi.


Dalam usaha menyantuni komuniti Langkawi sebanyak RM463,358.00 telah dibelanjakan bagi menyempurnakan 14 program dan 16 projek kecil yang melibatkan pelbagai pihak. Semua program dan projek kecil ini dilaksanakan dengan mematuhi SOP yang berkuat kuasa. Program-program yang telah dilaksanakan adalah seperti berikut:

## PROGRAM KOMUNITI



Jadual 23 : Program Komuniti yang dijalankan pada Tahun 2021

## PROJEK KOMUNITI



Jadual 24 : Projek Komuniti yang dijalankan pada Tahun 2021

# 07

## Pengurusan Sektor Pelancongan

- Situasi Semasa Industri Pelancongan Langkawi
- Aktiviti Promosi
- Program Promosi - MICE 2021
- Kursus dan Latihan
- Pengurusan Geopark dan Kelestarian

**Pelancongan merupakan nadi pembangunan Langkawi.**

**Fokus utama LADA adalah bagi memastikan Langkawi dikenali dunia serta keindahan pulau ini terpelihara seiring dengan pengiktirafan sebagai Langkawi UNESCO Global Geopark.**



## Situasi Semasa Industri Pelancongan Langkawi

Sektor pelancongan dunia hampir lumpuh disebabkan oleh pandemik COVID-19 dan ini termasuklah Langkawi. Pada tahun 2021 hanya 1,093,937 orang pelawat dicatatkan tiba di Langkawi berbanding tahun sebelumnya dengan rekod sebanyak 1,802,602 orang pelawat. Jumlah ini menunjukkan penyusutan lebih -39.3% berbanding tahun 2021. Ini kerana berlakunya Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) akibat penularan wabak COVID-19, malah pintu sempadan di antara negeri hanya dapat dibuka melalui inisiatif Langkawi Domestic Travel Bubble bermula pada 16 September 2021.

Pintu Masuk	2019	2020	2021
Jeti Kuah & Telaga Harbour	4,428	1,845	117
Cruise	219,907	65,889	4,663
Tanjung Lembung	129,881	113,425	141,662
Lapangan Terbang	1,459,535	473,328	382,334
Jeti Penumpang Kuah	2,110,575	1,148,115	565,161
<b>Jumlah</b>	<b>3,924,326</b>	<b>1,802,602</b>	<b>1,093,937</b>

Jadual 25 : Statistik kemasukan pelancong ke Langkawi melalui beberapa pintu masuk dari tahun 2019 hingga 2021

Langkawi telah berjaya mencatatkan pendapatan pelancongan sebanyak RM1.22 bilion pada tahun ini. Jumlah ini disumbangkan daripada 1,093,937 orang pelancong yang tiba ke Langkawi. Pendapatan sektor pelancongan ini dilihat menurun berbanding tahun 2020 yang berjaya mencatatkan sebanyak RM2.95 bilion. Berikut adalah pecahan pendapatan pelancongan bagi tahun 2021 :

Pelancong	Jumlah	Pendapatan (RM)
Domestik	1,089,324	1.214bil
Antarabangsa	4,613	13.88juta
<b>Jumlah</b>	<b>1,093,937</b>	<b>1.22bil</b>

Jadual 26 : Pendapatan Pelancongan Bagi Tahun 2021

## TOURISM RECOVERY PLAN (T-REC)

T-Rec merupakan sebuah pelan yang dihasilkan bagi memulihkan semula sektor pelancongan dalam jangka masa yang pendek. Pelan ini dirancang bagi tempoh dua (2) tahun dan memfokuskan kepada pembukaan semula sektor pelancongan Langkawi kepada pelancong bagi mendepani cabaran industri pelancongan menangani krisis COVID-19. Terdapat tiga (3) teras utama di dalam pelan ini iaitu:

### i. Destinasi yang selamat

Usaha menjadikan pulau ini sebagai destinasi dalam masa yang singkat. Susulan itu, selamat amatlah penting kerana Langkawi program my-Safe Langkawi telah dilaksanakan dijadikan destinasi utama yang dibuka dan berjaya mendapat sambutan dari pemain kepada pelancong domestik. Oleh itu, bagi industri. Program ini merupakan program mengembalikan keyakinan pelancong untuk penarafan kepada yang disediakan kepada melancong dan berkunjung ke Langkawi, produk pelancongan, hotel serta pengusaha LADA telah menjalinkan kerjasama dengan pelancongan dan penarafan ini mampu pelbagai agensi kerajaan dan bukan kerajaan meyakinkan pelancong untuk berkunjung ke (NGO) untuk merealisasikan inisiatif ini produk-produk tersebut secara khususnya dan Langkawi secara amnya.




### ii. Meningkatkan promosi

Promosi merupakan elemen penting dalam memastikan pelancong terus menjadikan Langkawi sebagai pilihan utama. Oleh itu, LADA telah mengambil inisiatif menganjurkan pertandingan video dan gambar menarik melalui sosial media yang seterusnya menjadikan Langkawi terus berada dalam senarai lokasi pilihan untuk melancong.

### iii. Merencanakan ekonomi Langkawi

Pelancongan merupakan nadi sektor ekonomi di Langkawi. Penglibatan lebih 70% penduduknya dalam sektor ini telah menjadikan Langkawi seterusnya memberi manfaat kepada lebih hampir lumpuh sepenuhnya sepanjang tempoh pandemik COVID-19. Oleh itu, LADA merangka pelbagai inisiatif promosi dan pemasaran dibawah pelan ini sebagai langkah untuk mengembalikan kemeriahan industri pelancongan Langkawi seterusnya memberi manfaat kepada lebih 110,000 orang penduduknya untuk tempoh masa panjang.

## PELAN PEMULIHAN PELANCONGAN LANGKAWI

<b>P1</b>	<b>Mencapai Destinasi Selamat</b>	 <b>S1</b> : Mencipta percutian yang menarik <b>S2</b> : Memulakan gelembung pelancongan
<b>P2</b>	<b>Meningkatkan Keterlihatan Tempatan &amp; Global</b>	 <b>S3</b> : Menghasilkan & mengoptimumkan kandungan promosi <b>S4</b> : Memperkukuhkan rangkaian pelancongan <b>S5</b> : Mendorong insentif daripada industri
<b>P3</b>	<b>Mencapai Pemulihan Ekonomi</b>	 <b>S6</b> : Mempergiatkan Kerjasama PPP Pelancongan <b>S7</b> : Menggalakkan kempen jualan & acara <b>S8</b> : Mempelbagaikan ekonomi pelancongan

Rajah 14 : Kerangka Langkawi Tourism Recovery Pelan 2021-2022

### iv. Langkawi Great Sale

Langkawi Great Sale atau LGS ialah program yang melibatkan pemain industri pelancongan seperti pusat membeli belah dan juga duty free yang telah bermula pada 10 Oktober sehingga 31 Disember 2021. LGS ini merupakan sesi promosi melalui jualan potongan harga sehingga 50% bagi lokasi-lokasi tertentu kepada pelancong-pelancong yang ingin bercuti ke Langkawi dalam tempoh berkenaan. Bagi tahun 2021, program ini dipertingkatkan melalui platform digital dengan pembangunan laman sesawang berkonsepkan marketplace <https://greatsale.naturallylangkawi.my/>.

### v. Pembukaan sempadan negeri dan negara

Setelah hampir dua (2) tahun, industri pelancongan Langkawi ditutup akibat penularan wabak COVID-19, kerajaan akhirnya bersetuju menjadikan Langkawi sebagai 'pilot project' menerusi gelembung pelancongan Langkawi. Inisiatif yang diusahakan oleh LADA dengan kerjasama Kementerian Pelancongan Seni Dan Budaya Malaysia (MOTAC) ini telah berjaya membuka sempadan negeri dan negara kepada pelancong bagi memudahkan kesampaian para pelancong dari luar ke Langkawi. Inisiatif ini telah memanfaatkan industri pelancongan Langkawi serta yang kembali bernafas setelah hampir dua (2) tahun di tutup.

Kerajaan akhirnya bersetuju menjadikan Langkawi sebagai **'Pilot Project'** menerusi gelembung pelancongan Langkawi

## INISIATIF GELEMBUNG PELANCONGAN LANGKAWI

Inisiatif Gelembung Pelancongan Langkawi telah mula dilaksanakan di peringkat domestik pada 16 September 2021 dan peringkat antarabangsa pada 15 November 2021. Objektif program ini adalah bagi mengembalikan pelancong dari dalam dan luar negara ke Langkawi seterusnya merencanakan kembali sektor pelancongan yang merupakan teras utama sektor ekonomi Langkawi. Pelaksanaan inisiatif ini telah mencatatkan kemasukan pelancong seperti jadual di bawah :

Peringkat	Jumlah Pelancong
Domestik	727,637
Antarabangsa	1,543

Jadual 27 : Statistik Kemasukan Pelancong Sepanjang Tempoh LITB

# 154%

Kehadiran pelancong ke pulau ini berbanding daripada anggaran awal

Program Gelembung Pelancongan Antarabangsa Langkawi telah mencatatkan kehadiran 1,543 orang pelancong dan ini merupakan langkah awal untuk menaikkan minat pelancong antarabangsa dan untuk kembali melancong ke Langkawi. Jumlah ini mencatatkan 154% kehadiran pelancong ke pulau ini berbanding daripada anggaran awal yang telah ditetapkan 1,000 orang pelancong. Jumlah ini telah menghasilkan pendapatan Langkawi sebanyak RM7.54 juta kepada pendapatan pelancongan Langkawi.

## PROGRAM VAKSINASI KEBANGSAAN

Program Vaksinasi oleh kerajaan merupakan salah satu sokongan daripada pemain industri terhadap usaha kerajaan untuk membuka pintu sempadan negara. Program ini telah berjaya dilaksanakan dengan data yang berjaya mencatatkan lebih daripada 88 peratus penduduk dewasa di Malaysia telah lengkap divaksin. Ini adalah salah satu faktor yang mendorong kepada pembukaan pintu sempadan Malaysia kepada pelancong antarabangsa.

# 88%

Penduduk dewasa di Malaysia telah lengkap divaksin

## Aktiviti Promosi

Bahagian Pelancongan juga bekerja keras dalam mempromosikan Langkawi kepada pelancong tempatan dan antarabangsa melalui beberapa siri program promosi domestik pada tahun 2021. Antara program promosi domestik yang berjaya dilaksanakan ialah Beautiful Terengganu bertempat di Alor Setar, Kedah dan Langkawi Networking Day 2021 bertempat di Hotel Bayview Langkawi.

Selain itu, Bahagian Pelancongan juga menyertai program promosi MATTA Fair yang telah diadakan di Putra World Trade Center (PWTC) pada 20 hingga 21 November 2021. Langkawi telah diwakili oleh 10 pemain industri dari ejen pelancongan dan juga produk. Peluang ini digunakan sepenuhnya bagi mempromosikan Langkawi setelah sekian lama ditutup akibat PKP dan pandemik COVID-19. Walaupun penganjuran ini ialah medan percubaan setelah hampir dua (2) tahun tiada sebarang ekspo pelancongan diadakan namun ia telah menyumbang kepada hampir RM300,000.00 jualan dalam tempoh dua (2) hari program promosi ini dijalankan.

Walaupun pintu sempadan negara masih belum dibuka. Aktiviti promosi antarabangsa tetap dilaksanakan melalui platform digital dan di atas talian melalui beberapa siri program virtual dan webinar. Namun begitu, beberapa cabaran terpaksa dihadapi semasa program promosi ini diadakan secara atas talian. Antaranya ialah masalah sambungan internet jalur lebar yang kurang stabil, perbezaan zon masa serta penggunaan aplikasi atas talian yang berbeza. Sepanjang tahun 2021 sebanyak 27 program promosi antarabangsa telah berjaya disertai secara atas talian. Manakala, satu program promosi antarabangsa dapat disertai secara fizikal apabila kerajaan bersetuju membuka pintu sempadan negara melalui program Langkawi International Travel Bubble (LITB).

Bil.	Nama Program	Tarikh
1	PATA – Destination Insight Series: India (Virtual)	28 Januari 2021
2	PATA Beyond – Travel Recovery Solutions (Virtual)	8 - 11 Februari 2021
3	MSCP – Dubai Webinar & Presentation (Virtual)	3 - 4 Mac 2021
4	ITB Berlin Virtual	9 - 12 Mac 2021
5	Webinar with TM & Qatar Airways Nordic (Finland – Helsinki)	23 Mac 2021
6	Webinar with TM & Qatar Airways Nordic (Sweden – Stockholm)	24 Mac 2021
7	Webinar with TM & Qatar Airways Nordic (Norway – Oslo)	25 Mac 2021
8	PATA Annual Summit (Virtual)	27 - 29 April 2021
9	Arabian Travel Market (ATM), DWTC 2021 (Virtual)	16 - 19 Mei 2021
10	Arabian Travel Market (ATM), Dubai World Trade Centre 2021 (Virtual)	24 - 26 Mei 2021


Bil.	Nama Program	Tarikh
11	Virtual Adventure Travel Conference Meeting (vATCM)	26 – 27 Mei 2021
12	Program Hybrid Seminar bersama TM Jakarta (Virtual)	24 Jun 2021
13	Program Hybrid Seminar bersama TM Jakarta (Virtual)	29 Julai 2021
14	We Missed Langkawi (Tehran)	9 Ogos 2021
15	Webinar Jeddah	18 Ogos 2021
16	Webinar Iran	24 Ogos 2021
17	Webinar Chennai, India	26 Ogos 2021
18	Webinar Almaty X Langkawi	30 September 2021
19	Webinar Yorker, India	14 September 2021
20	Webinar TM ASAF Division	26 September 2021
21	Webinar on Langkawi Travel Bubble TM Shanghai	29 September 2021
22	3rd Gulf Travel Show (Virtual)	12 – 14 Oktober 2021
23	Webinar TM Stockholm	21 Oktober 2021
24	2nd Webinar to Promote Langkawi Island in Iran Market	8 November 2021
25	Malaysia Truly Asia – AEROMEET 2021 (Virtual)	16-18 November 2021
26	2nd JATA Online Travel Mart 2021 (Virtual)	25 – 26 November 2021
27	Cuti-Cuti Malaysia with Confidence (CMC) Virtual Conference & Exhibition	27 – 28 November 2021
28	Program Promosi Expo Dubai 2021 (Physical)	26 – 31 Disember 2021

Jadual 28 : Senarai program promosi antarabangsa bagi tahun 2021






Semasa program promosi berlangsung, beberapa siri temu ramah telah diadakan. Langkawi telah mendapat liputan yang meluas semasa program promosi Expo Dubai 2021 ini berlangsung daripada dua (2) media iaitu Trav Talk News Online dan Awaan Studio, Global TV Expo. Awaan Studio merupakan Channel No. 1 di Dubai. Video temu ramah berdurasi selama tiga (3) minit ini telah ditayangkan di Trav Talk News Online yang mempunyai liputan secara global. Manakala, temu ramah secara fizikal akan dikeluarkan di dalam majalah edisi Februari 2022, sempena dengan status Langkawi sebagai destinasi ekopelancongan di Malaysia. Temu bual ini telah diadakan bersama-sama program DiveHeart Malaysia dan Malaysia Pavilion yang telah ditayangkan pada 5 Januari 2022 di Channel 1 Global TV Expo.



Ketua Pegawai Eksekutif, Tuan Nasaruddin sedang ditemuramah oleh Trav Talk News



Ketua Pegawai Eksekutif, Tuan Nasaruddin sedang ditemu ramah oleh Awaan Studio, Global TV Expo

## Program Promosi - MICE 2021

LADA juga menawarkan insentif MICE (Meetings, Incentives, Conferences & Exhibitions) kepada kumpulan-kumpulan yang datang ke Langkawi seperti menyediakan makan malam, sambutan kebudayaan dan memberikan bahan promosi yang bersesuaian. Terdapat sembilan (9) kumpulan MICE yang telah menerima insentif MICE ini pada tahun 2021.

Bil.	Nama Program	Tarikh
1	BMW Bikers	8-10 Januari 2021
2	Persidangan Pengarah-Pengarah Negeri serta Penilai-Penilai Daerah Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan Harta Kali Ke 79	14-19 Mac 2021
3	Kumpulan Domestik Berpakej Daripada Terengganu Ke Langkawi	18-21 Mac 2021
4	Group Explorer Tourism Network	8 November 2021
5	Koperasi Melaka Berhad (KMB)	12-14 November 2021
6	Persatuan Juruukur Tanah Bertauliah Malaysia (PEJUTA)	21-28 November 2021
7	Mamasab International Sdn. Bhd.	7, 12 & 14 November 2021
8	Bahagian Perisikan Pertahanan Kementerian Pertahanan	5-8 Disember 2021
9	'Camper Rally : Langkawi'	17-22 Disember 2021

Jadual 29 : Senarai kumpulan yang menerima insentif MICE pada tahun 2021

Selain daripada insentif yang ditawarkan, LADA melihat kepentingan Media Sosial sebagai salah sebuah medium utama dalam memasarkan Langkawi kepada dunia. Bahagian Pelancongan mempunyai tiga (3) platform sosial media yang dijadikan medium promosi pelancongan Langkawi.

Bagi merealisasikan promosi digital ini, Bahagian Pelancongan telah mengadakan beberapa peraduan di dalam sosial media Naturally Langkawi. Peraduan ini diadakan bertujuan menarik pelancong domestik untuk bercuti ke pulau peranginan ini sempena pembukaan semula Langkawi pada 16 September 2021.

Sebanyak empat (4) peraduan telah dijalankan iaitu Naturally Langkawi Throwback Contest yang diadakan telah pada 10 Ogos hingga 10 September 2021, Naturally Langkawi In Memories Contest pada 15 September hingga 15 Oktober 2021, Take Me To Langkawi (Short Video Contest) pada 20 Oktober hingga 20 November 2021 dan Journey Back In Time (Langkawi Geopark Contest) pada 25 November hingga 25 Disember 2021.

## Familiarization Trip (FAM Trip)

LADA juga menyokong penuh program FAM Trip bagi memperkenalkan produk atau destinasi yang menarik yang boleh menarik minat para pelancong untuk berkunjung ke Langkawi. Kumpulan-kumpulan seperti penulis, blogger, influencer, ejen pelancongan dan media serta produksi dijemput dan dibawa ke destinasi atau produk ini bagi memberikan pengalaman baru serta mendapatkan kekuatan atau tarikan sesuatu destinasi atau produk.

Tajaan makan malam kumpulan insentif MICE: 'Camper Rally: Langkawi'



Maklumat ini kelak akan digunakan sebagai publisiti kepada pihak awam atau pelancong akan keunikan, kekuatan serta kelebihan lokasi berkenaan. FAM Trip ini kebiasaannya diterima dalam bentuk berkumpul atau individu bergantung kepada kaedah atau kreativiti yang ditonjolkan oleh pemohon. Antara kriteria permohonan yang menerima FAM Trip inisiatif adalah seperti penulisan blogger, influencer dan media yang dirasakan boleh menarik pelancong dengan karya yang dihasilkan oleh mereka.



Tajaan sambutan kebudayaan semasa ketibaan kumpulan insentif MICE: Mamasab International Sdn Bhd



Sepanjang tahun 2021, sebanyak 11 program FAM Trip telah dilaksanakan di Langkawi. Program ini terdiri daripada dua (2) kategori iaitu FAM Trip Penggambaran Domestik dan FAM Trip Media Blogger Antarabangsa. Namun, pada tahun ini, hanya FAM Trip Penggambaran Domestik dijalankan berikutan penutupan sempadan negara.

Bil.	Perkara	Tarikh	Bil. Peserta
1	Penggambaran Dokumentari Bagi Mempromosikan Pulau Langkawi	8 - 13 April 2021	4
2	Penggambaran Filem Bertajuk "Suara Hati" Siaran Astro First	Julai 2021	26
3	Penggambaran TV Program Siaran Radio Televisyen Malaysia (RTM) Bersama Lembaga Pembangunan Langkawi	8 - 13 Oktober 2021	11
4	Penggambaran Rancangan Dokumentari Khas Terbitan RTM	18 - 31 Oktober 2021	10
5	Penggambaran Rancangan Dokumentari Khas Terbitan Rtm Keranamu Malaysiaku #Suaraanakmalaysia	18 - 31 Oktober 2021	
6	FAM Trip Penggambaran Travelog Bertajuk 'Chasing D Sunset'	10 - 13 Oktober 2021	14
7	Penggambaran Drama Bersiri Bertajuk 'Fantasia Inn' Di Langkawi	30 - 10 Disember 2021	25
8	FAM Trip Bersama Pemenang Anugerah Bloggers ke Langkawi	23 - 28 Oktober 2021	14
9	Penggambaran Telefilem Bertajuk 'Pungut' Di Langkawi	25 November - 24 Disember 2021	25
10	Penggambaran Rancangan Dokumentari 'Deep C' Radio Televisyen Malaysia (RTM)	7 - 17 Disember 2021	10
11	Penggambaran Drama Bersiri Bertajuk 'Bila Hati Memilih Dia' Di Pulau Langkawi	19 - 29 Disember 2021	36

Jadual 30 : Senarai FAM Trip pada tahun 2021

Tajaan sambutan kebudayaan semasa ketibaan kumpulan insentif MICE: Group Explorer

Tourism Network



Gambar: Penggambaran Rancangan Dokumentari Bertajuk 'Rumah Nemo untuk Siaran Televisyen Malaysia (RTM) pada 18-31 Oktober 2021



## Kursus dan Latihan

Pembangunan industri pelancongan merupakan elemen penting dalam pengurusan pemain industri yang berkesan. Dalam hubungan itu, Bahagian Pelancongan telah mengatur pelbagai aktiviti bersama pemain industri bagi mendapatkan maklumat pelancongan di samping melibatkan pemain industri dengan ilmu baru bagi berhadapan dengan cabaran pelancongan pasca COVID-19. Berikut adalah aktiviti di bawah pembangunan industri:


Bil.	Nama Program	Tarikh	Bil. Peserta
1	Assembly of Langkawi Frontliners Siri 1/2021 (Online)	29 Jun 2021	30
2	Assembly of Langkawi Frontliners Siri 2/2021 (Online)	30 Jun 2021	20
3	Assembly of Langkawi Frontliners Siri 3/2021 (Online)	1 Julai 2021	35
4	Mesyuarat Jawatankuasa Penasihat Langkawi	9 Ogos 2021	15
5	T-Rec Sempena Pembukaan Langkawi Sebagai Projek Rintis Pelancongan Domestik – Online	17 Julai 2021	30
6	Perjumpaan Bersama Pemain Industri Pelancongan Mendepani Pasca COVID-19 (Online)	16 Ogos 2021	10
7	Perbincangan Bersama MHTC Berkenaan Pembukaan Sektor Pelancongan Langkawi – Online	17 Ogos 2021	35
8	Perbincangan LADA Bersama MAH, MAHO, MAHB, Feri Konsortium Sempena Persediaan Pembukaan Sektor Pelancongan Langkawi	18 Ogos 2021	25
9	Perbincangan Bersama Pemain Industri Pelancongan Berkenaan Persediaan Pembukaan Sektor Pelancongan Langkawi	15 September 2021	40
10	Taklimat Persediaan Pemandu Pelancong Untuk Pembukaan Langkawi Sebagai Projek Rintis Pelancongan Antarabangsa	3 November 2021	80
11	Langkawi Networking Day	31 Mac 2021	150
12	Langkawi Coral Voluntourism	11 November 2021	80
13	Program My Safe Langkawi Campaign	16 September 2021	70

Jadual 31 : Senarai program pembangunan industri yang di telah dijalankan pada tahun 2021

Bil.	Nama Kursus	Tempat	Tarikh	Bil. Peserta
1	Kursus Mesra Malaysia Siri 1 & 2	Adya Hotel Langkawi	20 dan 21 April 2021	80
2	COVID-19 SOP Education & Risk Assessment (CERIA) Course	Online	23 Ogos 2021	150

Jadual 32 : Senarai kursus yang di telah dijalankan pada tahun 2021

Perjumpaan bersama Pemain Industri Pelancongan secara maya



Penyampaian sijil Kursus Mesra Malaysia Siri 1 & 2



Perjumpaan dengan pemain industri Langkawi sempena Program Langkawi Networking Day



Proses penyediaan terumbu karang sempena Langkawi Coral Voluntourism



Proses penanaman terumbu karang sempena Langkawi Coral Voluntourism



Pemeriksaan terhadap premis serta produk pelancongan di Langkawi bersama Kementerian Kesihatan Malaysia sebelum pembukaan semula Langkawi sempena Program My Safe Langkawi Campaign




## Acara Pelancongan

Sepanjang tahun 2021, sebanyak 10 acara pelancongan telah berlangsung hasil kerjasama erat LADA bersama agensi-agensinya kerajaan, badan-badan bukan kerajaan, persatuan, serta pihak pengurus acara (event organizer). Pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) akibat penularan COVID-19 telah merencatkan perancangan dan pelaksanaan acara pelancongan dan sukan di Langkawi. Pengurangan terhadap penganjuran acara berlaku bagi mematuhi SOP yang telah ditetapkan oleh Kerajaan.

Susulan kepada arahan kerajaan, acara-acara yang dilaksanakan adalah lebih terarah kepada jenis sukan atau acara yang dibenarkan oleh Kementerian Belia dan Sukan (KBS) dan Majlis Keselamatan Negara (MKN). Hampir keseluruhan acara yang dianjurkan melibatkan penyertaan peserta domestik sahaja memandangkan kekangan kemasukan peserta luar negara. Berikut ialah senarai acara yang telah berjaya dilaksanakan.

Bil.	Perkara	Lokasi	Tarikh	Penganjur
1	Go Langkawi 6hr Endurance Race 2021	MORAC Adventure Park	9-10 Jan 2021	MORAC
2	Runkawi Virtual 2021	Virtual	15 Mac - 30 April 2021	Z1 International Sdn. Bhd.
3	Langkawi Cup 2021	Els Club	30 Okt 2021	Persatuan Pelancongan Langkawi (LTA)
4	KI Fashion Weekend 2021	Rumah Tangsi	11 Nov 2021	DODI Mohasdi KL Fashion
5	Mahsuri Cup Kali Ke 22 Open Triples 2021	Kompleks Sukan Langkawi	21 - 27 Nov 2021	Persatuan Lawn Bowls Kedah
6	Hari Mahsuri	Hotel Holiday Villa	27 Nov 2021	Suatukala Sdn. Bhd.
7	Kejohanan Nadias Invitational Golf 2021	Els Club	24 Nov 2021	Nadias Hotel Chenang
8	31st Raja Muda Selangor International Regatta (RMSIR)	Yatch Club	10-18 Dis 2021	Royal Selangor Yatch Club
9	Langkawi Swimming Festival	Pantai Tanjung Rhu Langkawi	11 & 12 Dis 2021	Tough Gorilla Ventures
10	Kejohanan Bowling Padang Piala Geopark 2021	Kompleks Sukan Langkawi	31 Dis 2021 - 2 Jan 2022	Kelab Boling Padang Mahsuri

Jadual 33 : Senarai acara yang di telah dijalankan pada tahun 2021



Go Langkawi 6hr Endurance Race 2021

Langkawi Swimming Festival



Langkawi Swimming Festival

## Pengurusan Geopark dan Kelestarian

Geopark dan Kelestarian merupakan salah satu komponen yang berperanan mempromosikan Pulau Langkawi dan dalam masa yang sama memelihara dan memulihara alam semula jadi yang terdapat di pulau ini. Aktiviti pendidikan dan konservasi ini melibatkan pemantauan, perancangan, informasi dan pendidikan, pembangunan produk, FAM Trip berkaitan Geopark serta penganjuran acara demi menjamin kelestarian Langkawi. Berikut merupakan antara aktiviti pendidikan dan konservasi yang dijalankan sepanjang tahun 2021.

Bil.	Nama Program	Tarikh
1	Program Bual Bicara : Pembentukan Bumi (Perspektif Agama dan Sains)	26 April 2021
2	Majlis Menandatangani Memorandum of Understanding (MOU) secara maya antara Langkawi UNESCO Global Geopark, Satun Geopark dan Toba Caldera Geopark	6 Ogos 2021
3	Pembersihan Awam : Cuci-cuci Langkawi	11 September 2021
4	Projek Penyelidikan Habitat Kelip-kelip di Sungai Kuala Melaka, Mukim Padang Matsirat, Langkawi bagi tujuan Pembangunan Produk Eko-Pelancongan	16-19 November 2021
5	Program Pemeraksanaan Renjer Geopark LADA 2021	7-11 November 2021

Bil.	Nama Program	Tarikh
6	Pembersihan Awam : Voluntourism Cuci-Cuci de' Tuba Island	21 November 2021
7	Program Kerjasama Volunteerism & University/Corporate Responsibility (Vcore) Bersama LADA -Open Sea & Beach Cleaning Acitivity	4 Disember 2021
8	Kerja-Kerja Pemetaan Gelogi & Geofizik bagi Pembangunan Semula Sumber Air Panas di Ayer Hangat	13-15 Disember 2021
9	Program Kerjasama Strategik LADA Bersama Jabatan Alam Sekitar Bagi Penganjuran Kempen Pengumpulan Buangan Elektrik Dan Elektronik Peringkat Daerah Langkawi Tahun 2021	15 Disember 2021
10	Intrepretif Rintis Gua Wang Buloh Dan Wang Lebah Pulau Tuba, Langkawi	23 Disember 2021

Jadual 34 : Program Pendidikan yang telah dijalankan pada tahun 2021

Selain itu, Bahagian Geopark juga berperanan melakukan beberapa perancangan program bagi membangunkan Geopark. Di antara program yang telah dilaksanakan adalah seperti berikut:

Bil.	Program/ Aktiviti	Tarikh
1	Program Bual Bicara : Pembentukan Bumi (dari Perspektif Agama dan Sains)	26 April
2	Projek Penyelidikan Habitat Kelip-Kelip di Sungai Kuala Melaka Bersama Penyelidik UKM	6 Ogos
3	Webinar Sustainable Project	22 Ogos
4	Program Pemeraksanaan Renjer Geopark	7 – 11 November
5	Pembersihan Awam : Cuci-cuci Langkawi	11 September
6	Pembersihan Awam : Voluntourism Cuci-Cuci de' Tuba Island	21 November
7	Forum Kelestarian dengan tema Pemeraksanaan Komuniti Ke Arah Kemakmuran Bersama	1 & 2 Disember
8	Program Kerjasama Volunteerism & University/Corporate Responsibility (Vcore) Bersama LADA -Open Sea & Beach Cleaning Acitivity	4 Disember
9	Kerja-Kerja Pemetaan Gelogi & Geofizik bagi Pembangunan Semula Sumber Air Panas di Ayer Hangat	13 – 15 Disember
10	Penganjuran Kempen Pengumpulan Buangan Elektrik Dan Elektronik Peringkat Daerah Langkawi	15 Disember
11	Intrepretif Rintis Gua Wang Buloh Dan Wang Lebah Pulau Tuba, Langkawi	23 Disember

Jadual 35 : Program pembangunan yang telah dijalankan pada tahun 2021



**26 April 2021**

Program Bual Bicara : Pembentukan Bumi (dari Perspektif Agama dan Sains)

**6 Ogos 2021**

Projek Penyelidikan Habitat Kelip-Kelip di Sungai Kuala Melaka

**7 - 11 November 2021**

Program Pemerkasaan Renjer Geopark LADA 2021

**21 November 2021**

Pembersihan Awam : Voluntourism Cuci-Cuci de' Tuba Island



**11 September 2021**

Pembersihan Awam : Cuci-cuci Langkawi

**1 - 2 Disember 2021**

Forum Kelestarian Pemerkasaan Komuniti Ke Arah Kemakmuran Bersama

**4 Disember 2021**

Program Kerjasama Volunteerism & University/Corporate Responsibility (Vcore) Bersama LADA -Open Sea & Beach Cleaning Activity

**13 - 15 Disember 2021**

Kerja-Kerja Pemetaan Geologi & Geofizik bagi Pembangunan Semula Sumber Air Panas di Ayer Hangat

**15 Disember 2021**

Penganjuran Kempen Pengumpulan Bangunan Elektrik Dan Elektronik Peringkat Daerah Langkawi

**23 Disember 2021**

Intpretif Rintis Gua Wang Buloh Dan Wang Lebah Pulau Tuba, Langkawi



## Laman Padi, Langkawi

Laman Padi merupakan muzium hidup yang mengetengahkan keunikan proses penanaman padi daripada awal hingga akhir. Pelbagai aktiviti berkenaan padi dilaksanakan. Laman Padi juga sering dikunjungi oleh pelancong dari dalam dan luar negara yang ingin merasai pengalaman menanam, menampi, menuai dan memproses padi.

Berikut merupakan penerimaan lawatan ke Laman Padi bagi tahun 2021:

Bil.	Nama Program	Tarikh
1	Lawatan PUSPANITA Kota Setar	8 April 2021
2	Program Agihan daging kerbau kepada komuniti Temoyong	19 Julai 2021
3	Lawatan Tapak Naik Taraf Laman Padi	7 Oktober 2021
4	Harvest Padi Kawasan A	22 Oktober 2021
5	Penggambaran RTM	28 Oktober 2021
6	Penggambaran video penanaman secara tradisional	14 Disember 2021

Jadual 36 : Senarai Lawatan ke Laman Padi

Lawatan  
PUSPANITA  
Kota Setar



Harvest  
Padi  
Kawasan A



# 08

## Pengurusan Projek

- Pelaksanaan Projek Pembangunan
- Pengurusan Projek Pembangunan
- Prestasi Projek
- Ringkasan Projek Siap





## Pelaksanaan Projek Pembangunan

Berteraskan visi dan misi untuk memenuhi keperluan untuk pembangunan Langkawi sebagai destinasi pelancongan bertaraf dunia, Bahagian Kejuruteraan Teknikal bertanggungjawab sepenuhnya bagi melaksanakan projek-projek pembangunan infrastruktur dan kemudahan melalui perancangan di bawah Rancangan Malaysia. Dengan objektif memastikan projek dilaksanakan mengikut kos, kualiti dan masa yang telah ditetapkan, aspek memenuhi kehendak pelanggan serta menepati konsep *value for money & fit for purpose* menjadi teras utama pembangunan di Pulau Langkawi.

Bahagian Kejuruteraan Teknikal juga turut bertanggungjawab untuk memastikan produk-produk pelancongan di Pulau Langkawi diselenggarakan dengan baik demi memastikan imej Pulau Langkawi sebagai destinasi pelancongan yang terkemuka sentiasa terpelihara.

## Pengurusan Projek Pembangunan

Agenda pembangunan yang lestari sentiasa menjadi objektif utama LADA dengan pelaksanaan pelbagai program dan projek menerusi beberapa inisiatif Rancangan Malaysia (RMK) dan baki peruntukan projek di bawah Blueprint Pelancongan Langkawi (BPL). Dalam hal pelaksanaan projek pembangunan ini, LADA telah mengadakan pemantauan dan intervensi bagi memastikan projek yang dirancang dilaksanakan mengikut jadual.

Berikut merupakan senarai projek pembangunan yang dilaksanakan pada tahun 2021:

Bil.	Projek	Status Pelaksanaan
1	Penggantian Pontoon dan Kerja-kerja Lain yang Berkaitan di Jeti Teluk Bujur, Pulau Tuba, Langkawi	Dalam Pembinaan
2	Kerja Membina Jambatan Sungai Perangin yang Baharu di Oriental Village	Dalam Pembinaan
3	Pembinaan Jalan dari Kuala Temongong ke Telok Baru dan Pantai Tengah	Dalam Pembinaan
4	Projek Membaik Pulih dan Menaik Taraf Jeti Pelancongan Kuah	Pra Pelaksanaan
5	Projek Menaik Taraf Tandas dan Menggantikan Sistem Pemetungan di Tasik Dayang Bunting	Dalam Pembinaan
6	Projek Merobohkan dan Membina Semula Kemudahan Jeti Pendaratan Pelancong di Gua Cherita	Dalam Pembinaan

Bil.	Projek	Status Pelaksanaan
7	Projek Merobohkan dan Membina Semula Kemudahan Jeti Pendaratan Pelancong di Teluk Mempelam, Pulau Langgun	Dalam Pembinaan
8	Projek Menyiapkan Baki Kerja Tertinggal bagi Merobohkan dan Membina Semula Bangunan Auditorium di atas Sebahagian Lot 60016 (Lot Asal 2359 & 2360) Mukim Ulu Melaka	Dalam Pembinaan
9	Membina dan Menyiapkan Baru Jeti dan Lain-lain Kerja Berkaitan di Gua Langsir, Kilim Karst Geoforest Park, Mukim Ayer Hangat, Langkawi.	Dalam Pembinaan
10	Kerja Menaik taraf Dewan MIEC, Langkawi	Pra Pelaksanaan
11	Pembangunan Bangun Asrama Pelajar, Kafeteria dan Kemudahan-kemudahan Lain Di Langkawi Tourism Academy (LTA)/Kolej Komuniti Langkawi.	Dalam Pembinaan

Jadual 37 : Senarai Projek Pembangunan yang dilaksanakan pada tahun 2021

Selain itu, terdapat satu projek baharu telah diluluskan untuk dilaksanakan bermula pada tahun 2022 iaitu Projek Merobohkan Dan Membina Baru Pelantar Tasik Dayang Bunting dan Lain-lain Berkaitan di Dalam Tasik Dayang Bunting.

## Prestasi Projek

LADA melaksanakan projek fizikal melalui dua (2) kaedah iaitu secara dalaman atau lantikan perunding. Walau bagaimanapun bagi projek yang mempunyai kompleksiti tinggi akan dilaksanakan oleh agensi teknikal seperti Jabatan Kerja Raya (JKR) atau Jabatan Pengairan Saliran (JPS) mengikut pekeliling dan arahan Perbendaharaan yang sedang berkuat kuasa.

Tahun 2021 merupakan tahun kedua yang paling mencabar terutama bagi sektor projek pembangunan disebabkan Pandemik COVID-19 yang turut mengakibatkan Kerajaan Malaysia telah menguatkuasakan semula Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) 2.0. Namun, LADA telah berjaya melaksanakan 68 buah projek yang telah diluluskan oleh Kementerian Kewangan Malaysia (MOF), Jabatan Perdana Menteri (JPM) dan Lembaga Pengarah LADA. Jumlah peruntukan yang telah dibelanjakan sepanjang tahun 2021 ialah RM 37.6 juta berbanding perbelanjaan pada tahun 2020 yang berjumlah RM 12.4 juta.

Statistik pecahan perbelanjaan projek mengikut sumber peruntukan bagi tahun 2020 dan tahun 2021 adalah seperti berikut:

	2020 (RM)	2021 (RM)	Analisis
Rancangan Malaysia Ke-11 (RMKe - 11)	6.4 juta	33.5 juta	523.4 %
Belanja Mengurus	5.1 juta	4.1 juta	-0.8 %

Jadual 38 : Statistik pecahan perbelanjaan projek mengikut sumber peruntukan tahun 2020 dan tahun 2021

Berdasarkan statistik pecahan perbelanjaan projek di atas, pengkhususan mengikut sektor bagi tahun 2021 adalah seperti berikut:

Bil.	Pengkhususan Projek Mengikut Sektor	Nilai Projek
1	Jalan raya	RM25.4 juta
2	Jeti	RM5.1 juta
3	Infrastruktur	RM2.5 juta
4	Elektrikal & Mekanikal	RM1.4 juta
5	Bangunan	RM2.3 juta
6	Jambatan	RM0.9 juta
	<b>Jumlah</b>	<b>RM37.6 juta</b>

Jadual 39 : Pengkhususan Projek Mengikut Sektor

## Ringkasan Projek Siap

### Projek

- 1 Kerja Kecemasan Memperbaiki Paip Pecah di Blok B Taman Desa Permata, Langkawi

Tarikh siap : 25 Mac 2021

- 2 Kerja Kecemasan Memperbaiki Paip di Blok A Taman Desa Permata dan di Stadium Kompleks Langkawi, Kedah

Tarikh siap : 31 Mac 2021

- 3 Perkhidmatan Membekal dan Memasang Tinted Pada Cermin serta Kerja Mencuci Cermin Lama di Pejabat Unit Penyelenggaraan, Aras M2, Kompleks LADA, Kedah

Tarikh siap : 7 April 2021

- 4 Perkhidmatan rawatan anai-anai dan makhluk perosak di kompleks LADA

Tarikh siap : 20 April 2021

- 5 Penyelenggaraan Skylift di MIEC Hall dan dewan Badminton Kompleks Sukan Langkawi

Tarikh siap : 25 Mei 2021

### Projek

- 6 Kerja Pembaikan Berdasarkan Pemantauan di Taman Seri Berlian, Langkawi, Kedah

Tarikh siap : 17 Jun 2021

- 7 Kerja kecemasan paip pecah, Kerosakan pada paip Kerosakan pada paip bumbung bocor di Taman Desa Permata, Langkawi, Kedah

Tarikh siap : 4 Julai 2021

- 8 Kerja Menurap Semula Sebahagian Jalan dan Lain-lain Kerja Berkaitan di Susur Kuala Melaka, Padang Matsirat, Langkawi, Kedah

Tarikh siap : 18 Julai 2021

- 9 Penyelenggaraan pemadam api mudah alih untuk fasiliti dan premis LADA bagi tahun 2021- 2022

Tarikh siap : 8 Ogos 2021

- 10 Kerja Kecemasan Bagi Pembaikan Paip Bocor pada Unit No. 105 dan Lain-lain Kerja Desa Permata, Langkawi, Kedah

Tarikh siap : 1 September 2021

# Ringkasan Projek Siap

Projek	Projek
<p><b>11</b> Kerja Baik pulih Pagar Keselamatan (Hoarding) dan Lain-lain Kerja Berkaitan di Tanah Milik LADA (Lot 60002 Seksyen 4) Kuala Muda, Padang Matsirat, Langkawi, Kedah</p> <p>Tarikh siap : 10 Oktober 2021</p>	<p><b>16</b> Kerja Pembaikan 17 Buah Unit Rumah Kosong dan Pendawaian Semula 10 Unit Rumah Sewa LADA dan Lain-lain Kerja Berkaitan di Taman Seri Berlian, Langkawi, Kedah</p> <p>Tarikh siap : 16 Oktober 2021</p>
<p><b>12</b> Kerja Baik pulih Pagar, Jubin Dinding dan Lain-lain Kerja Berkaitan di Tabika Kemas Kampung Kuah, Langkawi Kedah</p> <p>Tarikh siap : 16 Oktober 2021</p>	<p><b>17</b> Penyelenggaraan Alat Pemadam Api Mudah Alih di Perumahan LADA bagi Tahun 2021-2022</p> <p>Tarikh siap : 2 Disember 2021</p>
<p><b>13</b> Kerja Baik pulih Bumbung, Pendawaian Elektrik dan Lain-lain Kerja Berkaitan di Dewan Orang Ramai Kampung Mata Ayer, Kuah, Langkawi, Kedah</p> <p>Tarikh siap : 16 Oktober 2021</p>	<p><b>18</b> Kerja Penyelenggaraan Setiap Unit Penghawa Dingin di Rumah Tamu Taman Nilam, Taman Medan Berjaya, Kompleks Sukan Langkawi, Laman Padi Serta Pos Kawalan Polis Bantuan Milik LADA, Langkawi Kedah</p> <p>Tarikh siap : 26 Disember 2021</p>
<p><b>14</b> Kerja Membekal dan Memasang Tangga Kecemasan Jenis ' Galvanised Iron' (G.I) Boleh Laras di Bangunan Langkawi, Kedah</p> <p>Tarikh siap : 21 November 2021</p>	<p><b>19</b> Kerja Pembersihan Bahu Jalan dan Lain-lain Kerja Berkaitan di Jalan Belakang Kompleks Sukan Langkawi Kuah, Langkawi, Kedah</p> <p>Tarikh siap : 30 Disember 2021</p>
<p><b>15</b> Kerja Menyelenggara Lampu Jalan dan Lampu Hiasan Milik LADA Serta Kerja-kerja Berkaitan di DUN Kuah bagi Tahun Langkawi, Kedah</p> <p>Tarikh siap : 25 Disember 2021</p>	<p><b>20</b> Cadangan Menjalankan Perkhidmatan Pemeriksaan Pemasangan Elektrik Jurutera Kompeten di Premis Milik LADA, Langkawi, Kedah</p> <p>Tarikh siap : 30 Disember 2021</p>

Tahun 2021 merupakan tahun yang paling mencabar terutama sektor pembinaan disebabkan oleh pandemik COVID-19. Projek-projek pembinaan di Langkawi juga tidak terkecuali menerima kesannya. Antara yang faktor yang dikenal pasti ialah bekalan bahan binaan lewat sampai di tapak bina, kerja-kerja di tapak terpaksa dihentikan serta kekurangan tenaga kerja buruh mahir kerana tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dikuatkuasakan. Akibat daripada isu berbangkit ini, tempoh lanjutan masa akan diberikan bagi memastikan projek ini sempurna dilaksanakan.

Namun dengan perancangan dan pemantauan yang berkesan, sehingga 31 Disember 2021, sebanyak 90% projek telah berjaya ditender dan disiapkan mengikut jadual dan peruntukan sebagaimana yang disasarkan.

# 09

## Pengurusan Pembangunan dan Pelaburan

- Kawalan Projek Pembangunan
- Pengurusan Tanah
- Prestasi Pelaburan
- Pembangunan Usahawan



 Menara MAHA, Langkawi



# Kawalan Projek Pembangunan


Bahagian Perancangan bertanggungjawab mengawal perancangan dan pembangunan terutamanya projek yang dibangunkan di atas tanah milik LADA dengan menggunakan piawaian-piawaian kawalan dan perancangan yang telah diwartakan sebagai garis panduan perancangan dalam memastikan segala perancangan mengikut syarat-syarat yang telah ditetapkan. Pada masa yang sama, Bahagian Perancangan bertindak untuk memastikan pembangunan di Langkawi tidak menjejaskan pengiktirafan Langkawi Geopark oleh UNESCO dengan:-

- i. Pembangunan yang menekankan pemeliharaan dan ketidakmusnahan geoheritage dan sumber landskap;
- ii. Menerapkan pembangunan secara mampan dengan mengambil kira sensitiviti alam sekitar;
- iii. Membangunkan pembangunan yang mampu memberikan impak positif terhadap peningkatan aktiviti sosioekonomi penduduk setempat; dan
- iv. Mematuhi syarat-syarat dan kehendak-kehendak yang dikenakan oleh pihak berkuasa dari semasa ke semasa.

Selain itu, LADA turut memberikan ulasan terhadap Laporan Penilaian Kesan Alam Sekitar (EIA) yang dikemukakan oleh pihak Jabatan Alam Sekitar dan juga cadangan pembangunan oleh Bahagian Perancangan Ekonomi Negeri (BPEN). Ulasan tahun 2021 mengalami penurunan disebabkan oleh pandemik COVID-19 yang bermula pada Mac 2020.

Ulasan tahun **2021** mengalami penurunan disebabkan oleh pandemik COVID-19 yang bermula pada **Mac 2020**

LADA merupakan agensi yang dipertanggungjawabkan memberikan ulasan ke atas semua permohonan Kebenaran Merancang yang dikemukakan oleh pihak Majlis Perbandaran Langkawi Bandaraya Pelancongan (MPLBP). Ulasan-ulasan yang diulas adalah lebih ke arah memastikan kelangsungan pengiktirafan 'Langkawi Geopark' terus kekal di Pulau Langkawi.



Rajah 14 : Ulasan Kebenaran Merancang Bagi Tahun 2021

Ulasan	Tahun 2019	Tahun 2020	Tahun 2021
Kebenaran Merancang (KM)	36 Ulasan	34 Ulasan	33 Ulasan
Penilaian Kesan Alam Sekitar	-	1 Ulasan	-
BPEN	1 Ulasan	-	2
<b>Jumlah</b>	<b>37 Ulasan</b>	<b>35 Ulasan</b>	<b>35 Ulasan</b>

Jadual 4.1 : Laporan Penilaian Kesan Alam Sekitar (EIA) Bagi Tahun 2021

Bahagian ini juga melaksanakan pemantauan setiap bulan ke atas tanah-tanah milik LADA agar mengikut jadual pelaksanaan yang ditetapkan dan laporan pemantauan dikeluarkan setiap bulan untuk Pengurusan Tertinggi LADA. Antara projek pelaburan yang sedang dalam pelaksanaan adalah :



### LANGKAWI PREMIUM OUTLET (LPO), PADANG MAT SIRAT

Satu projek pembangunan komersial bersepadu iaitu Langkawi Premium Outlet (LPO) sedang dilaksanakan oleh Syarikat BDBMBI Langkawi Ventures Sdn. Bhd. (BDBMBI), dengan kerjasama LADA. Pembangunan komersial bersepadu ini telah dijalankan pada Oktober 2021 dan dibangunkan di kawasan seluas 40.975 ekar di Padang Matsirat yang terletak bersebelahan Lapangan Terbang Antarabangsa Langkawi. Projek Langkawi Premium Outlet (LPO) ini dibahagikan kepada dua (2) fasa yang melibatkan nilai pembangunan kasar (GDV) berjumlah RM817 juta.

# 100

Peluang pekerjaan sekali gus membantu merencanakan lagi ekonomi penduduk setempat

Pembangunan Fasa 1 melibatkan pembangunan 37 unit premis perniagaan yang merangkumi barangan berjenama, restoran-restoran masakan *fusion* berkonsepkan eksklusif atau *fine-dining* serta *coffee house* yang dijangka siap sepenuhnya pada Jun 2022. Projek LPO ini dijangkakan akan mewujudkan sebanyak 100 peluang pekerjaan sekali gus membantu merencanakan lagi ekonomi penduduk setempat. Keseluruhan pembangunan ini memfokuskan kepada konsep membeli-belah yang dihiasi dengan kawasan hijau serta struktur bangunan yang melambangkan kebudayaan ikonik Melayu.

Ilustrasi konsep pembangunan Langkawi Premium Outlet yang akan di laksanakan



### PERDANA QUAY ECO MARINE PARK, PANTAI KOK

Satu perancangan Taman Tema Air Laut Interaktif yang pertama di Asia sedang dibangunkan dikenali sebagai Perdana Quay Eco Marine Park. Pembangunan ini dibina di atas tanah seluas 10 ekar yang telah dipajak oleh LADA kepada Syarikat TCB Mining Sdn. Bhd. Komponen Eco Marine Park dilengkapi dengan kolam air dalam, kolam *snorkeling*, kolam jerung, kolam infiniti, kolam keseronokan kanak-kanak, kolam sentuh, pantai buatan, pusat beli-belah bebas cukai, kedai runcit, restoran dan kafe.

Selain daripada kolam air laut, terdapat juga aktiviti berjalan laut iaitu satu ciri unik di mana pengunjung boleh berjalan di kolam air laut dan melihat hidupan marin berenang di sekeliling mereka. Pembangunan ini mampu menjadi satu tarikan pelancongan baru kepada Langkawi selain turut membantu ekonomi penduduk setempat dengan penawaran sebanyak 250 peluang pekerjaan baru kepada penduduk tempatan. Projek ini dijangka siap pada Jun 2022.

# 250

Peluang pekerjaan baru kepada penduduk tempatan



Ilustrasi konsep pembangunan Perdana Quay Eco Marine Park, Pantai Kok yang akan di laksanakan




## Pengurusan Tanah


LADA sebagai sebuah agensi yang telah diberi peranan untuk meneraju pembangunan di Langkawi, telah merangka beberapa langkah proaktif untuk mengawal pembangunan hartanah melalui perolehan tanah di kawasan yang strategi. Ia dilaksanakan melalui beberapa proses perolehan tanah seperti pembelian, permohonan tanah serta pengambilan balik tanah Kerajaan. Melalui perolehan tanah ini, LADA dapat mengatur perancangan yang lebih strategik untuk pembangunan pelancongan Pulau Langkawi.

Jumlah keseluruhan tanah pada tahun 2021 yang telah didaftarkan dalam sistem DLand LADA ialah sebanyak 2,263.65 ekar. Terdapat peningkatan jumlah tanah sebanyak 24 ekar berbanding tahun 2020 berikutan pembelian hartanah di Kampung Mawat oleh LADA. Berikut ialah perbandingan jumlah keseluruhan tanah milik LADA dari tahun 2019 hingga 2021.


### JUMLAH KESELURUHAN TANAH MILIK LADA 2019-2021 (KELUASAN EKAR)



Rajah 15 : Jumlah Keseluruhan Tanah Milik LADA Bagi Tahun 2019 – 2021




Rajah 16 : Tanah Kosong Milik LADA Pada Tahun 2021



### KELUASAN KESELURUHAN 2,263.65 ekar

Rajah 17 : Tanah Milik LADA Mengikut Mukim Pada Tahun 2021

LADA telah berjaya melaksanakan pelbagai projek pembangunan produk dan kemudahan pelancongan, infrastruktur dan tanah di Langkawi. Pembangunan pesat ini telah meningkatkan nilai tanah di Langkawi dan memberikan impak yang inklusif kepada pemaaju dan pemilik hartanah serta penduduk setempat. Berikut merupakan pecahan tadbir urus tanah-tanah milik LADA:




Rajah 18 : Pecahan Tadbir Urus Tanah-Tanah Milik LADA 2021

## Prestasi Pelaburan

Pelaksanaan Langkawi International Travel Bubble telah merangsang semula pertumbuhan dan pemulihan sektor ekonomi Langkawi. Kerjasama awam swasta dalam sektor pelaburan mula merencanakan ekonomi Langkawi ke arah pertumbuhan dan pemulihan mampan.

Fokus pelaburan kini lebih memberi tumpuan dalam sektor ekonomi baru seperti sektor teknologi hijau, akuakultur dan hortikultur dalam memastikan kebergantungan ekonomi penduduk Langkawi tidak hanya tertumpu pada sektor ampuh seperti bidang pelancongan semata-mata. Sektor ekonomi baru ini juga berpotensi melahirkan produk-produk pelancongan menarik dan dapat meningkatkan lagi jumlah pelancong ke Langkawi.

Berikut adalah statistik projek pelaburan di Langkawi bagi tahun 2021:



Rajah 19 : Peratusan Pelaburan Mengikut Kategori

Hotel <b>RM504,784,365.05</b>	Kediaman <b>RM129,073,475</b>	Bangunan Perniagaan <b>RM37,700,000</b>
Pembangunan Bercampur <b>RM497,157,799</b>	Fasiliti Pendidikan <b>RM14,000,000</b>	Pusat Industri Sosial <b>RM9,000,000</b>
Produk Pelancongan <b>RM12,500,000</b>	Restoran <b>RM2,372,600</b>	Industri Kilang <b>RM950,000</b>


Rajah 20 : Nilai Pelaburan Mengikut Kategori (Sumber : Unit OSC, Majlis Perbandaran Langkawi Bandaraya Pelancongan)

Jumlah pelaburan ke Langkawi secara keseluruhannya pada tahun 2021 adalah berjumlah RM1.207 bilion iaitu pengurangan sebanyak 29.49% berbanding tahun 2020 yang merekodkan nilai pelaburan berjumlah RM1.712 bilion. Namun begitu, kemasukan nilai pelaburan ke Langkawi dilihat masih positif dengan situasi pertumbuhan ekonomi yang agak perlahan dengan penularan wabak COVID-19 yang melanda negara dan dunia. Kategori pembangunan hotel mencatatkan peratusan tertinggi iaitu 35%, diikuti dengan pembangunan kediaman dengan peratusan 31% dan pembangunan bangunan perniagaan 17%. Manakala kategori pembangunan bercampur mencatatkan peratusan 7% diikuti dengan lain-lain pembangunan masing-masing mencatatkan 2%.

Jumlah pelaburan ke Langkawi secara keseluruhannya pada tahun **2021** adalah berjumlah **RM1.207 bilion**

Berikut merupakan jumlah nilai pelaburan yang direkodkan dari tahun 2019 sehingga 2021.

### PERBANDINGAN NILAI PELABURAN DARI TAHUN 2019-2021



Rajah 21 : Perbandingan Nilai Pelaburan dari tahun 2017-2021 (Sumber: Unit OSC, Majlis Perbandaran Langkawi Bandaraya Pelancongan)





### MAJLIS MENANDATANGANI PERJANJIAN PEMBANGUNAN PREMIUM OUTLET ANTARA BINA DARUL AMAN BERHAD (BDB), BDBMBI LANGKAWI VENTURES SDN. BHD. (BDBMBI) DAN LADA

Pada 21 September 2021, bertempat di Dewan Hasil, Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia, Pejabat Pengarah Negeri Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur telah diadakan Majlis Menandatangani Perjanjian Cadangan Pembangunan Malaysia Designer Outlet di antara BDB, BDBMBI dan LADA. Majlis ini telah disaksikan oleh Menteri Kewangan, Senator Tengku Datuk Seri Utama Zafrul Tengku Abdul Aziz serta dihadiri oleh Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan BDB, Faris Najhan Hashim. Turut hadir ialah Ketua Setiausaha Perbendaharaan, Dato' Asri bin Hamidon; dan Ketua Pegawai Eksekutif LADA, Tuan Nasaruddin bin Abdul Muttalib.

Pembangunan fasa satu yang dikenali sebagai Malaysia Designer Outlet dijangka bermula pada Oktober 2021 dan siap sepenuhnya pada Julai 2022. Fokus diberikan kepada usaha mempromosikan dan menyediakan platform bagi pereka fesyen serta outlet F&B tempatan untuk mengembangkan perniagaan dan bakat mereka kepada pelancong tempatan dan luar negara. Dianggarkan hampir 100 peluang pekerjaan akan dibuka sekali gus akan membantu merancakkan lagi ekonomi penduduk setempat. Fasa kedua yang merupakan 'jantung' projek tersebut akan melibatkan pembangunan Premium Outlet bermula Januari 2022 dan dijangka siap sepenuhnya menjelang Mac 2024. Fasa ini akan menawarkan lebih banyak jenama premium antarabangsa (Branded Retail Outlet) sekali gus membolehkan pembangunan ini menjadi destinasi pelancongan dan tarikan terbaru di Pulau Langkawi.

Kerjasama LADA bersama syarikat BDB dalam projek Malaysia Designer Outlet di Langkawi merupakan bukti kerjasama sektor awam swasta yang mampu menyediakan produk pelancongan baru kepada pelancong selain kerjasama ini turut menyumbang kepada limpahan ekonomi khususnya kepada komuniti.



## Pembangunan Usahawan

Era pandemik yang melanda pada ketika ini telah menyebabkan usahawan dan penggiat industri hilang modal pusingan perniagaan disebabkan wabak COVID-19. Sehubungan itu, Unit Pemudahcara Perniagaan telah dipertanggungjawabkan untuk memudah cara dan membantu dalam memberi pendedahan pengetahuan kepada usahawan-usahawan melalui penganjuran kursus dan program.


### Aktiviti dan lain-lain Program Pembangunan Usahawan Tahun 2021

Antara program-program yang telah dilaksanakan adalah seperti berikut:

Bil.	Tajuk Program	Objektif	Tarikh	Jumlah Peserta
1	Kursus Aplikasi Teknologi Retort Produk Makanan	Memberi pendedahan kepada usahawan berkaitan kemampuan teknologi retort dalam meningkatkan ketahanan makanan untuk satu tempoh masa yang lebih lama.	12 April 2021	40 orang usahawan Langkawi
2	Kursus Aplikasi Tik Tok dengan kerjasama Institut Keusahawanan Negara (INSKEN)	Memberi pendedahan kepada usahawan cara membuka akaun perniagaan TikTok, merangka kempen pemasaran yang kreatif dan menarik, mempelajari teknik pengiklanan yang efektif dan cara memantau prestasi jualan melalui aplikasi ini.	16-17 Ogos 2021	50 orang usahawan Langkawi
3	Bicara Usahawan Digital bersama Usahawan Terkenal Khairul Aming	Memberi suntikan motivasi kepada usahawan baru dan sedia ada dalam menghasilkan content pengiklanan produk dan servis yang kreatif.	30 September 2021	200 orang usahawan Langkawi
4	Kursus Smartphone Video Making for Marketing	Memberi pendedahan berkaitan teknik-teknik penghasilan video produk atau servis dengan hanya menggunakan telefon pintar.	1-2 November 2021	40 orang usahawan Langkawi

Jadual 42: Program Pembangunan Usahawan tahun 2021

Bagi tahun 2021, kos penganjuran kursus pembangunan usahawan secara keseluruhannya adalah berjumlah RM42,000.00 dan telah dimanfaatkan oleh 330 orang usahawan Langkawi.



## Bantuan Memulakan Perniagaan di bawah Inisiatif Projek Ekonomi Baru (PEB), Pelan Hala Tuju Ekonomi Langkawi (HELANG)

LADA juga bertanggungjawab dalam menyalurkan Bantuan Memulakan Perniagaan, PEB, HELANG kepada usahawan yang terkesan aktiviti perniagaan akibat penularan wabak COVID-19 seperti berikut:

Bil.	Pemohon	Jenis Bantuan	Jumlah peserta	Tarikh serahan Bantuan
1	Pemandu Teksi dan Pemandu Pelancong Langkawi yang Terjejas Pendapatan	Bantuan Set Ternakan Lobster Air Tawar	26 orang	4 Mac 2021
2	Usahawan Geoproduct Langkawi	Bantuan Perniagaan berupa mesin	7 orang	4 Mac 2021
3	En. Fairus bin Mohd Zaki, Pengusaha Tanaman Tebu	Bantuan tambah baik sistem saluran tanaman tebu		25 Julai 2021
4	Pn. Naimah binti Ismail, Pengusaha Ternakan Itik Telur	Bantuan naik taraf Projek Ternakan Itik Telur		25 Julai 2021
5	Pengusaha Perkhidmatan Bot Pelancongan	Bantuan Peralatan Hasil Laut (Tangkapan sotong)	10 orang	11 Ogos 2021
6	Syarikat Tapawfood Services	Bantuan Inisiatif Pemasaran Digital 'TapawRuncit'		13 Oktober 2021
7	Komuniti Langkawi yang Terjejas Pendapatan	Bantuan pembelian bongkah cendawan dan kemudahan sewaan rumah cendawan	20 orang	13 Disember 2021
8	Komuniti Langkawi yang Terjejas Pendapatan	Bantuan Set Ternakan Lobster Air Tawar	28 orang	13 Disember 2021
9	Alazat Resources	Bantuan Mesin Semi- Auto Blower		29 Disember 2021


Jadual 43 : Bantuan Memulakan Perniagaan di bawah Inisiatif PEB, HELANG

Bagi tahun 2021, jumlah keseluruhan serahan Bantuan PEB berjumlah RM400,000 dan telah dimanfaatkan oleh 500 orang komuniti Langkawi.

# 10

Penyata  
Kewangan



 Kubang Badak, Langkawi





SIJIL KETUA AUDIT NEGARA  
MENGENAI PENYATA KEWANGAN  
LEMBAGA PEMBANGUNAN LANGKAWI  
BAGI TAHUN BERAKHIR  
31 DISEMBER 2021

KETUA AUDIT NEGARA  
MALAYSIA



SIJIL KETUA AUDIT NEGARA  
MENGENAI PENYATA KEWANGAN  
LEMBAGA PEMBANGUNAN LANGKAWI  
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2021

**Sijil Mengenai Pengauditan Penyata Kewangan**

**Pendapat Berteguran**

Saya telah memberikan kuasa kepada firma audit swasta di bawah Subseksyen 7(3) Akta Audit 1957 [Akta 62] untuk mengaudit Penyata Kewangan Lembaga Pembangunan Langkawi. Penyata kewangan tersebut merangkumi Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Disember 2021 Lembaga Pembangunan Langkawi dan Kumpulan dan Penyata Prestasi Kewangan, Penyata Perubahan Dalam Ekuiti, Penyata Aliran Tunai serta Penyata Prestasi Bajet bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut dan nota kepada penyata kewangan termasuklah ringkasan polisi perakaunan yang signifikan seperti yang dinyatakan pada muka surat 3 hingga 47.

Pada pendapat saya, penyata kewangan ini memberi gambaran yang benar dan saksama terhadap kedudukan kewangan Lembaga Pembangunan Langkawi dan Kumpulan pada 31 Disember 2021, dan prestasi kewangan serta aliran tunai bagi tahun kewangan berakhir pada tarikh tersebut selaras dengan Piawaian Perakaunan Sektor Awam Malaysia (MPSAS) dan keperluan Akta Lembaga Pembangunan Langkawi 1990 [Akta 423] kecuali perkara yang dinyatakan di perenggan Asas Kepada Pendapat Berteguran.

**Asas Kepada Pendapat Berteguran**

**a. Tunai dan Kesetaraan Tunai**

- i. Merujuk kepada Nota 5 – Tunai dan Kesetaraan Tunai, sejumlah RM160.26 juta dinyatakan dalam Penyata Kedudukan Kewangan Lembaga Pembangunan Langkawi pada 31 Disember 2021. Termasuk dalam amaun tersebut adalah baki item simpanan tetap yang mempunyai tempoh matang melebihi tiga bulan berjumlah RM62.23 juta yang telah tersilap direkodkan dalam baki Tunai dan Kesetaraan Tunai. Amaun RM62.23 juta ini sepatutnya direkodkan sebagai item Lain-lain Pelaburan dalam Penyata Kedudukan Kewangan Lembaga Pembangunan Langkawi pada

31 Disember 2021 selaras dengan kehendak MPSAS 2 – Penyata Aliran Tunai, perenggan 9.

- ii. Sekiranya amaun ini direkodkan dengan betul, baki Tunai dan Kesetaraan Tunai yang sepatutnya ditunjukkan dalam Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Disember 2021 adalah berjumlah RM98.03 juta. Manakala baki item Lain-lain Pelaburan yang sepatutnya ditunjukkan dalam Penyata Kedudukan Kewangan Lembaga Pembangunan Langkawi pada 31 Disember 2021 adalah berjumlah RM196 juta. Kesan kesilapan pengelasan tersebut telah menyebabkan baki Tunai dan Kesetaraan Tunai pada 31 Disember 2021 telah terlebih nyata sejumlah RM62.23 juta. Manakala baki item Lain-lain Pelaburan pada 31 Disember 2021 telah terkurang nyata sejumlah RM62.23 juta.

#### **b. Akaun Kumpulan**

- i. Merujuk kepada Nota 10 - Kepentingan Dalam Anak Syarikat, penyata kewangan anak syarikat, iaitu International Eagle Resources Sdn. Bhd. telah disatukan dalam penyata kewangan Kumpulan menggunakan akaun pengurusan syarikat. International Eagle Resources Sdn. Bhd. memiliki pegangan saham sebanyak 30% dalam ekuiti Intergrated Nautical Resort Sdn. Bhd. yang merupakan syarikat bersekutu International Eagle Resources Sdn. Bhd.
- ii. Pada 31 Disember 2020 dan 2021, akaun pengurusan International Eagle Resources Sdn. Bhd. menunjukkan nilai bawaan bersih pelaburan International Eagle Resources Sdn. Bhd. dalam ekuiti Intergrated Nautical Resort Sdn. Bhd. adalah masing-masing berjumlah RM6.81 juta dan RM250,687. Jumlah yang dinyatakan di atas telah disatukan dalam Penyata Kedudukan Kewangan Kumpulan bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2020 dan 31 Disember 2021.
- iii. Pihak Audit tidak dapat memastikan nilai bawaan bersih pelaburan International Eagle Resources Sdn. Bhd. dalam ekuiti Intergrated Nautical Resort Sdn. Bhd. yang telah disatukan dalam Penyata Kedudukan Kewangan Kumpulan kerana akaun pengurusan International Eagle Resources Sdn. Bhd. dan Intergrated Nautical Resort Sdn. Bhd. bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2020 dan 31 Disember 2021 masih dalam proses pengauditan dan masih belum dimuktamadkan sehingga tarikh pelaporan penyata kewangan Kumpulan. Kesannya, pihak Audit tidak dapat menentukan keperluan mengenai pelarasan kepada jumlah yang dinyatakan di atas.

Pengauditan telah dilaksanakan berdasarkan Akta Audit 1957 dan International Standards of Supreme Audit Institutions. Tanggungjawab saya dihuraikan selanjutnya di perenggan Tanggungjawab Juruaudit Terhadap Pengauditan Penyata Kewangan dalam sijil ini. Saya percaya bahawa bukti audit yang diperoleh adalah mencukupi dan bersesuaian untuk dijadikan asas kepada pendapat berteguran saya.

#### *Kebebasan dan Tanggungjawab Etika Lain*

Saya adalah bebas daripada Lembaga Pembangunan Langkawi dan Kumpulan serta telah memenuhi tanggungjawab etika lain berdasarkan International Standards of Supreme Audit Institutions.

#### **Penegasan Perkara**

Tanpa menjejaskan pendapat Audit, saya ingin menarik perhatian terhadap perkara yang dinyatakan seperti berikut:

#### **a. Pajakan Tanah**

Merujuk kepada Nota 14 – Hartanah, Loji dan Peralatan berkaitan pajakan tanah bagi pembangunan sebuah hotel.

- i. Berdasarkan Perjanjian Pemegang Saham yang telah ditandatangani pada 11 April 2014, Lembaga Pembangunan Langkawi dikehendaki memajak tanah Plot 1 yang merangkumi Plot A dan Plot B (PT 2482) kepada Integrated Nautical Resort Sdn. Bhd. untuk tempoh 99 tahun pada kadar bayaran sejumlah RM660,000 setahun (kadar baharu yang dipersetujui adalah RM550,000). Bayaran ini tidak termasuk bayaran pajakan bagi hak milik PT 1778 dan PT 6396 yang akan ditentukan kemudian. Dalam tahun 2021, perjanjian pajakan tanah antara Lembaga Pembangunan Langkawi dan Integrated Nautical Resort Sdn. Bhd. masih belum ditandatangani. Oleh itu, Lembaga Pembangunan Langkawi tidak menerima apa-apa pulangan daripada tanah tersebut.
- ii. Integrated Nautical Resort Sdn. Bhd. yang merupakan sebuah syarikat bersekutu kepada International Eagle Resources Sdn. Bhd., iaitu syarikat milik penuh Lembaga Pembangunan Langkawi. Integrated Nautical Resort Sdn. Bhd. telah mendapatkan pinjaman berjumlah RM246.54 juta daripada sebuah bank bertarikh 18 September 2014. Berdasarkan perjanjian pinjaman ini, ia menyatakan sebaik sahaja perjanjian pajakan ditandatangani, tanah akan terus dicagar kepada bank pemberi pinjaman sebagai cagaran. Selain itu, jika perjanjian pajakan tanah diteruskan, Lembaga Pembangunan Langkawi akan berdepan dengan risiko kehilangan tanah tersebut kepada bank berkenaan.

### **Maklumat Lain Selain Daripada Penyata Kewangan dan Sijil Juruaudit Mengenainya**

Lembaga, Lembaga Pembangunan Langkawi bertanggungjawab terhadap maklumat lain dalam Laporan Tahunan. Pendapat saya terhadap Penyata Kewangan Lembaga Pembangunan Langkawi dan Kumpulan tidak meliputi maklumat lain selain daripada penyata kewangan dan Sijil Juruaudit mengenainya dan saya tidak menyatakan sebarang bentuk kesimpulan jaminan mengenainya.

### **Perkara Utama Audit**

Kecuali perkara yang dijelaskan dalam perenggan Asas Kepada Pendapat Berteguran, saya memutuskan bahawa tidak ada Perkara Utama Audit lain untuk disampaikan di dalam sijil ini.

### **Tanggungjawab Lembaga Terhadap Penyata Kewangan**

Lembaga bertanggungjawab terhadap penyediaan Penyata Kewangan Lembaga Pembangunan Langkawi dan Kumpulan yang memberi gambaran benar dan saksama selaras dengan Piawaian Perakaunan Sektor Awam Malaysia (MPSAS) dan keperluan Akta Lembaga Pembangunan Langkawi 1990 [Akta 423]. Lembaga juga bertanggungjawab terhadap penetapan kawalan dalaman yang perlu bagi membolehkan penyediaan Penyata Kewangan Lembaga Pembangunan Langkawi dan Kumpulan yang bebas daripada salah nyata yang ketara, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan.

Semasa penyediaan Penyata Kewangan Lembaga Pembangunan Langkawi dan Kumpulan, Lembaga bertanggungjawab untuk menilai keupayaan Lembaga Pembangunan Langkawi dan Kumpulan untuk beroperasi sebagai satu usaha berterusan, mendedahkannya jika berkaitan serta menggunakannya sebagai asas perakaunan.

### **Tanggungjawab Juruaudit Terhadap Pengauditan Penyata Kewangan**

Objektif saya adalah untuk memperoleh keyakinan yang munasabah sama ada Penyata Kewangan Lembaga Pembangunan Langkawi dan Kumpulan secara keseluruhannya adalah bebas daripada salah nyata yang ketara, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan, dan mengeluarkan Sijil Juruaudit yang merangkumi pendapat saya. Jaminan yang munasabah adalah satu tahap jaminan yang tinggi, tetapi bukan satu jaminan bahawa audit yang dijalankan mengikut International Standards of Supreme Audit Institutions akan sentiasa mengesan salah nyata yang ketara apabila ia wujud. Salah nyata boleh wujud daripada fraud atau kesilapan dan dianggap ketara sama ada, secara individu atau agregat, sekiranya boleh dijangkakan dengan munasabah untuk mempengaruhi keputusan ekonomi yang dibuat oleh pengguna berdasarkan penyata kewangan ini.

Sebagai sebahagian daripada pengauditan mengikut International Standards of Supreme Audit Institutions, saya menggunakan pertimbangan profesional dan mengekalkan keraguan profesional sepanjang pengauditan. Saya juga:

- a. mengenal pasti dan menilai risiko salah nyata ketara dalam Penyata Kewangan Lembaga Pembangunan Langkawi dan Kumpulan, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan, merangka dan melaksanakan prosedur audit yang responsif terhadap risiko berkenaan serta mendapatkan bukti audit yang mencukupi dan bersesuaian untuk memberikan asas kepada pendapat saya. Risiko untuk tidak mengesan salah nyata ketara akibat daripada fraud adalah lebih tinggi daripada kesilapan kerana fraud mungkin melibatkan pakatan, pemalsuan, ketinggalan yang disengajakan, representasi yang salah, atau mengatasi kawalan dalaman;
- b. memahami kawalan dalaman yang relevan untuk merangka prosedur audit yang bersesuaian tetapi bukan untuk menyatakan pendapat mengenai keberkesanan kawalan dalaman Lembaga Pembangunan Langkawi dan Kumpulan;
- c. menilai kesesuaian dasar perakaunan yang diguna pakai, kemunasabahan anggaran perakaunan dan pendedahan yang berkaitan oleh Lembaga;
- d. membuat kesimpulan terhadap kesesuaian penggunaan asas perakaunan untuk usaha berterusan oleh Lembaga dan berdasarkan bukti audit yang diperolehi, sama ada wujudnya ketidakpastian ketara yang berkaitan dengan peristiwa atau keadaan yang mungkin menimbulkan keraguan yang signifikan terhadap keupayaan Lembaga Pembangunan Langkawi atau Kumpulan sebagai satu usaha berterusan. Jika saya membuat kesimpulan bahawa ketidakpastian ketara wujud, saya perlu melaporkan dalam Sijil Juruaudit terhadap pendedahan yang berkaitan dalam Penyata Kewangan Lembaga Pembangunan Langkawi dan Kumpulan atau, jika pendedahan tersebut tidak mencukupi, pendapat saya akan diubah. Kesimpulan saya dibuat berdasarkan bukti audit yang diperolehi sehingga tarikh Sijil Juruaudit. Bagaimanapun, peristiwa atau keadaan pada masa hadapan berkemungkinan menyebabkan Lembaga Pembangunan Langkawi atau Kumpulan tidak lagi berupaya meneruskan operasi secara usaha berterusan;
- e. menilai persembahan secara keseluruhan, struktur dan kandungan Penyata Kewangan Lembaga Pembangunan Langkawi dan Kumpulan, termasuk pendedahannya, dan sama ada penyata kewangan tersebut telah melaporkan asas-asas urus niaga dan peristiwa-peristiwa yang memberikan gambaran saksama; dan
- f. mendapatkan bukti audit yang mencukupi dan bersesuaian berkaitan maklumat kewangan entiti dan aktiviti perniagaan dalam Kumpulan untuk memberikan pendapat terhadap Penyata Kewangan Kumpulan. Saya bertanggungjawab untuk hala tuju,

pengawasan dan pelaksanaan pengauditan kumpulan. Saya hanya bertanggungjawab terhadap pendapat saya.

Lembaga telah dimaklumkan, antaranya mengenai skop dan tempoh pengauditan yang dirancang serta penemuan audit yang signifikan termasuk kelemahan kawalan dalaman yang dikenal pasti semasa pengauditan.

#### Laporan Mengenai Keperluan Perundangan dan Peraturan Lain

Berdasarkan keperluan Akta Lembaga Pembangunan Langkawi 1990 [Akta 423], saya juga melaporkan:

- a. syarikat subsidiari yang tidak diaudit oleh saya, telah dinyatakan di Nota 10 dalam penyata kewangan; dan
- b. pada pendapat saya, saya tidak memperoleh maklumat dan penjelasan berkaitan seperti yang dinyatakan di perenggan Asas Kepada Pendapat Berteguran.

#### Hal-hal Lain

Lembaga Pembangunan Langkawi hendaklah mempertingkatkan kawalan dalaman semasa perekodan transaksi kewangan dan penyediaan penyata kewangan bagi memastikan ketepatan penyata kewangan yang dilaporkan.

Sijil ini dibuat untuk Lembaga, Lembaga Pembangunan Langkawi berdasarkan keperluan Akta Lembaga Pembangunan Langkawi 1990 [Akta 423] dan bukan untuk tujuan lain. Saya tidak bertanggungjawab terhadap pihak lain bagi kandungan sijil ini.



(DATUK NOR SALWANI BINTI MUHAMMAD)

b.p. KETUA AUDIT NEGARA


PUTRAJAYA  
13 FEBRUARI 2023

### LEMBAGA PEMBANGUNAN LANGKAWI (Ditubuhkan Di Malaysia Mengikut Akta 423)

#### PENYATA PENERUSI DAN SEORANG AHLI LEMBAGA PENGARAH


Kami **DATO' HAJI MOHD SUHAIMI BIN HAJI ABDULLAH** dan **DATO' SUHARA BINTI SALLEH** yang merupakan Pengerusi Bersama dan salah seorang Ahli Lembaga Pengarah **LEMBAGA PEMBANGUNAN LANGKAWI (LADA)** dengan ini menyatakan bahawa, pada pendapat Lembaga Pengarah, Penyata Kewangan yang mengandungi Penyata Kedudukan Kewangan, Penyata Prestasi Kewangan, Penyata Perubahan Dalam Ekuiti, Penyata Aliran Tunai dan Penyata Prestasi Bajet yang berikut ini berserta dengan nota kepada Penyata Kewangan di dalamnya, adalah disediakan untuk menunjukkan pandangan yang benar dan saksama berkenaan kedudukan LEMBAGA PEMBANGUNAN LANGKAWI pada **31 Disember 2021** dan hasil kendaliannya serta perubahan kedudukan kewangannya bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut.

Bagi pihak Lembaga,



.....  
NAMA : **DATO' HAJI MOHD SUHAIMI BIN HAJI ABDULLAH**  
GELARAN : PENERUSI BERSAMA  
TARIKH : **22 AUG 2022**  
TEMPAT : LANGKAWI

Bagi pihak Lembaga,



.....  
NAMA : **DATO' SUHARA BINTI SALLEH**  
GELARAN : AHLI LEMBAGA PENGARAH  
TARIKH : **22 AUG 2022**  
TEMPAT : LANGKAWI

LEMBAGA PEMBANGUNAN LANGKAWI  
(Ditubuhkan Di Malaysia Mengikut Akta 423)

PENGAKUAN OLEH PEGAWAI UTAMA YANG BERTANGGUNGJAWAB KE ATAS

PENGURUSAN KEWANGAN LEMBAGA PEMBANGUNAN LANGKAWI

Saya, **NASARUDDIN BIN ABDUL MUTTALIB (NO. K/P: 670501-08-6985)** pegawai utama yang bertanggungjawab ke atas pengurusan kewangan dan rekod-rekod perakaunan **LEMBAGA PEMBANGUNAN LANGKAWI (LADA)**, dengan ikhlasnya mengakui bahawa Penyata Kedudukan Kewangan, Penyata Prestasi Kewangan, Penyata Perubahan Dalam Ekuiti, Penyata Aliran Tunai dan Penyata Prestasi Bajet yang berikut ini berserta dengan nota kepada Penyata Kewangan di dalamnya mengikut sebaik-baik pengetahuan dan kepercayaan saya, adalah betul dan saya membuat ikrar ini dengan sebenarnya mempercayai bahawa ia adalah benar dan atas kehendak-kehendak Akta Akuan Berkanun, 1960.

Sebenarnya dan sesungguhnya )  
diakui oleh penama di atas )  
di **LANGKAWI** )  
pada **22 AUG 2022** )




NO. 85, Tingkat Satu,  
Kompleks Pekan Rabu,  
Kuah, 07000 Langkawi,  
Kedah Darul Aman.

LEMBAGA PEMBANGUNAN LANGKAWI  
(Ditubuhkan Di Malaysia Mengikut Akta 423)

PENYATA KEDUDUKAN KEWANGAN PADA 31 DISEMBER 2021

NOTA	KUMPULAN		LEMBAGA	
	2021 RM	2020 RM	2021 RM	2020 RM
<b>ASET</b>				
<b>ASET SEMASA</b>				
5	183,448,580	151,137,042	160,255,708	119,315,216
6	187,472,954	269,090,422	133,770,003	225,758,547
	1,334,018	1,303,685	-	-
7	36,305,896	33,402,427	37,930,664	42,050,390
8	2,135,512	2,356,468	1,064,585	1,080,005
9	474,430	423,008	118,904	118,836
	266,164	13,897	-	-
	<b>411,437,554</b>	<b>457,726,949</b>	<b>333,139,864</b>	<b>388,322,994</b>
<b>ASET BUKAN SEMASA</b>				
10	-	-	11,317,473	13,700,002
11	29,000,000	29,000,000	29,000,000	29,000,000
12	3,600,678	9,953,744	839,773	800,001
13	4,200,000	4,325,001	4,200,000	4,325,001
14	701,319,137	706,690,794	670,053,542	671,718,348
15	227,047,352	232,762,741	227,047,352	232,762,741
16	-	20,935	-	20,935
17	95,932	-	95,932	-
18	27,394,646	30,410,497	27,394,646	30,410,497
	<b>992,657,745</b>	<b>1,013,163,712</b>	<b>969,948,718</b>	<b>982,737,525</b>
	<b>1,404,095,299</b>	<b>1,470,890,661</b>	<b>1,303,088,582</b>	<b>1,371,060,519</b>
<b>LIABILITI</b>				
<b>LIABILITI SEMASA</b>				
19	9,667,881	5,443,677	8,497,357	3,206,192
20	3,454,039	3,753,104	3,489,299	3,783,104
	1,735,166	1,145,665	-	-
9	5,824,495	7,376,512	5,824,495	7,376,512
	24,205,800	19,974,200	6,636,426	1,773,677
	94,234	592,992	94,234	592,992
	<b>44,981,615</b>	<b>38,286,150</b>	<b>24,541,811</b>	<b>16,732,477</b>
<b>LIABILITI BUKAN SEMASA</b>				
21	74,547,441	75,038,140	74,547,441	75,038,140
22	148,025,947	193,944,543	148,025,947	193,944,543
	418,672	371,647	418,672	371,647
	<b>222,992,060</b>	<b>269,354,330</b>	<b>222,992,060</b>	<b>269,354,330</b>
	<b>267,973,675</b>	<b>307,640,480</b>	<b>247,533,871</b>	<b>286,086,807</b>
	<b>1,136,121,624</b>	<b>1,163,250,181</b>	<b>1,055,554,711</b>	<b>1,084,973,712</b>
<b>ASET BERSIH</b>				
<b>EKUITI</b>				
	1,077,578,077	1,104,706,634	997,011,164	1,026,430,165
23	1,100,000	1,100,000	1,100,000	1,100,000
24	57,443,547	57,443,547	57,443,547	57,443,547
	<b>1,136,121,624</b>	<b>1,163,250,181</b>	<b>1,055,554,711</b>	<b>1,084,973,712</b>

Penyata ini hendaklah dibaca bersama-sama dengan nota-nota yang dikemukakan.



LEMBAGA PEMBANGUNAN LANGKAWI  
(Ditubuhkan Di Malaysia Mengikut Akta 423)

PENYATA PRESTASI KEWANGAN BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2021

	Nota	KUMPULAN		LEMBAGA	
		2021 RM	2020 RM	2021 RM	2020 RM
<b>HASIL DARIPADA URUSNIAGA BUKAN PERTUKARAN</b>					
GERAN KERAJAAN		27,400,000	26,500,000	27,400,000	26,500,000
PELUNASAN GERAN KERAJAAN	25	29,871,441	13,005,869	29,871,441	13,005,869
HASIL PELBAGAI	26	2	21,910,875	2	21,910,875
		<b>57,271,443</b>	<b>61,416,744</b>	<b>57,271,443</b>	<b>61,416,744</b>
<b>HASIL DARIPADA URUSNIAGA PERTUKARAN</b>					
KEUNTUNGAN SIMPANAN TETAP DAN DIVIDEN	26	7,295,973	9,417,375	7,335,973	14,739,175
HASIL PELBAGAI		14,349,218	16,302,579	9,534,126	11,933,865
HASIL OPERASI	27	20,112,789	34,155,446	-	-
		<b>41,757,980</b>	<b>59,875,400</b>	<b>16,870,099</b>	<b>26,673,040</b>
<b>JUMLAH PENDAPATAN</b>		<b>99,029,423</b>	<b>121,292,144</b>	<b>74,141,542</b>	<b>88,089,784</b>
<b>PERBELANJAAN</b>					
EMOLUMEN		24,355,882	26,292,760	16,671,545	16,437,695
PERKHIDMATAN DAN BEKALAN		21,263,769	22,130,619	18,384,825	17,216,028
SUSUTNILAI	14,15,16,17	25,782,188	24,749,647	21,410,638	20,454,858
PERBELANJAAN PEMBANGUNAN	28	30,017,585	13,005,869	30,017,585	13,005,869
KOS JUALAN		8,615,471	13,877,115	-	-
HUTANG RAGU		549,272	174,968	7,299,272	18,797,940
HAPUSKIRA	29	4,171	28,690	4,171	28,690
BAYARAN PELBAGAI		8,556,566	10,736,212	7,633,654	6,814,191
<b>JUMLAH PERBELANJAAN</b>		<b>119,144,904</b>	<b>110,995,880</b>	<b>101,421,690</b>	<b>92,755,271</b>
<b>LEBIHAN/(KURANGAN) PENDAPATAN</b>		<b>(20,115,481)</b>	<b>10,296,264</b>	<b>(27,280,148)</b>	<b>(4,665,487)</b>
(KERUGIAN) DALAM SYARIKAT BERSEKUTU		(3,016,185)	(2,265,809)	-	-
<b>LEBIHAN/(KURANGAN) PENDAPATAN SEBELUM CUKAI</b>		<b>(23,131,666)</b>	<b>8,030,455</b>	<b>(27,280,148)</b>	<b>(4,665,487)</b>
TOLAK : CUKAI	30	(1,620,283)	(2,321,004)	(1,494,233)	(1,992,992)
: ZAKAT		90,855	(364,973)	-	-
<b>LEBIHAN/(KURANGAN) PENDAPATAN SELEPAS CUKAI</b>		<b>(24,661,094)</b>	<b>5,344,478</b>	<b>(28,774,381)</b>	<b>(6,658,479)</b>
<b>LEBIHAN PENDAPATAN TERKUMPUL DIBAWA KE HADAPAN</b>		<b>1,104,706,634</b>	<b>927,308,950</b>	<b>1,026,430,165</b>	<b>861,035,438</b>
CAMPUR : PELARASAN TAHUN LEPAS	31	(2,467,463)	172,053,206	(644,620)	172,053,206
<b>LEBIHAN PENDAPATAN DIHANTAR KE HADAPAN</b>		<b>1,077,578,077</b>	<b>1,104,706,634</b>	<b>997,011,164</b>	<b>1,026,430,165</b>

Penyata ini hendaklah dibaca bersama-sama dengan nota-nota yang dikemukakan.

LEMBAGA PEMBANGUNAN LANGKAWI  
(Ditubuhkan Di Malaysia Mengikut Akta 423)

LEMBAGA PEMBANGUNAN LANGKAWI  
PENYATA PERUBAHAN DALAM EKUITI BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2021

LEMBAGA

	Akaun Rezab	Akaun Pelaburan	Kumpulan Wang Pinjaman Kakitangan	Lebihan Pendapatan Terkumpul	Jumlah Lembaga
	RM	RM	RM	RM	RM
Baki Pada 1 Januari 2020	2,610,876	57,443,547	900,000	861,035,438	921,989,861
(Kurangan)/Tambah Dalam Tahun	(2,610,876)	-	200,000	-	(2,410,876)
Pelarasan Tahun Lepas	-	-	-	172,053,206	172,053,206
(Kurangan) Pendapatan Selepas Cukai	-	-	-	(6,658,479)	(6,658,479)
<b>Baki Pada 31 Disember 2020</b>	<b>-</b>	<b>57,443,547</b>	<b>1,100,000</b>	<b>1,026,430,165</b>	<b>1,084,973,712</b>
Pelarasan Tahun Lepas	-	-	-	(644,620)	(644,620)
(Kurangan) Pendapatan Selepas Cukai	-	-	-	(28,774,381)	(28,774,381)
<b>Baki Pada 31 Disember 2021</b>	<b>-</b>	<b>57,443,547</b>	<b>1,100,000</b>	<b>997,011,164</b>	<b>1,055,554,711</b>

**LEMBAGA PEMBANGUNAN LANGKAWI**  
(Ditubuhkan Di Malaysia Mengikut Akta 423)

**PENYATA PERUBAHAN DALAM EKUITI BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2021**

**KUMPULAN**

	Nota	Akaun Rezab RM	Kumpulan Wang Pelaburan RM	Kumpulan Wang Pinjaman Kakitangan RM	Lebihan Pendapatan Terakumulasi RM	Jumlah Kumpulan RM
Baki Pada 1 Januari 2020		2,610,876	57,443,547	900,000	927,308,950	988,263,373
(Kurangan)/Tambahan Dalam Tahun		(2,610,876)	-	200,000	-	(2,410,876)
Pelarasan Tahun Lepas	31	-	-	-	172,053,206	172,053,206
Lebihan Pendapatan Selepas Cukai		-	-	-	5,344,478	5,344,478
<b>Baki Pada 31 Disember 2020</b>		<b>-</b>	<b>57,443,547</b>	<b>1,100,000</b>	<b>1,104,706,634</b>	<b>1,163,250,181</b>
Pelarasan Tahun Lepas	31	-	-	-	(2,467,463)	(2,467,463)
Lebihan Pendapatan Selepas Cukai		-	-	-	(24,661,094)	(24,661,094)
<b>Baki Pada 31 Disember 2021</b>		<b>-</b>	<b>57,443,547</b>	<b>1,100,000</b>	<b>1,077,578,077</b>	<b>1,136,121,624</b>

**LEMBAGA PEMBANGUNAN LANGKAWI**  
(Ditubuhkan Di Malaysia Mengikut Akta 423)

**PENYATA ALIRAN TUNAI**  
**BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2021**

	KUMPULAN		LEMBAGA	
	2021 RM	2020 RM	2021 RM	2020 RM
<b>ALIRAN TUNAI DARI AKTIVITI OPERASI</b>				
(KURANGAN)/LEBIHAN PENDAPATAN SEBELUM CUKAI	<b>(23,131,666)</b>	<b>8,030,455</b>	<b>(27,280,148)</b>	<b>(4,665,487)</b>
PELARASAN BAGI :				
Susut nilai	25,782,188	24,749,647	21,410,638	20,454,858
Peruntukan Hutang Ragu	549,272	174,968	7,299,272	18,797,940
Pelarasan Tahun-Tahun Lepas	(2,467,463)	172,053,206	(644,620)	172,053,206
Keuntungan Pelupusan Harta, Loji dan Peralatan	-	-	-	-
Pemulihan Hutang Ragu	98,847	608,598	98,847	608,598
Hapuskira	4,171	28,690	4,171	28,690
<b>LEBIHAN PENDAPATAN OPERASI SEBELUM PERUBAHAN MODAL KERJA</b>	<b>835,349</b>	<b>205,645,564</b>	<b>888,160</b>	<b>207,277,805</b>
(Pertambahan)/Pengurangan Pada Aset Kendalian :				
Inventori	220,956	191,328	15,420	(46,740)
Wang Cagaran dan Prabayar	(51,422)	37,168	(68)	-
Pelbagai Penghutang dan Pendahuluan	(2,903,469)	50,365,491	4,119,658	63,474,394
Penghutang Perniagaan	(30,333)	(368,867)	-	-
Terhutang daripada syarikat berkaitan	(252,267)	94,402	-	-
Pertambahan/(Pengurangan) Pada Liabiliti Kendalian :				
Pelbagai Pemiutang dan Terimaan Terdahulu	3,925,139	(4,961,951)	4,997,360	(566,383)
Pemiutang Perniagaan	589,501	(1,598,691)	-	-
Wang Cagaran dan Deposit Diterima	(1,552,017)	367,187	(1,552,017)	367,187
Perbelanjaan Terakru	4,231,600	(393,799)	4,862,749	(1,121,791)
Pendapatan Tertunda	(45,918,596)	(5,769,326)	(45,918,596)	(5,769,326)
Manfaat Pekerja	47,025	(33,268)	47,025	(33,268)
Tunai Diperolehi Daripada Aktiviti Operasi	(40,858,534)	243,575,238	(32,540,309)	263,581,878
Cukai dibayar	(1,529,429)	(2,685,977)	(1,494,233)	(1,992,992)
<b>TUNAI BERSIH DIPEROLEHI DARIPADA AKTIVITI OPERASI</b>	<b>(42,387,963)</b>	<b>240,889,261</b>	<b>(34,034,542)</b>	<b>261,588,886</b>

LEMBAGA PEMBANGUNAN LANGKAWI  
(Ditubuhkan Di Malaysia Mengikut Akta 423)

PENYATA ALIRAN TUNAI  
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2021

	KUMPULAN		LEMBAGA	
	2021 RM	2020 RM	2021 RM	2020 RM
<b>ALIRAN TUNAI DARI AKTIVITI PELABURAN</b>				
Dividen Dibayar	-	(5,325,041)	-	-
Pembelian Harta Loji dan Peralatan	(16,349,820)	(47,344,135)	(15,675,121)	(45,848,549)
Pelupusan Harta Loji dan Peralatan	3,017,075	-	2,483,960	-
Pembelian Hartanah Pelaburan	(1,338,000)	(2,871,078)	(1,338,000)	(2,871,078)
Pelupusan Hartanah Pelaburan	-	-	-	-
Penambahan aset tak ketara (Pertambahan) Kerja-Kerja Dalam Pelaksanaan	(99,393)	-	(99,393)	-
	3,015,851	(9,046,444)	3,015,851	(9,046,444)
Pelaburan Simpanan Tetap di Institusi Kewangan Berlesen bagi Depositi Lebih Tempoh Matang 3 Bulan	80,466,420	(39,852,650)	60,732,173	(63,016,474)
Pelaburan dalam Syarikat Subsidiari, Syarikat Bersekutu, Syarikat Lain dan Saham Tak Siar Harga	6,478,067	(21,387,431)	2,467,758	-
<b>TUNAI BERSIH YANG (DIGUNAKAN DALAM) AKTIVITI PELABURAN</b>	<b>75,190,200</b>	<b>(125,826,779)</b>	<b>51,587,228</b>	<b>(120,782,545)</b>
<b>ALIRAN TUNAI DARI AKTIVITI PEMBIAYAAN</b>				
Pemberian Kerajaan Persekutuan	30,717,446	11,393,675	36,393,675	11,393,675
Penggunaan Pemberian Kerajaan Persekutuan	(31,208,145)	(169,018,065)	(13,005,869)	(169,018,065)
Penambahan Bagi Kumpulan Wang	-	200,000	-	200,000
Pengurangan Rizab	-	(2,610,876)	-	(2,610,876)
<b>TUNAI BERSIH YANG (DIGUNAKAN DALAM)/DIPEROLEHI DARI AKTIVITI PEMBIAYAAN</b>	<b>(490,699)</b>	<b>(160,035,266)</b>	<b>23,387,806</b>	<b>(160,035,266)</b>
(Kurangan)/Pertambahan Bersih Tunai Dan Bersamaan Tunai	32,311,538	(44,972,784)	40,940,492	(19,228,925)
Tunai Dan Persamaan Tunai Pada Awal Tahun Kewangan	151,137,042	196,109,826	119,315,216	138,544,141
<b>TUNAI DAN PERSAMAAN TUNAI PADA AKHIR TAHUN KEWANGAN</b>	<b>183,448,580</b>	<b>151,137,042</b>	<b>160,255,708</b>	<b>119,315,216</b>
Tunai dan Kesetaraan Tunai Terdiri Daripada:				
Simpanan Tetap di Institusi Kewangan Berlesen Bagi Depositi Dalam Tempoh Matang 3 Bulan			156,076,686	105,072,276
Tunai di Tangan dan di Bank			4,179,022	14,242,940
			<b>160,255,708</b>	<b>119,315,216</b>

LEMBAGA PEMBANGUNAN LANGKAWI  
(Ditubuhkan Di Malaysia Mengikut Akta 423)

PENYATA PRESTASI BAJET BAGI TAHUN BERAKHIR PADA 31 DISEMBER 2021

	AMAUN BAJET		BELANJA AMAUN SEBENAR RM	PERBEZAAN RM
	PERUNTUKAN ASAL RM	PERUNTUKAN DIPINDA RM		
<b>MENGURUS</b>				
EMOLUMEN	19,305,000	16,530,650	16,530,650	-
PERKHIDMATAN DAN BEKALAN	7,495,000	5,270,113	5,270,113	-
BAYARAN-BAYARAN LAIN	3,200,000	3,199,237	3,199,237	-
<b>JUMLAH</b>	<b>30,000,000</b>	<b>25,000,000</b>	<b>25,000,000</b>	<b>-</b>
<b>PEMBANGUNAN</b>				
PERUNTUKAN JABATAN PERDANA MENTERI (JPM)- P06	334,156,921	334,156,921	315,510,069	18,646,852
PERUNTUKAN KEMENTERIAN KEWANGAN (MOF)-P10	398,722,333	398,722,333	191,963,950	206,758,383
<b>JUMLAH</b>	<b>732,879,254</b>	<b>732,879,254</b>	<b>507,474,019</b>	<b>225,405,235</b>

**Nota:**

1. Penyata Prestasi Bajet Lembaga telah disediakan dengan menggunakan asas tunai.
2. Penyata Prestasi Bajet disediakan untuk tempoh mulai 1 Januari 2021 hingga 31 Disember 2021.
3. Skop bajet yang didedahkan meliputi Peruntukan Mengurus B10 dan Peruntukan Pembangunan P06 dan P10.
4. Bagi Peruntukan Mengurus, terdapat perbezaan amaun bajet bagi Peruntukan Asal dan Peruntukan Dipinda iaitu sebanyak RM5,000,000 kerana jumlah ini telah disekat oleh Kementerian Kewangan. Bagi Peruntukan Pembangunan, perbezaan amaun bajet berbanding belanja sebenar iaitu RM225,405,235 disebabkan terdapat projek-projek yang dalam pelaksanaan.

## 1. MAKLUMAT KORPORAT

Lembaga Pembangunan Langkawi (LADA) telah ditubuhkan pada 15 Mac 1990 di bawah Akta Lembaga Pembangunan Langkawi 1990, Akta 423.

Fungsi dan Peranan LADA adalah seperti berikut:

- a) Pelancongan dan Kawasan Bebas Cukai
  - i) Merangka strategi menyeluruh untuk pembangunan pelancongan, komersial dan perniagaan bebas cukai;
  - ii) Bertindak sebagai penyelar dengan merangka inisiatif dan mekanisme yang efektif;
  - iii) Melaksana dan mengurus program dan projek pembangunan pelancongan; dan
  - iv) Membangun dan memperkasakan infrastruktur dan pemudahcara pentadbiran serta sistem penyampaian.
- b) Pelaburan
  - i) Memupuk dan menggalak pelaburan swasta untuk pembangunan Langkawi sebagai destinasi pelancongan melalui perancangan dan pengurusan strategik; dan
  - ii) Melaksanakan sebahagian daripada tugas-tugas perancangan fizikal dan *spatial* untuk menggalakkan pelaburan swasta.
- c) Sosioekonomi
  - i) Mewujudkan, menggalakkan serta mengusahakan program pembangunan sosioekonomi;
  - ii) Menyelar program dan aktiviti yang berkaitan; dan
  - iii) Merancang, menyelar serta melaksana program bagi penglibatan masyarakat di dalam sektor ekonomi.

## 2. ASAS PENYEDIAAN

Penyata Kewangan Kumpulan dan Lembaga telah disediakan mengikut dan mematuhi Akta Lembaga Pembangunan Langkawi 1990, Akta 423 dan Piawaian Perakaunan Sektor Awam Malaysia (MPSAS) yang diterbitkan oleh Jabatan Akauntan Negara Malaysia.

Asas penyediaan bagi iaitu anak syarikat adalah mematuhi kehendak Piawaian Laporan Entiti Persendirian Malaysia (MPERS) dan Akta Syarikat, 2016 di Malaysia.

Penyata kewangan ini telah disediakan berasaskan kos sejarah kecuali sebagaimana yang dinyatakan dalam asas-asas perakaunan di bawah. Penyata kewangan ini dibentangkan dalam Ringgit Malaysia (RM) dan semua nilai dibundarkan melainkan dinyatakan sebaliknya.

Penyediaan penyata kewangan dalam mematuhi MPSAS memerlukan penggunaan anggaran dan andaian yang memberi kesan kepada jumlah aset dan liabiliti yang dilaporkan dan pendedahan aset dan liabiliti luar jangka pada tarikh penyata kewangan, dan jumlah hasil dan belanja yang dilaporkan dalam tempoh laporan. Walaupun anggaran ini berdasarkan pengetahuan terbaik Lembaga Pengarah tentang keadaan dan tindakan semasa, hasil sebenar mungkin berlainan daripada anggaran tersebut.

Ia juga memerlukan pihak pengurusan membuat penilaian dalam proses mengaplikasi polisi perakaunan Kumpulan dan Lembaga, perkara-perkara yang melibatkan penilaian yang lebih tinggi atas perkara yang kompleks, atau perkara di mana andaian dan anggaran yang penting kepada penyata kewangan.

## 2. ASAS PENYEDIAAN (sambungan)

### 2.1 Peralihan ke Piawaian Perakaunan Sektor Awam Malaysia (MPSAS)

Bagi tahun kewangan yang berakhir pada 31 Disember 2021, Lembaga telah menerima pakai piawaian pelaporan perakaunan baru iaitu Piawaian Perakaunan Sektor Awam Malaysia (MPSAS). Tarikh peralihan kepada rangka kerja MPSAS adalah pada 1 Januari 2015.

Penggunaan MPSAS memerlukan semua piawaian digunapakai dalam penyediaan Penyata Kewangan tahun semasa yang berakhir pada 31 Disember 2021, penyata kewangan perbandingan bagi tahun berakhir 31 Disember 2021, dan baki awal Penyata Kedudukan Kewangan pada tarikh peralihan kepada MPSAS. MPSAS memberikan tiga (3) tahun pengecualian terhadap pengunapakai retrospektif bagi sesetengah Piawaian.

Berikut adalah piawaian perakaunan, pindaan dan interpretasi daripada MPSAS yang telah dikeluarkan oleh Jabatan Akauntan Negara Malaysia yang berkuatkuasa bagi tempoh tahunan bermula pada atau selepas 1 Januari 2017, tetapi belum diterima pakai oleh Kumpulan dan Lembaga kerana ianya adalah tidak berkenaan kepada Kumpulan dan Lembaga pada tempoh kewangan:

- MPSAS 4 "The effect of changes in foreign exchange rates"
- MPSAS 5 "Borrowing costs"
- MPSAS 32 "Service Concession Arrangements : Grantor".

## 3. DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING

Penyata Kewangan ini telah disediakan mengikut dasar kos sejarah kecuali aset-aset dinyatakan pada nilai penilaian semula. Dasar-dasar penting perakaunan yang dibentangkan seperti berikut:

### a) Penyatuan

Penyata Kewangan yang disatukan meliputi Penyata Kewangan Lembaga dan semua anak syarikatnya. Anak-anak syarikat adalah entiti yang dikawal oleh Lembaga. Kawalan wujud apabila Lembaga mempunyai kuasa untuk mentadbir dasar kewangan dan operasi sesebuah entiti. Pelaburan dalam anak-anak syarikat dinyatakan dalam Penyata Kewangan Lembaga pada kos ditolak kerugian penurunan nilai, jika ada.

Keputusan anak-anak syarikat telah dimasukkan di dalam Penyata Kewangan yang disatukan bermula dari tarikh pengambilalihan hingga tarikh penamatan kawalan. Penyata Kewangan yang disatukan disediakan menggunakan dasar perakaunan yang sama bagi urusan dan peristiwa yang berlaku dalam keadaan yang sama. Baki, urusan, pendapatan dan perbelanjaan daripada urusan dalam Kumpulan dihapuskan sepenuhnya pada penyatuan.

**b) Hartanah, Loji dan Peralatan**

Semua item hartanah, loji dan peralatan pada mulanya direkod pada kos. Kos sesuatu hartanah, loji dan peralatan hanya diiktiraf sebagai aset jika manfaat ekonomi masa depan yang dikaitkan dengan item tersebut akan mengalir ke dalam Kumpulan dan kos item tersebut boleh diukur dengan pasti.

Sepertimana dibenarkan di bawah peruntukan MPSAS 17 -Hartanah, Loji dan Peralatan, aset-aset tersebut adalah dinyatakan pada kos ditolak susut nilai terkumpul dan rosot nilai terkumpul kecuali tanah hakmilik bebas. Sekiranya aset diperolehi melalui urusniaga bukan pertukaran, maka kos aset akan diukur melalui nilai saksama pada tarikh perolehan aset.

Aset Lembaga dengan nilai kos berjumlah RM2,000.00 dan ke atas akan dipermodalkan sebagai Hartanah, Loji dan Peralatan, manakala bagi aset bernilai rendah (kurang dari RM2,000.00) akan di caj sebagai perbelanjaan di dalam Penyata Prestasi Kewangan merujuk kepada Pekeliling Perbendaharaan Malaysia AM 2.1 iaitu Tatacara Pengurusan Aset Alih Kerajaan.

Tanah hakmilik bebas dan aset masih dalam pembinaan tidak disusutnilai. Hartanah, Loji dan Peralatan lain disusutnilaikan mengikut asas garis lurus bagi menghapus kira kos aset atau nilai penilaian semula kepada nilai sisa ke atas tempoh anggaran hayat diringkaskan seperti berikut:

	kadar (%)
Bangunan tetap	2
Bangunan sementara	10
Bangunan rumah kos rendah	10
Bangunan rumah kos sederhana	5
Projek kemudahan awam	
- Ketara dan mempunyai hakmilik	10
- Ketara tanpa hakmilik	100
Infrastruktur	10
Tanah pajakan	Tempoh pajakan
Kenderaan bermotor	20
Perabot dan kelengkapan	20
Alatan pejabat	20
Komputer	20
Ubahsuai	20
Aset Lain	20

Nilai sisa dan tempoh hayat aset akan dikaji dan diubah, jika penting, pada setiap tarikh Penyata Kedudukan Kewangan. Keuntungan dan kerugian atas pelupusan atau persaraan, ditentukan melalui perbandingan kutipan bersih daripada pelupusan, jika ada, dengan jumlah dibawa diiktiraf dalam Penyata Prestasi Kewangan.

Susutnilai mula semasa aset sedia untuk digunakan.

**c) Hartanah Pelaburan**

Hartanah Pelaburan, terutamanya merangkumi hartanah yang dipegang sama ada untuk memperolehi hasil sewaan atau peningkatan modal atau kedua-duanya, untuk hasil sewa jangka panjang dan tidak diduduki oleh Kumpulan. Hartanah Pelaburan dinyatakan pada nilai kos tolak susutnilai terkumpul dan kerugian penurunan nilai terkumpul, jika ada, kecuali tanah hakmilik bebas.

**d) Aset Tak Ketara**

MPSAS 31-Aset Tak Ketara ialah aset monetari yang boleh dikenal pasti tanpa kewujudan fizikal seperti perisian komputer, paten dan hak cipta. Pengiktirafan sebagai aset jika manfaat ekonomi masa depan atau potensi perkhidmatan yang mengalir kepada entiti dan kos yang boleh diukur dengan pasti.

Aset Tak Ketara disusutnilaikan mengikut asas garis lurus dan diukur di bawah model kos atau penilaian semula. Nilai saksama atau kos ditolak pelunasan terkumpul bagi mendapatkan nilai bawaan. Anggaran usia guna adalah kadar 20% yang ditentukan berdasarkan perubahan yang pantas dalam teknologi.

**e) Pelaburan Dalam Syarikat-syarikat Bersekutu dan lain-lain Syarikat**

Syarikat bersekutu dan lain-lain syarikat adalah entiti di mana Kumpulan mempunyai pengaruh penting dan bukan merupakan anak syarikat atau kepentingan di dalam entiti yang dikawal bersama. Pengaruh penting adalah kuasa untuk mengambil bahagian dalam dasar kewangan dan operasi syarikat yang dilaburkan tetapi tidak mempunyai kawalan atau kawalan bersama ke atas dasar-dasar tersebut.

Pelaburan di dalam syarikat bersekutu dan lain-lain syarikat dinyatakan dalam Penyata Kewangan Syarikat pada kos ditolak kerugian penurunan nilai, jika ada. Pelaburan di dalam syarikat bersekutu dan lain-lain syarikat diambilkira dalam Penyata Kewangan yang disatukan menggunakan kaedah perakaunan ekuiti berasaskan kepada Penyata Kewangan terkini syarikat bersekutu berkenaan, dari tarikh pengaruh penting bermula sehingga ke tarikh pengaruh penting ke atas syarikat bersekutu tersebut tamat.

Pelaburan di dalam syarikat bersekutu dan lain-lain syarikat di dalam Penyata Kedudukan Kewangan yang disatukan pada mulanya diiktiraf pada kos dan selepas itu dilaraskan dengan perubahan bahagian Kumpulan dalam aset bersih pelaburan tersebut selepas pengambilalihan. Apabila bahagian kerugian Kumpulan melebihi kepentingannya dalam syarikat bersekutu dan lain-lain syarikat, jumlah dibawa kepentingan tersebut dikurangkan kepada sifar dan Kumpulan tidak mengiktiraf kerugian selanjutnya kecuali jika ia menanggung obligasi perundangan atau konstruktif atau membuat bayaran bagi pihaknya. Keuntungan belum realisasi yang wujud daripada urusniaga di antara Kumpulan dan syarikat bersekutu/lain-lain syarikat yang termasuk di dalam nilai aset dan tanggungan berkaitan yang dibawa, sebahagiannya adalah dihapuskan mengikut kadar kepentingan Kumpulan dalam syarikat bersekutu tersebut. Kerugian belum direalisasi daripada urusniaga sedemikian juga dihapuskan sebahagiannya kecuali apabila kos tidak boleh diperolehi semula.

Pelaburan di dalam syarikat bersekutu diambilkira apabila kuasa untuk mengambil bahagian dalam dasar kewangan dan operasi syarikat yang dilaburkan 20% hingga 50%. Manakala pelaburan di dalam lain-lain syarikat diambilkira apabila kuasa untuk mengambil bahagian dalam dasar kewangan dan operasi syarikat yang dilaburkan kurang daripada 20%.

**f) Kerja Dalam Pelaksanaan**

Kerja Dalam Pelaksanaan terdiri daripada kos berkaitan dengan pengambilalihan tanah dan semua kos yang berkaitan secara langsung dengan aktiviti pembangunan atau kos yang boleh diperuntukkan secara munasabah kepada aktiviti tersebut. Kerja Dalam Pelaksanaan diambil kira sebagai siap apabila Sijil Perakuan Siap Kerja dikeluarkan.

Kos Kerja Dalam Pelaksanaan yang tidak diiktiraf sebagai perbelanjaan diiktiraf sebagai aset dan dinyatakan pada nilai kos apabila ianya telah siap sepenuhnya.

**g) Pelaburan Lain**

Pelaburan lain bukan semasa dinyatakan pada kos tolak kerugian penurunan nilai terkumpul, jika ada. Pelaburan-pelaburan semasa merangkumi deposit jangka pendek yang melebihi tiga (3) bulan.

**h) Inventori**

Inventori dinyatakan pada nilai yang lebih rendah antara kos dan nilai direalisasi bersih. Kos ditentukan mengikut asas masuk dahulu keluar dahulu. Nilai realisasi bersih adalah anggaran harga jualan dalam urusan perniagaan biasa, ditolak semua anggaran kos penyediaan dan perbelanjaan pemasaran, jualan dan pengedaran.

**i) Instrumen Kewangan - Aset kewangan**

**i. Pengiktirafan asal dan peruntukan**

Aset kewangan diiktiraf dalam penyata kedudukan kewangan bila, dan hanya bila Kumpulan dan Lembaga menjadi satu pihak kepada peruntukan kontrak instrumen kewangan.

Pada pengiktirafan asal, aset kewangan diukur pada nilai saksama, yang secara umumnya harga urusniaga, dicampur kos urusniaga jika aset kewangan tidak diukur pada nilai saksama melalui lebihan dan defisit.

Bagi instrumen diukur pada nilai saksama melalui keuntungan atau kerugian, kos transaksi dikira sebagai perbelanjaan dalam untung atau rugi apabila berlaku. Bagi pinjaman antara Kumpulan dan pendahulu, dan perjanjian kontrak yang lain, yang merupakan transaksi pembiayaan, aset kewangan atau liabiliti kewangan diukur pada nilai semasa bayaran dikurangkan pada kadar faedah pasaran bagi instrumen hutang yang sama pada masa depan.

**ii. Pengelasan aset kewangan**

Kumpulan dan Lembaga menentukan klasifikasi aset kewangan mereka pada pengiktirafan awal, dan kategori-kategori tersebut termasuk:

- Aset kewangan pada nilai saksama melalui untung atau rugi;
- Pinjaman dan belum terima;
- Aset pelaburan yang dipegang hingga matang;
- Aset kewangan sedia dijual.

**iii. Pengukuran berikutnya aset kewangan**

Bagi tujuan pengukuran berikutnya, Kumpulan dan Lembaga mengklasifikasikan aset kewangan kepada klasifikasi masing-masing.

**a) Aset kewangan pada nilai saksama melalui untung rugi**

Aset kewangan diklasifikasi sebagai aset kewangan pada nilai saksama melalui untung atau rugi jika ianya dipegang untuk dagangan atau ditentukan sedemikian selepas pengiktirafan asal. Aset kewangan yang dipegang untuk dagangan adalah derivatif termasuk derivatif terbenam berasingan atau aset kewangan diperolehi untuk tujuan pada masa terdekat.

**i) Instrumen Kewangan - Aset kewangan (sambungan)**

**iii. Pengukuran berikutnya aset kewangan (sambungan)**

**a) Aset kewangan pada nilai saksama melalui untung rugi (sambungan)**

Selepas pengiktirafan asal, aset kewangan pada nilai saksama melalui untung atau rugi diukur pada nilai saksama. Sebarang keuntungan atau kerugian yang timbul daripada perubahan dalam nilai saksama diiktiraf dalam untung atau rugi.

Aset kewangan pada nilai saksama melalui untung atau rugi boleh dinyatakan sebagai semasa atau bukan semasa. Aset kewangan yang dipegang terutamanya untuk tujuan dagangan dinyatakan sebagai semasa manakala aset kewangan yang tidak dipegang terutamanya untuk tujuan dagangan dinyatakan sebagai semasa atau bukan semasa berdasarkan tarikh penyelesaian.

**b) Pinjaman dan belum terima**

Instrumen pinjaman dan belum terima adalah aset kewangan yang mempunyai jadual bayaran yang telah ditetapkan atau ditentukan di mana aset kewangan ini tidak disenaraikan dalam pasaran aktif. Penilaian berikutnya bagi aset kewangan ini adalah pada kos terlunas menggunakan kaedah faedah efektif, selepas rosot nilai.

Instrumen pinjaman yang dikelaskan sebagai aset atau liabiliti semasa dinyatakan pada jumlah tunai tanpa didiskaunkan atau jumlah balasan yang akan diterima atau dibayar kecuali jika urusan berkenaan sebenarnya adalah transaksi pembiayaan.

**- Penghutang**

Penghutang (Akaun Belum Terima) terdiri daripada urusniaga pertukaran dan bukan pertukaran. Penghutang jangka masa pendek adalah terdiri daripada pelbagai penghutang seperti pendahulu pegawai, pendapatan faedah terakru dan sebagainya. Selain itu, penghutang jangka masa panjang adalah merupakan pinjaman yang ditawarkan kepada kakitangan bagi pinjaman kenderaan dan komputer serta telefon pintar.

Pinjaman yang ditawarkan dikenakan bayaran perkhidmatan 4% setahun atas baki yang belum diselesaikan dan bayaran perkhidmatan 10% ke atas ansuran yang tertunggak. Selain itu, bayaran perkhidmatan tidak akan dikenakan ke atas baki pinjaman peminjam yang telah meninggal dunia merujuk kepada Pekeliling Perbendaharaan Malaysia WP 9.1 dan 9.2.

Walau bagaimanapun, bagi baki jumlah pinjaman yang tidak dapat diselesaikan peruntukan hutang ragu akan dikenakan berdasarkan penyemakan akhir tahun ke atas hutang lama yang berusia melebihi setahun dan belum dapat dipungut. Setelah usaha berterusan diadakan dan tiada bayaran, hutang lapuk akan dikenalpasti dan hapus kira akan dibuat terhadap jumlah hutang tersebut.

Bagi syarikat subsidiari pula, elaun hutang ragu spesifik dibuat untuk hutang yang telah dipertimbangkan dan dijangka tidak akan dipungut. Jumlah hutang yang dapat dipungut balik akan dikreditkan ke dalam pendapatan Lembaga.

i) Instrumen Kewangan - Aset kewangan (sambungan)

iii. Pengukuran berikutnya aset kewangan (sambungan)

c) Aset pelaburan yang dipegang hingga matang

Aset kewangan dengan pembayaran tetap atau boleh ditentukan dan kematangan tetap diklasifikasikan sebagai dipegang sehingga matang bila Kumpulan mempunyai hasrat dan keupayaan positif untuk memegang pelaburan tersebut hingga matang.

Selepas pengiktirafan asal, pelaburan dipegang hingga matang diukur pada kos di lunas menggunakan kaedah faedah berkesan. Keuntungan dan kerugian diiktiraf di dalam untung rugi bila pelaburan dipegang hingga matang di nyah-iktiraf atau dijejaskan dan melalui proses pelunasan.

Pelaburan dipegang hingga matang di klasifikasi sebagai aset bukan semasa, kecuali pelaburan yang mempunyai kematangan dalam tempoh 12 bulan selepas tarikh laporan yang di klasifikasi sebagai semasa.

Aset kewangan akan di nyah-iktiraf bila hak kontrak untuk menerima aliran tunai daripada aset tersebut telah luput. Apabila suatu aset kewangan di nyah-iktiraf secara keseluruhannya, perbezaan antara nilai bawaan dan jumlah pertimbangan diterima dan sebarang keuntungan atau kerugian terkumpul yang telah diiktiraf dalam pendapatan komprehensif lain diiktiraf dalam untung atau rugi.

Jualan atau belian cara biasa adalah jualan atau belian aset kewangan yang memerlukan penyediaan aset dalam tempoh yang secara amnya diwujudkan oleh peraturan atau konvensyen dalam pasaran yang berkenaan. Semua jualan dan belian cara biasa aset kewangan diiktiraf atau di nyah-iktiraf pada tarikh dagangan tersebut iaitu, tarikh di mana Kumpulan dan Lembaga memberi komitmen untuk menjual atau membeli aset tersebut.

d) Aset kewangan sedia dijual

Aset Kewangan sedia dijual merupakan aset bukan derivatif yang ditentukan sebagai sedia untuk dijual atau tidak diklasifikasikan sebagai pinjaman dan penghutang, aset pelaburan dipegang sehingga matang atau aset kewangan pada nilai saksama melalui lebihan atau defisit.

Selepas taksiran asal, aset kewangan sedia dijual kan ditaksir pada nilai saksama. Keuntungan atau kerugian diiktiraf terus ke aset bersih melalui Penyata Perubahan Aset Bersih/Ekuiti sehinggalah aset berkenaan di nyah-iktiraf. Nyah-iktiraf ini dibuat melalui lebihan atau defisit.

iv. Penyahiktirafan Instrumen Kewangan

Aset kewangan atau sebahagian daripadanya di nyah-iktiraf apabila, dan apabila hak kontraktual kepada aliran tunai daripada aset kewangan itu luput atau aset kewangan dipindahkan kepada pihak lain tanpa mengekalkan kawalan atau risiko dan ganjaran atas aset tersebut pada kuantum yang signifikan. Pada nyah-iktiraf aset kewangan, perbezaan di antara amaun dibawa dan jumlah ganjaran yang diterima (termasuk sebarang aset baru yang diperolehi tolak sebarang liabiliti baru diambil alih) diiktiraf ke lebihan atau defisit.

i) Instrumen Kewangan - Aset kewangan (sambungan)

iv. Penyahiktirafan Instrumen Kewangan (sambungan)

Liabiliti kewangan atau sebahagian daripadanya di nyah-iktiraf apabila dan hanya apabila, obligasi yang dinyatakan dalam kontrak tamat atau dibatalkan atau luput. Pada pengiktirafan liabiliti kewangan, perbezaan di antara amaun dibawa liabiliti kewangan dihapuskan atau dipindahkan kepada pihak lain dan ganjaran yang dibayar, termasuk sebarang aset bukan tunai yang dipindahkan atau diambil alih liabilitinya, diiktiraf ke lebihan atau defisit.

v. Rosot nilai untuk aset kewangan

Penilaian dibuat pada setiap tarikh pelaporan untuk menentukan sama ada terdapatnya bukti yang objektif bahawa aset-aset kewangan mengalami rosot nilai. Aset kewangan dianggap mengalami rosot nilai apabila terdapat bukti objektif tentang rosot nilai disebabkan kejadian selepas tarikh taksiran asal yang memberi kesan kepada anggaran aliran tunai hadapan.

Untuk menentukan sama ada terdapatnya bukti yang objektif bahawa kerugian rosot nilai atas aset-aset kewangan telah ditanggung, pertimbangan dibuat ke atas faktor-faktor seperti kebarangkalian ketidakmampuan bayar atau kesukaran kewangan penghutang yang signifikan dan kemungkinan bayaran atau tundaan yang signifikan dalam pembayaran.

- Aset kewangan dibawa pada kos pelunasan

Untuk menentukan sama ada terdapatnya bukti yang objektif bahawa kerugian rosot nilai atas aset kewangan telah ditanggung, Kumpulan dan Lembaga mempertimbangkan faktor-faktor seperti kebarangkalian ketidakmampuan bayar atau kesukaran kewangan penghutang yang signifikan dan kemungkinan bayaran atau tundaan yang signifikan dalam pembayaran.

Sekiranya sebarang bukti sedemikian wujud, jumlah kerugian penurunan nilai diukur sebagai perbezaan antara jumlah bawaan aset dan nilai semasa bagi aliran tunai masa hadapan yang dianggarkan di diskaun pada kadar faedah berkesan asal aset kewangan tersebut. Kerugian rosot

Nilai bawaan aset kewangan tersebut dikurangkan menerusi akaun peruntukan. Apabila penghutang perdagangan menjadi tidak boleh dikutip, ianya di hapus kira menerusi akaun

Jika dalam tempoh seterusnya, jumlah kerugian rosot nilai berkurang dan pengurangan ini boleh dikaitkan secara objektif kepada satu peristiwa terjadi selepas rosot nilai diiktiraf, kerugian rosot nilai diiktiraf terdahulu diterbalikkan ke tahap di mana nilai bawaan aset tersebut tidak melebihi kos dilunaskan pada tarikh tersebut. Jumlah yang diterbalikkan diiktiraf di dalam untung atau rugi.

- Aset kewangan sedia dijual

' Signifikan ' bermaksud bandingan kepada kos asal manakala ' berpanjangan ' bermaksud bandingan kepada kepada tempoh nilai saksama jatuh dari paras kos asal.

Jika aset kewangan sedia untuk dijual di rosot nilai, satu jumlah yang terdiri daripada perbezaan antara kosnya (bersih dari sebarang pembayaran prinsipal dan pelunasan) dan nilai saksama semasanya, ditolak sebarang kerugian rosot nilai diiktiraf sebelum ini di dalam lebihan atau defisit, di pindah daripada rizab di dalam ekuiti ke lebihan atau defisit.

i) Instrumen Kewangan - Aset kewangan (sambungan)

v. Rosot nilai untuk aset kewangan (sambungan)

- Aset kewangan sedia dijual (sambungan)

Untuk instrumen hutang yang diklasifikasikan sebagai sedia untuk dijual, semakan rosot nilai menggunakan asas yang sama dengan kewangan dinyatakan pada kos terlunas. Walau bagaimanapun, amaun yang dinyatakan untuk rosot nilai ialah kerugian kumulatif ditaksir sebagai perbezaan di antara kos terlunas dan nilai saksama selepas sebarang kerugian ke atas pelaburan yang dahulunya pernah diiktiraf ke lebihan atau defisit.

j) Instrumen Kewangan - Liabiliti kewangan

i. Pengiktirafan asal dan peruntukan

Liabiliti kewangan diklasifikasikan seperti terkandung di dalam perjanjian kontrak yang diikat dan didefinisikan sebagai suatu liabiliti kewangan.

Liabiliti kewangan di dalam skop MPSAS 29, diiktiraf dalam penyata kedudukan kewangan bila, hanya bila, Kumpulan dan Lembaga menjadi satu pihak kepada peruntukan kontrak instrumen kewangan. Liabiliti kewangan diklasifikasikan sebagai:

- Liabiliti kewangan pada nilai saksama menerusi untung atau rugi, atau
- Liabiliti kewangan lain.

Liabiliti kewangan Kumpulan termasuk pemiutang perdagangan, lain-lain pemiutang, overdraf bank, pinjaman, pembiayaan dan kontrak jaminan kewangan.

ii. Penilaian berikutnya liabiliti kewangan

Penilaian berikutnya untuk liabiliti kewangan bergantung kepada klasifikasi masing-masing.

a) Liabiliti kewangan pada nilai saksama menerusi untung atau rugi

Liabiliti kewangan pada nilai saksama menerusi untung atau rugi termasuk liabiliti kewangan dipegang untuk dagangan dan liabiliti kewangan ditentukan selepas pengiktirafan awal pada nilai saksama menerusi untung atau rugi.

Liabiliti kewangan dipegang untuk dagangan termasuk derivatif-derivatif yang dimasuki oleh Kumpulan dan Lembaga yang tidak memenuhi ciri-ciri perakaunan lindung nilai. Liabiliti derivatif diukur pada awalnya pada nilai saksama dan seterusnya di nyata pada nilai saksama, dengan sebarang untung atau rugi yang terhasil dalam untung atau rugi. Keuntungan atau kerugian bersih atas derivatif-derivatif termasuk perbezaan pertukaran.

b) Liabiliti kewangan lain

Liabiliti kewangan Kumpulan dan Lembaga termasuk pemiutang dagangan, lain-lain pemiutang dan pinjaman dan pembiayaan. Pemiutang dagangan dan lain-lain diiktiraf pada awalnya pada nilai saksama ditambah kos-kos urusniaga berkaitan secara langsung dan seterusnya diukur pada kos di lunas menggunakan kaedah faedah berkesan.

j) Instrumen Kewangan - Liabiliti kewangan (sambungan)

ii. Penilaian berikutnya liabiliti kewangan (sambungan)

b) Liabiliti kewangan lain (sambungan)

Pinjaman dan pembiayaan diiktiraf pada awalnya pada nilai saksama, selepas kos-kos urusniaga dan seterusnya diukur pada kos di lunas menggunakan kaedah faedah berkesan. Pinjaman di klasifikasi sebagai liabiliti semasa melainkan Kumpulan mempunyai satu hak tanpa syarat untuk menunda penjelasan liabiliti tersebut untuk sekurang-kurangnya 12 bulan selepas tarikh laporan kewangan.

Bagi liabiliti kewangan lain, keuntungan dan kerugian diiktiraf dalam untung atau rugi bila liabiliti tersebut di-nyah-iktiraf dan menerusi proses pelunasan.

iii. Penyahiktirafan liabiliti kewangan

Liabiliti kewangan di nyah-iktiraf apabila obligasi telah di pisah keluar, di batal atau tamat.

Apabila liabiliti kewangan sedia ada ditukar dengan yang lain oleh pemiutang yang sama pada terma yang ketara perbezaannya, atau terima liabiliti sedia ada di modifikasi secara ketara, pertukaran atau modifikasi berkenaan di kaedahkan sebagai penyahiktiraf liabiliti asal dan pengiktirafan liabiliti yang baru, dan perbezaan di antara nilai bawa diiktiraf ke lebihan atau defisit.

iv. Hapus silang (Offsetting) instrumen kewangan

Aset dan liabiliti kewangan di hapus silang nilai bersih dilaporkan di penyata kedudukan kewangan sekiranya terdapat hak perundangan yang boleh dikuatkuasakan untuk menghapus silang amaun yang diiktiraf dan terdapat hasrat untuk menyelesaikan secara asas bersih, atau untuk merealisasikan aset dan liabiliti secara serentak.

Hutang lapuk dihapuskan dalam tempoh ia dikenal pasti. Satu anggaran dibuat bagi hutang ragu berasaskan kepada semakan semula semua jumlah tertunggak pada tarikh Penyata Kedudukan Kewangan.

Peruntukan Hutang Ragu akan dibuat untuk hutang-hutang yang dikenalpasti mengikut kategori berikut:

(a) Penyewa Aktif

Peruntukan Hutang Ragu akan diperuntuk ke atas semua tunggakan berumur satu (1) tahun dan ke atas.

(b) Penyewa Tak Aktif

Peruntukan Hutang Ragu akan diperuntuk ke atas semua tunggakan sekiranya tiada apa-apa bayaran diterima dalam tempoh enam (6) bulan selepas sewaan ditamatkan.



**j) Instrumen Kewangan - Liabiliti kewangan (sambungan)**

**iv. Hapus silang (Offsetting) instrumen kewangan (sambungan)**

**(c) Lain-lain Penghutang**

Peruntukan Hutang Ragu akan diperuntuk ke atas semua tunggakan satu (1) tahun dan ke atas.

**(d) Penjualan**

Tiada peruntukan dibuat keatas tunggakan hutang penjualan rumah Taman Nilam kerana pindah milik dan penyerahan kunci hanya dibuat selepas pembeli menjelaskan semua tunggakan yang ada.

**(e) Jumlah terhutang daripada anak syarikat**

Peruntukan Hutang Ragu akan diperuntuk ke atas jumlah terhutang daripada anak syarikat tiga (3) tahun ke belakang daripada tarikh akhir tahun kewangan.

**k) Tunai Dan Kesetaraan Tunai**

Tunai dan Kesetaraan Tunai merangkumi baki tunai dalam tangan dan bank dan deposit jangka pendek iaitu tiga (3) bulan dan kurang. Tunai dan Kesetaraan Tunai berkecairan tinggi serta mempunyai risiko perubahan nilai yang tidak penting.

**l) Pajakan Kewangan dan Operasi**

Kumpulan dan Lembaga mengiktiraf pajakan apabila terdapat perjanjian, sama ada secara nyata sebagai pajakan atau sebaliknya, di mana pihak pemberi pajak memindahkan kepada penerima pajak sebagai balasan bagi pembayaran atau ansuran pembayaran bagi menentukan hak untuk menggunakan aset bagi tempoh yang dipersetujui. Sesuatu pajakan akan di klasifikasi sebagai pajakan kewangan apabila ianya memindahkan sebahagian besar risiko dan ganjaran berkaitan pemilikan tersebut. Hakmilik mungkin atau mungkin tidak akan dipindahkan. Lain-lain pajakan yang tidak memenuhi kriteria ini akan di klasifikasi sebagai pajakan operasi.

**i. Akaun pajakan**

Kumpulan dan Lembaga mempermodalkan aset pajakan dan liabiliti pajakan yang berkaitan di dalam pajakan kewangan. Amaun diiktiraf pada tarikh permulaan ialah nilai saksama aset pajakan atau, sekiranya lebih rendah, nilai semasa bagi pembayaran minima pajakan, yang setiap nya ditentukan pada permulaan pajakan. Kadar diskaun yang digunakan di dalam pengiraan nilai semasa bagi pembayaran minima pajakan ialah kadar faedah yang tersirat kepada pajakan, sekiranya ianya dapat ditentukan, sekiranya tidak, kadar peningkatan pinjaman penerima pajakan akan digunakan. Sebarang kos langsung pajakan permulaan akan ditambah ke dalam amaun yang diiktiraf sebagai aset.

**l) Pajakan Kewangan dan Operasi (sambungan)**

**i. Akaun pajakan (sambungan)**

Pembayaran minima pajakan akan dikelaskan di antara caj kewangan dan pengurangan liabiliti belum dibayar. Caj kewangan diperuntukkan kepada setiap tempoh semasa sepanjang tempoh pajakan bagi menghasilkan kadar faedah yang berkala terhadap baki liabiliti. Sewa kontinjen di caj sebagai perbelanjaan di dalam tempoh ianya terjadi.

Pajakan aset yang dipermodalkan di klasifikasi berdasarkan sifatnya dan diakaunkan menurut piawaian berkaitan di dalam MPSAS 13. Sekiranya tiada kepastian yang munasabah bahawa penerima pajakan akan menerima hak pada penghujung tempoh pajakan, aset tersebut disusut nilai sepanjang tempoh pajakan atau hayat berguna; yang mana lebih pendek.

**ii. Pajakan operasi**

Kumpulan dan Lembaga tidak mempermodalkan aset pajakan dan liabiliti pajakan di dalam pajakan operasi. Sebaliknya, pembayaran pajakan di bawah pajakan operasi diiktiraf sebagai perbelanjaan berdasarkan asas kaedah garis lurus sepanjang tempoh pajakan melainkan terdapat asas lain yang lebih sistematik yang lebih mewakili corak masa kepada manfaat pengguna.

**iii. Pajakan tanah dan bangunan**

Bagi pajakan yang mempunyai elemen tanah dan bangunan, Kumpulan dan Lembaga mengenalpasti klasifikasi bagi setiap elemen sebagai pajakan kewangan atau pajakan operasi secara berasingan. Pembayaran minimum pembayaran (termasuk pembayaran pendahuluan secara sekaligus) adalah diperuntukkan di antara elemen tanah dan bangunan secara pembahagian kepada nilai semasa berkaitan faedah pajakan di dalam elemen tanah dan bangunan pajakan pada permulaan pajakan.

Sekiranya sebahagian besar risiko dan ganjaran berkaitan dengan pemilikan telah dipindahkan kepada penerima pajak, tanah dan bangunan pajakan adalah diiktiraf sebagai pajakan kewangan dan dipermodalkan sebagai hartanah, loji dan peralatan. Pajakan jangka pendek bagi tanah dan bangunan dianggap sebagai pajakan operasi dan aset pajakan yang terlibat tidak akan dipermodalkan. Sebarang pembayaran pendahuluan akan di klasifikasi sebagai pembayaran pajakan terdahulu, iaitu aset tidak ketara dalam sifat sebagai hak bagi kebolegunaan aset.

**m) Peruntukan-peruntukan**

Peruntukan-peruntukan diiktiraf apabila Kumpulan dan Lembaga mempunyai tanggungjawab semasa yang berikutan daripada peristiwa-peristiwa terdahulu dan bila kemungkinan bahawa sumber-sumber aliran keluar adalah diperlukan untuk menyelesaikan kewajipan. Peruntukan-peruntukan diiktiraf berdasarkan jumlah anggaran yang boleh diandaikan.

**n) Geran Kerajaan**

Geran Kerajaan diiktiraf apabila terdapat jaminan yang munasabah bahawa geran tersebut akan diterima dan Kumpulan dan Lembaga akan mematuhi semua syarat yang ditetapkan. Geran Kerajaan yang dikaitkan dengan perbelanjaan dikenalpasti sebagai pendapatan dalam Penyata Prestasi Kewangan berdasarkan kepada pendekatan yang sistematik pada tempoh yang diperlukan bagi menyesuaikan geran tersebut dengan perbelanjaan yang dijangkakan untuk dibayar.

Geran Kerajaan berkaitan dengan aset dimasukkan dalam liabiliti sebagai Geran Kerajaan dan dikreditkan kepada Penyata Prestasi Kewangan berasaskan kepada amaun aset yang diukur pada nilai saksama pada tarikh pemerolehan (MPSAS 23).

**o) Pengiktirafan Hasil**

**i) Hasil daripada Urusniaga Bukan Pertukaran**

Hasil daripada Urusniaga Bukan Pertukaran daripada Geran Kerajaan yang diukur pada nilai saksama dan diiktiraf apabila memperoleh Geran Kerajaan yang telah disalurkan melalui Dana Mengurus bagi tujuan menjalankan perbelanjaan operasi dalam tempoh kewangan. Pelunasan Geran bagi Geran Pembangunan dan Geran Projek Blueprint Langkawi hanya dilunaskan apabila projek telah siap sepenuhnya. Projek yang diiktiraf sebagai aset, Geran Kerajaan akan dilunaskan mengikut nilai kos aset pada tahun pengiktirafan aset tersebut.

**ii) Hasil daripada Urusniaga Pertukaran**

Hasil daripada jualan barangan diiktiraf apabila risiko dan ganjaran penting pemilikan telah dipindahkan kepada pembeli. Hasil dikira pada nilai saksama bagi pembayaran yang diterima atau boleh diterima, jumlah bersih, diskaun dagangan dan cukai berlaku untuk hasil.

Hasil daripada pelaksanaan perkhidmatan diiktiraf berasaskan kaedah peratusan penyiapan pada tarikh Penyata Kedudukan Kewangan.

Pendapatan faedah diiktiraf berasaskan kepada pembahagian masa dan kadar efektif yang menjangkau tempoh matang.

Pendapatan royalti, yuran lesen dan pendapatan sewa hartanah diiktiraf berasaskan akruan sesuai dengan substansi perjanjian.

Pendapatan dividen diiktiraf apabila hak para pemegang saham untuk menerima pembayaran ditentukan.

**p) Cukai Pendapatan**

Perbelanjaan cukai mengandungi cukai semasa dan tertunda. Perbelanjaan cukai semasa dan tertunda diiktiraf dalam Penyata Prestasi Kewangan kecuali ia berkaitan dengan perkara yang diiktiraf secara langsung dalam ekuiti, dalam kes di mana ia diiktiraf dalam ekuiti.

**p) Cukai Pendapatan (sambungan)**

Liabiliti cukai semasa adalah jangkaan cukai boleh dibayar ke atas pendapatan yang boleh dikenakan cukai untuk tahun kewangan berkenaan, menggunakan kadar cukai yang digubal atau digubal sebahagiannya pada tarikh Penyata Kedudukan Kewangan dan sebarang pelarasan pada cukai yang boleh dibayar bagi tahun-tahun sebelumnya.

Cukai Tertunda diiktiraf menggunakan kaedah liabiliti yang menyediakan perbezaan sementara antara jumlah aset dan liabiliti dibawa untuk tujuan laporan serta jumlah digunakan untuk tujuan pencukaian pada tarikh Penyata Kedudukan Kewangan. Liabiliti Cukai Tertunda diiktiraf untuk semua perbezaan sementara yang boleh dikenakan cukai. Cukai Tertunda tidak diiktiraf untuk perbezaan sementara berikut: pengiktirafan awal muhibah, pengiktirafan awal aset atau liabiliti dalam urusniaga yang bukannya kombinasi perniagaan dan tidak menjejaskan sama ada urusniaga atau keuntungan yang boleh dikenakan cukai (kerugian cukai).

Cukai Tertunda dikira pada kadar cukai yang dijangka akan digunakan pada perbezaan sementara apabila ia ditimbal balik berdasarkan undang-undang yang telah digubal atau digubal sebahagiannya menerusi tarikh Penyata Kedudukan Kewangan.

Aset Cukai Tertunda diiktiraf apabila terdapat kemungkinan bahawa keuntungan masa hadapan yang dikenakan cukai boleh didapati daripada perbezaan sementara yang boleh digunakan. Aset Cukai Tertunda disemak pada setiap tarikh laporan dan dikurangkan hingga tiada kemungkinan faedah cukai berkaitan akan dicapai.

**q) Manfaat - manfaat Pekerja yang berumur 50 tahun dan ke atas**

**(i) Manfaat Jangka Pendek**

Upah, gaji, bonus, elaun, cuti tahunan berbayar, cuti sakit dan penyumbangan untuk keselamatan sosial diiktiraf sebagai belanja dalam tahun kewangan semasa apabila perkhidmatan berkenaan telah diberikan oleh para pekerja.

**(ii) Skim Penyumbangan Tetap**

Mengikut kehendak undang-undang di Malaysia memberikan sumbangan kepada skim persaraan negara iaitu Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP). Pembayaran sumbangan tetap tersebut akan diiktiraf sebagai belanja dalam tahun kewangan semasa yang berkaitan. Apabila sumbangan tetap tersebut telah dilaksanakan, Lembaga tidak lagi mempunyai sebarang obligasi di masa depan.

**(iii) Manfaat Pemberhentian Pekerja**

Kumpulan dan Lembaga membayar manfaat pemberhentian untuk kes-kes pemberhentian pekerja. Manfaat-manfaat pemberhentian diiktiraf sebagai liabiliti dan belanja apabila Lembaga mempunyai pelan formal yang terperinci untuk pemberhentian dan tanpa kebarangkalian pengeluaran yang realistik.

r) Rosot nilai Aset Bukan Kewangan

Kerugian rosot nilai timbul apabila amaun dibawa aset Kumpulan dan Lembaga melebihi amaun boleh pulih.

Pada setiap tarikh pelaporan, kumpulan menilai sama ada terdapat sebarang tanda bahawa aset mungkin mengalami rosot nilai. Jika mana-mana petanda sedemikian wujud, amaun boleh pulih aset tersebut dianggarkan.

Apabila terdapat petanda bahawa aset mungkin mengalami rosot nilai tetapi ia tidak dapat menganggar amaun boleh pulih bagi aset tersebut. Kumpulan akan menganggarkan amaun boleh pulih bagi unit penajaan tunai di mana aset tersebut dimiliki.

Amaun boleh pulih aset dan unit penajaan tunai adalah lebih tinggi daripada nilai saksama ditolak kos untuk dijual dan nilai dalam penggunaan. Dalam menilai nilai dalam penggunaan, anggaran aliran tunai masa depan adalah didiskaunkan kepada nilai semasa dengan menggunakan kadar diskaun sebelum cukai yang menggambarkan penilaian pasaran semasa nilai masa wang dan risiko khusus kepada aset tersebut.

Jika amaun boleh pulih aset atau unit penajaan tunai kurang daripada amaun bawaan, kerugian rosot nilai diiktiraf untuk mengurangkan amaun bawaan kepada amaun boleh pulih. Kerugian rosot nilai bagi unit penajaan tunai adalah diperuntukkan kepada unit penajaan tunai dan kemudian kepada aset bukan semasa lain unit prorata atas asas amaun bawaan bagi setiap aset yang sesuai dalam unit penajaan tunai. Kerugian rosot nilai aset diiktiraf dengan serta-merta dalam keuntungan atau kerugian, melainkan aset dibawa pada amaun dinilai semula di mana ia dilayan sebagai pengurangan penilaian semula.

Amaun boleh pulih adalah lebih tinggi daripada nilai saksama ditolak kos untuk dijual, nilai dalam penggunaan aset atau unit penajaan tunai dan sifar.

Kerugian rosot nilai yang diiktiraf dalam tempoh sebelumnya untuk aset atau aset yang sesuai dalam unit penajaan tunai dibalikkan apabila terdapat perubahan dalam anggaran yang digunakan untuk menetapkan amaun boleh pulih aset. Kerugian rosot nilai yang dibalikkan hanya setakat tahap amaun bawaan aset tidak melebihi amaun bawaan yang ditentukan, ditolak susut nilai, jika tidak kerugian rosot nilai yang telah diiktiraf pada tempoh lepas. Pembalikan kerugian rosot nilai adalah diiktiraf dengan serta-merta dalam keuntungan atau kerugian, melainkan aset dibawa pada amaun dinilai semula, di mana ia dilayan sebagai peningkatan penilaian semula.

s) Kontingensi

Satu liabiliti atau aset kontinjen adalah satu obligasi yang mungkin ada atau aset yang timbul daripada peristiwa lepas dan di mana kewujudannya akan dipastikan hanya dengan berlakunya atau tidak berlakunya peristiwa masa depan yang tidak pasti yang tidak secara keseluruhannya dapat dikawal oleh Kumpulan. Liabiliti dan aset kontinjen tidak diiktiraf dalam Penyata Kedudukan Kewangan Kumpulan.

t) Pihak-pihak berkaitan

Kumpulan menganggap pihak berkaitan sebagai individu atau entiti yang mempunyai kebolehan untuk mengawal secara individu atau bersama, atau mempunyai pengaruh yang signifikan ke atas Kumpulan, atau sebaliknya. Ahli pengurusan utama di anggap sebagai pihak berkaitan kepada Kumpulan dan Lembaga.

u) Pengukuran Nilai Saksama

Nilai saksama sesuatu aset atau liabiliti, kecuali untuk pembayaran-berdasarkan saham dan transaksi pajakan, ditentukan berdasarkan harga yang mungkin diterima untuk menjual sesuatu aset atau membayar untuk memindahkan liabiliti di dalam sesuatu transaksi di antara pihak pasaran pada tarikh pengukuran. Pengukuran mengandaikan bahawasanya transaksi untuk menjual aset atau memindahkan liabiliti berlaku sama ada di dalam pasaran utama atau di dalam ketidakwujudan pasaran utama, di dalam pasaran yang paling berfaedah.

Untuk aset bukan kewangan, pengukuran nilai saksama mengambil kira keupayaan sesuatu pihak pasaran untuk menghasilkan faedah-faedah ekonomi dengan menggunakan aset di dalam penggunaan tertinggi dan terbaik atau dengan menjualnya kepada pihak pasaran yang lain yang akan menggunakan aset dengan penggunaan tertinggi dan terbaik.

Nilai saksama di atas yang ditentukan untuk tujuan pendedahan, adalah dikira berdasarkan nilai terkini aliran tunai pokok dan faedah masa hadapan, didiskaunkan pada kadar faedah pasaran pada akhir tarikh pelaporan. Kadar faedah ditentukan dengan merujuk kepada pengaturan pinjaman yang sama.

Semua aset dan liabiliti yang mana nilai saksama diukur atau dinyatakan di dalam penyata kewangan dikategorikan dalam hierarki nilai saksama, yang dinyatakan seperti berikut, berdasarkan input paras terendah yang ketara terhadap pengukuran nilai saksama secara keseluruhan:-

- |          |  |
|----------|--|
| Tahap 1: | Tersiar harga (tidak dilaras) harga pasaran dalam pasaran aktif bagi aset atau liabiliti yang serupa.  |
| Tahap 2: | Teknik penilaian yang mana input paras terendah yang ketara terhadap pengukuran nilai saksama secara langsung atau tidak langsung yang boleh diperhatikan. |
| Tahap 3: | Input bagi aset atau liabiliti yang tidak berdasarkan data pasaran yang boleh diperhatikan (input tidak boleh diperhatikan)                                |

LADA mengiktiraf pindahan di antara tahap hierarki nilai saksama pada tarikh acara atau perubahan dalam sesuatu keadaan yang menyebabkan pindahan tersebut.

#### v) Maklumat Bajet

Bajet Lembaga telah disediakan dengan menggunakan asas yang berlainan daripada penyata kewangan. Penyata Kewangan Lembaga disediakan pada asas akrual manakala bajet disediakan pada asas tunai. Jumlah sebenar di dalam Penyata Prestasi Bajet dinyatakan pada asas tunai bagi Geran Mengurus dan Pembangunan Lembaga.

#### 4. PERTIMBANGAN DAN ANGGARAN PERAKAUNAN YANG KETARA

Penyediaan penyata kewangan memerlukan pihak pengurusan membuat pertimbangan, anggaran dan andaian yang boleh memberi kesan kepada jumlah pendapatan, perbelanjaan, aset dan liabiliti dan pendedahan liabiliti luar jangka oleh pihak pengurusan pada tarikh laporan ini. Walau bagaimanapun, ketidaktentuan mengenai andaian dan anggaran ini boleh menyebabkan pelarasan yang ketara perlu dibuat ke atas jumlah bawaan aset atau liabiliti di masa akan datang.

##### Pertimbangan dalam menerima pakai dasar perakaunan

Dalam proses mengguna pakai dasar perakaunan, pihak pengurusan telah membuat pertimbangan berikut yang mempunyai kesan paling ketara ke atas jumlah diiktiraf di dalam penyata kewangan:

##### i. Klasifikasi antara pelaburan hartanah dan hartanah, loji dan peralatan

Berdasarkan MPSAS 16 dalam membuat pertimbangan sama ada hartanah layak ditakrif sebagai pelaburan hartanah. Pelaburan hartanah adalah harta yang digunakan untuk mendapatkan sewa atau kenaikan modal atau kedua-duanya.

Sesetengah hartanah terdiri daripada sebahagian yang dipegang untuk memperoleh sewa atau untuk kenaikan modal dan pilihan lain yang dipegang untuk kegunaan dalam pengeluaran atau perkhidmatan atau untuk tujuan pentadbiran. Sekiranya bahagian ini boleh dijual secara berasingan, perekodan akan mengambil kira bahagian tersebut secara berasingan. Sekiranya bahagian ini tidak boleh dijual secara berasingan, hartanah itu merupakan hartanah pelaburan hanya jika bahagian tidak tidak ketara dipegang untuk kegunaan dalam pengeluaran atau perkhidmatan atau untuk tujuan pentadbiran. Penilaian dibuat ke atas hartanah secara individu untuk menentukan sama ada perkhidmatan sampingan adalah begitu ketara bahawa hartanah tidak layak sebagai pelaburan hartanah.

#### 4. PERTIMBANGAN DAN ANGGARAN PERAKAUNAN YANG KETARA (sambungan)

##### Pertimbangan dalam menerima pakai dasar perakaunan (sambungan)

##### ii. Rosot nilai pembiayaan dan penghutang

Kumpulan menilai pada setiap tarikh laporan sama ada terdapatnya bukti yang objektif bahawa satu aset kewangan telah rosot nilai. Untuk menentukan sama ada terdapatnya bukti yang objektif bagi rosot nilai, Kumpulan mempertimbangkan faktor-faktor seperti kebarangkalian ketidakmampuan bayar atau kesukaran kewangan ketara penghutang dan kemungkiran atau kelewatan ketara dalam membuat bayaran. Nilai bawaan dan perincian mengenai penghutang.

##### iii. Susut nilai hartanah, loji dan peralatan

Kos sesuatu item hartanah, loji dan peralatan disusut nilaikan mengikut kaedah garis lurus atau satu lagi kaedah sistematik yang menunjukkan penggunaan faedah ekonomi aset ke atas jangka hayat berguna. Anggaran digunakan dalam pemilihan kaedah susut nilai, hayat berguna dan nilai residual. Penggunaan sebenar faedah ekonomi bagi hartanah, loji dan peralatan mungkin berbeza daripada anggaran yang digunakan dan ini boleh membawa kepada keuntungan atau kerugian atas pelupusan sesuatu hartanah, loji dan peralatan.

##### iv. Pengukuran peruntukan

Kumpulan dan Lembaga menggunakan "anggaran terbaik" sebagai asas untuk mengukur peruntukan. Pengurusan menilai anggaran berdasarkan pengalaman sejarah. Kumpulan dan Lembaga dan input lain atau andaian, perkembangan semasa dan peristiwa masa hadapan yang secara munasabah berkemungkinan dalam keadaan tertentu. Dalam kes apabila peruntukan yang berkaitan dengan populasi besar (seperti peruntukan jaminan), suatu anggaran kebarangkalian berwajaran aliran keluar diperlukan untuk menyelesaikan obligasi tersebut digunakan. Dalam kes suatu anggaran tunggal (seperti peruntukan untuk kos pemulihan alam sekitar), harga kontraktor yang dirujuk atas harga pasaran digunakan sebagai anggaran terbaik.

Jika obligasi adalah untuk diselesaikan dari masa ke masa, aliran keluar dijangka di diskaun pada kadar yang mengambil kira nilai masa wang dan risiko bahawa keputusan sebenar mungkin berbeza daripada anggaran yang dibuat. Keputusan sebenar mungkin berbeza daripada anggaran yang dibuat dan ini akan membawa kesan yang besar ke atas kedudukan kewangan dan keputusan Kumpulan dan Lembaga.

LEMBAGA PEMBANGUNAN LANGKAWI  
(Ditubuhkan di Malaysia Mengikut Akta 423)

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN  
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2021

5 TUNAI DAN KESETARAAN TUNAI

	2021 RM	2020 RM
Tunai Di Tangan Dan Di Bank	4,179,022	14,242,941
Deposit Dengan Institusi Kewangan - Bagi Tempoh Matang 3 Bulan dan Kurang	156,076,686	105,072,275
<b>JUMLAH LEMBAGA</b>	<b>160,255,708</b>	<b>119,315,216</b>
JUMLAH ANAK SYARIKAT	23,192,872	31,821,826
<b>JUMLAH KUMPULAN</b>	<b>183,448,580</b>	<b>151,137,042</b>

6 LAIN-LAIN PELABURAN

	2021 RM	2020 RM
Deposit Dengan Institusi Kewangan - Bagi Tempoh Matang Lebih Daripada 3 Bulan	133,770,003	225,758,547
<b>JUMLAH LEMBAGA</b>	<b>133,770,003</b>	<b>225,758,547</b>
JUMLAH ANAK SYARIKAT	53,702,951	43,331,875
<b>JUMLAH KUMPULAN</b>	<b>187,472,954</b>	<b>269,090,422</b>

7 PELBAGAI PENGHUTANG

	2021 RM	2020 RM
DANA MENGURUS		
Pelbagai Penghutang	31,481,264	29,813,557
Profit sharing Terakru	435,883	-
Sewa Rumah/Pejabat/Konsesi Terakru	5,063,088	4,935,456
Keuntungan Simpanan Tetap Terakru	240,952	353,513
Dividen Terakru Pelaburan Yacht Club	5,690,000	4,620,000
Tolak : Peruntukan Hutang Ragu	(29,297,449)	(22,301,356)
	<b>13,613,738</b>	<b>17,421,170</b>
DANA PEMBANGUNAN		
Keuntungan Simpanan Tetap Terakru	89,530	79,400
	<b>89,530</b>	<b>79,400</b>
DANA AMANAH		
Penghutang Pinjaman Kenderaan	219,492	265,394
Penghutang Pinjaman Komputer	208,389	219,150
Penghutang Pajakan Tanah LADA	22,823,395	22,823,395
Keuntungan Simpanan Tetap Terakru	843,554	1,064,912
Pelbagai Penghutang	136,969	176,969
Tolak : Peruntukan Hutang Ragu	(4,403)	-
	<b>24,227,396</b>	<b>24,549,820</b>
<b>JUMLAH LEMBAGA</b>	<b>37,930,664</b>	<b>42,050,390</b>
Anak Syarikat	2,194,963	1,232,610
